


Jilid II
Bil. 9



Hari Jumaat
23hb Mac, 1984

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KEENAM

Sixth Parliament

PENGGAL KEDUA

Second Session

KANDUNGAN

JAWAPAN JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN
[Ruangan 1241]

RANG UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH PERSE-
KUTUAN) [Ruangan 1289]

RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA
(PINDAAN) [Ruangan 1331]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KEENAM

Penyata Rasmi Parlimen

Penggal Yang Kedua

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Pertahanan, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMED, S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATUK MUSA HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Panti).

Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR NEO YEE PAN, S.P.M.J., B.S.I. (Muar).

„ Menteri Kerjaraya, DATO' S. SAMY VELLU, S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungei Siput).

„ Menteri Luar Negeri, TAN SRI HAJI MOHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.S.A.P., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).

„ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATIN PADUKA HAJJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Ulu Kelantan).

„ Menteri Pengangkutan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).

„ Menteri Pertanian, DATO' ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perusahaan Awam, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri Pelajaran, DATUK DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

Yang Berhormat Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).

„ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).

„ Menteri Buruh, DATO' MAK HON KAM, D.P.M.P., J.M.N., A.M.P. (Tanjong Malim).

„ Menteri Penerangan, DATUK SERI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri merangkap Duta Besar Malaysia ke Indonesia, DATO MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., P.N.B.S., K.M.N. (Pulau).

„ Menteri Kesihatan, DATO CHIN HON NGIAN, D.S.I.J. (Rengam).

„ Menteri Wilayah Persekutuan, DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru)

„ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN ANWAR BIN HAJI IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK DR JAMES P. ONGKILI, S.P.D.K., D.I.M.P. (Tuaran).

„ Timbalan Menteri Penerangan, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).

„ Timbalan Menteri Pertanian, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).

„ Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).

„ Timbalan Menteri Kewangan, DATO DR LING LIONG SIK, D.P.M.P. (Mata Kuching).

„ Timbalan Menteri Buruh, DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).

„ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' DR NIK HUSSAIN BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.K., K.M.N. (Kuala Krai).

„ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, D.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Timbalan Menteri Buruh, DATUK WILLIAM LYE CHEE HIEN, P.G.D.K., A.S.D.K. (Gaya).

„ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' HAJI MOHAMED SUHAIMI BIN DATO' HAJI KAMARUDDIN, D.P.M.S., A.M.N. (Sepang).

„ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertahanan, ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, J.M.N. (Paloh).

„ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN LUHAT WAN (Baram).

„ Timbalan Menteri Dalam Negeri, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).

„ Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATIN PADUKA CHOW POH KHENG *alias* ROSEMARY CHONG, D.P.M.S. (Ulu Langat).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, PUAN SHARIFFAH DORA BINTI SYED MOHAMED, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Semerah).

„ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MUHYIDDIN BIN HAJI MOHD. YASSIN, S.M.J., P.I.S. (Pagoh).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SUBRAMANIAM (Segamat).

„ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO DR TAN TIONG HONG, D.S.A.P. (Raub).

„ Timbalan Menteri Penerangan, PUAN HAJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, J.S.M., S.M.S., A.M.N., P.J.K. (Selayang).

„ Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' MOHAMED KHALIL YAAKOB, D.S.A.P., J.S.M. (Maran).

„ Timbalan Menteri Kewangan, DATO SABBARUDDIN CHIK, D.S.A.P. (Temerloh).

„ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, PUAN NAPSIAH BINTI OMAR (Kuala Pilah).

„ Timbalan Menteri Luar Negeri, TUAN ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Baru).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, TUAN RADZI BIN SHEIKH AHMAD (Kangar).

„ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO LEE KIM SAI, D.P.M.S., P.P.N. (Ulu Selangor).

„ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN OO GIN SUN, S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).

„ Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, TUAN AHMAD SHAH BIN DATUK HUSSEIN TAMBAKAU (Keningau).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, P.B.S. (Sarikie).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN JAWAN ANAK EMPALING, K.M.N. (Rajang).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN HUSSEIN BIN MAHMUD (Tanah Merah).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN AU HOW CHEONG, A.M.P. (Telok Anson).

„ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ZAINAL ABIDIN BIN ZIN (Bagan Serai).

- Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, A.M.P. (Gerik).
- „ Setiausaha Parlimen Jabatan Perdana Menteri, TUAN AWANG BIN JABAR, P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MUSTAFFA BIN MOHAMMAD (Sri Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN YEOH POH SAN (Petaling).
- „ TUAN ABDILLAH BIN HAJI ABDUL HAMID (Silam).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH, P.P.N., B.S.K., A.S.D.K. (Kinabatangan).
- „ DR ABDUL HAMID BIN PAWANTEH (Arau).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHIM BIN ABU BAKAR, A.M.N., S.M.P. (Kuantan).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN SULIMAN (Parit Buntar).
- „ DATUK PATINGGI HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN HAJI AFFANDY BIN TUN HAJI MOHD. FUAD STEPHENS (Marudu).
- „ TUAN AHMED HAMBAL BIN YEOP MAJLIS, P.P.T. (Parit).
- „ DATUK ALFRED JABU ANAK NUMPANG, P.N.B.S., K.M.N. (Betong).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI, P.J.K. (Ulu Trengganu).
- „ TUAN ANDREW JANGGI MUYANG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BAHARI BIN HARON (Labis).
- „ TUAN BAN HON KEONG (Batu Gajah).
- „ DR GEORGE CHAN HONG NAM (Lambir).
- „ TUAN CHAN KOK KIT (Sungei Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ DATO MICHEAL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Beruas).
- „ TUAN PETER CHIN GAN OON, P.M.P. (Ipoh).
- „ DATUK CLARENCE E. MANSUL, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN DAIM ZAINUDDIN (Kuala Muda).
- „ TUAN DAUD BIN DATO HAJI TAHA (Batu Pahat).
- „ TUAN HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD (Tumpat).

Yang Berhormat TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).

- „ DATUK EDWIN ANAK TANGKUN, P.N.B.S., P.B.S., A.B.S. (Batang Lupur).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN NEWMAN GABAN (Bandau).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. GOVINDARAJ, A.M.N., P.J.K. (Pelabuhan Kelang).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K., S.P.M.J. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASSAN BIN HAJI MOHAMED, K.M.N., A.M.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HASSAN ALBAN BIN HAJI SANDUKONG, J.P. (Labuk Sugut).
- „ DATO DR HEE TIEN LAI, D.S.I.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I., J.P. (Ayer Hitam).
- „ TUAN IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD, A.M.K. (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ DATO JAMALUDDIN BIN HAJI SUHAIMI, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN JUSTINE ANAK JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN HAJI MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- „ TUAN KAN YAU FA, A.S.D.K. (Tawau).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN KHADRI BIN SABRAN (Tenggaroh).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ DR KOH TSU KOON (Tanjong).
- „ DATO LEE BOON PENG, D.S.N.S., A.M.N., P.J.K., J.P. (Mantin).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ DATUK LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, P.N.B.S., P.B.S. (Kapit).
- „ DATO LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N. (Shah Alam).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM LIANG SENG, P.P.T. (Kinta).
- „ TUAN LING SIE MING (Sibu).
- „ TUAN MAMAT GHAZALEE BIN ABDUL RAHMAN, S.M.T., P.J.K. (Ulu Nerus).
- „ TUAN MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB (Hilir Perak).

- Yang Berhormat DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, A.M.N. (Pekan).
- „ TUAN MOHAMED RAZLAN BIN HAJI ABDUL HAMID, P.P.N., P.P.T. (Matang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N., (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD IDRIS BIN MOHAMMAD BASRI (Setapak).
- „ TUAN MOHAMMAD YAHYA BIN LAMPONG, A.S.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHAMMED YUSSOF BIN HAJI YAKOB (Hilir Padas).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN MOKHTARAM BIN RABIDIN, A.M.N., P.P.N., P.I.S. (Pontian).
- „ TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).
- „ TUAN NG CHENG KUAI (Lumut).
- „ DATO' HAJI NGAH BIN HAJI ABDUL RAHMAN, S.P.M.J., S.S.I.J., P.I.S., B.S.I., A.M.N., J.P. (Ledang).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ TUAN OMAR BIN ABDULLAH (Tampin).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDUL (Ulu Muda).
- „ DATUK PENGIRAN OTHMAN BIN HAJI PENGIRAN RAUF, P.G.D.K., A.D.K. (Kimanis).
- „ TUAN PATRICK ANAK UREN (Mas Gading).
- „ TUAN QUAH WEE LIAM, P.I.S., B.S.I. (Kluang).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Padang Rengas).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN HAJI SEROJI BIN HAJI HARON, A.M.N., P.P.N., B.K.M. (Baling).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALEH, A.M.N., P.K.T., J.P. (Balik Pulau).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TAN SRI DATO' SYED AHMAD SHAHABUDDIN AL-HAJ, P.S.M., S.P.M.K., S.S.D.K., P.N.B.S., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- „ TUAN TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Damansara).
- „ TUAN TAN KOK HOOI (Padang Serai).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).

Yang Berhormat TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMAD (Jerantut).
- „ WAN IBRAHIM BIN WAN ABDULLAH (Pasir Mas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN YAHYA BIN HAJI ZAKARIA, P.P.T. (Bagan Datok).
- „ TUAN YEW FOO WENG (Menglembu).
- „ DATIN PADUKA ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Tanjong Karang).

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap.

Penyunting: P.B. Menon

Penyunting: Haji Osman bin Sidik.

Pemberita-pemberita:

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim.

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 23hb Mac, 1984

Mesyuarat dimulakan pada pukul 3.00 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusi-*
kan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat
Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad.

(*Soalan No. 1 Y.B. Tuan Haji Dusuki
bin Haji Ahmad tidak hadir.*)

BERAS—PENGELUARAN
NEGARA

2. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pertanian menyatakan berapa peratuskan kemampuan Malaysia menghasilkan keperluan beras negara sekarang. Nyatakan berapa banyak beras yang dihasilkan dalam negeri dan berapa banyak pula diimpor dari negara jiran tiap-tiap tahun bagi tempoh tahun 1980, 1981, 1982 dan 1983. Sejauh manakah usaha dan kejayaan MARDI setakat ini dalam tugasnya membantu Kerajaan bagi memperbaiki dan menambahkan pengeluaran padi negara.

Timbalan Menteri Pertanian (Tuan Luhat Wan): Tuan Yang di-Pertua pengeluaran beras bagi tempoh lima tahun yang lepas telah mampu memenuhi beras keperluan negara di antara 65% hingga ke 85%. Malaysia mampu mencapai pengeluaran beras di antara 80% hingga 85% sebagai matlamat yang telah ditetapkan di bawah Dasar Pertanian Negara. Pengeluaran beras Malaysia ialah sebanyak 1.35 juta tan metrik dalam tahun 1980, 1.30 juta tan

metrik dalam tahun 1981, 1.21 juta tan metrik dalam tahun 1982 dan 1.20 juta tan metrik dalam tahun 1983.

Beras yang diimpor oleh Malaysia ialah 167,000 tan metrik dalam tahun 1980, 317,000 tan metrik dalam tahun 1981, 403,000 tan metrik dalam tahun 1982 dan 385,000 tan metrik dalam tahun 1983. Di antara usaha-usaha dan kejayaan-kejayaan MARDI dalam membantu Kerajaan bagi memperbaiki dan menambahkan pengeluaran padi negara adalah seperti berikut:

Pengenalan secara rasmi 15 jenis-jenis padi bermutu yang dapat menghasilkan antara 4.5 hingga 5.5 metrik tan sehektar.

Memperkenalkan amalan-amalan KETURA penanaman padi yang kemas. Membuat pengesyoran pembajaan untuk semua kawasan padi di Semenanjung Malaysia.

Mengenal semua jenis-jenis penyakit dan perosak-perosak padi serta menggubal cara-cara pegesanan dan pengenalan yang berkesan.

Memperkemaskan sistem tanaman tabur terus di kawasan-kawasan yang sesuai.

Merintis jalan ke arah peningkatan penggunaan jentera dengan mengenal pasti jentera pertanian berpotensi untuk menyedia tanah menuai dan mengubah semai dan memahami masalah-masalah penuaian di ladang supaya pembaziran dari segi mutu dan hasil dapat dikurangkan.

Tuan Chan Kok Kit: Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri beritahu sama ada Kerajaan akan menjemput pakar-pakar dari Taiwan ke sini untuk bantu memperkenalkan tanaman padi

tiga kali setahun seperti yang dilakukan dengan jayanya di Taiwan supaya dapat menambahkan pengeluaran padi di negara kita.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, pada masa kini Kerajaan belum lagi membuat cadangan bagaimana yang disyorkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Akan tetapi kita harus meneliti jikalau berfaedah bagi Malaysia, kita harus mengambil expert dari luar negeri bagaimana yang dicadang oleh Yang Berhormat itu kita akan mempertimbangkan soal itu.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Soalan tambahan. Daripada jawapan Timbalan Menteri tadi ada menyebutkan di dalam tahun-tahun yang berkenaan Kerajaan kita telah mengimpot padi daripada luar negeri dengan begitu banyak. Dengan rancangan-rancangan raksaksa daripada Kementerian Pertanian, kerana kita tahu Malaysia adalah sebuah negara yang boleh di tanam padi dengan begitu banyak kawasan yang masih belum di tanam padi, dapatkah Timbalan Menteri itu menerangkan di dalam Dewan ini pada tahun 1984 ataupun dalam tahun 1985 ini, adakah kita terpaksa lagi mengimpot beras daripada luar negeri. Dan sekiranya jika tidak ada, kenapa dan mengapa?

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, bagaimana yang saya telah jelaskan dalam jawapan saya tadi iaitu negara kita sekarang mampu menghasilkan 80% hingga 85% beras untuk kegunaan negara kita dan yang lebih dari itu kita import dari negara lain, oleh kerana kalau kita bandingkan production cost beras di negara kita dengan negara jiran lebih mudah jikalau kita membeli ataupun import beras dengan mengadakan beras kita sendiri. Jadi berpadanlah bagaimana yang saya sebut dalam jawapan saya tadi negara kita sudah mampu menghasilkan 80% hingga 85%—itu dianggap sudah mencukupi untuk kepentingan negara kita.

Tuan Justine anak Jinggut: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Oleh kerana negara kita masih

mengimport beras pada waktu sekarang, adakah Kementerian berkenaan bercadang hendak menubuhkan skim padi di Sarawak oleh kerana Sarawak masih mempunyai tanah yang luas yang sesuai untuk menanam padi.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, sekarang Kerajaan sudah menubuhkan beberapa tempat untuk menanam padi khasnya macam di Bahagian Pertama, Kedua dan juga Bahagian Keempat sebagaimana yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu, Kerajaan sekarang sedang memperbaiki rancangan-rancangan yang sudah sedia ada di Sarawak dan sungguhpun negeri Sarawak begitu luas tetapi jikalau kita banding tempat dengan Semenanjung sini di Semenanjung didapati lebih banyak tempat yang baik untuk ditanamkan dengan tanaman padi daripada Sarawak oleh kerana di Sarawak kebanyakan tempatnya berbukit-bukau dan tidak seharusnya kita memaksa petani-petani itu sentiasa menanam padi secara shifting cultivation, dengan izin, tetapi kita sekarang harus memperbaiki beberapa rancangan Kerajaan yang sudah dimulakan sejak kita memasuki Persekutuan Malaysia dahulu dan ini dianggap cukup untuk negeri Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Karpal Singh.

(Soalan No. 3 Y.B. Tuan Karpal Singh tidak hadir.)

PEMBORONG BUKAN BUMIPUTERA DALAM PROJEK PKEN

4. Tuan Peter Chin Gan Oon minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan sama ada pemborong-pemborong bukan Bumiputera dapat menawarkan projek-projek yang dijalankan oleh berbagai Perbadanan Kemajuan Negeri dan jika ya:

(i) bolehkah mereka berhak menawarkan bagi semua projek;

(ii) jika bukan semua tawaran, apakah sekatan-sekatannya; dan

- (iii) adakah menjadi dasar Perbadanan Kemajuan Negeri untuk menjalankan semua projek dengan harga yang paling rendah, iaitu menerima tawaran yang sempurna yang paling rendah dengan sebab bahawa wang bayaran adalah daripada tabung awam yang disumbangkan oleh rakyat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam (Tuan Hussein bin Mahmud): Tuan Yang di-Pertua, dalam menawarkan kerja-kerja kontrak untuk projek-projek mereka kepada pemborong-pemborong PKEN-PKEN ataupun Perbadanan Ekonomi Negeri-negeri secara umumnya adalah sentiasa menggunakan garis-garis panduan seperti pekeliling-pekeliling yang dipakai oleh Jabatan-jabatan Kerajaan yang lain.

Kerja-kerja kontrak PKEN adalah terbuka kepada semua pemborong kecuali kontrak yang bernilai kurang daripada \$50,000 yang sama adalah ditawarkan kepada pemborong-pemborong bumiputera sahaja.

Manakala kontrak yang bernilai lebih daripada \$50,000 adalah ditawarkan melalui tender terbuka.

Dari jumlah \$2,826,133 juta kerja-kerja kontrak sehingga tahun 1983 yang ditawarkan oleh PKEN sebanyak \$876.041 juta telah diberikan kepada pemborong-pemborong bukan bumiputera iaitu kira-kira 31% sementara \$1,950.092 juta atau 69% diberi kepada bumiputera.

Adalah menjadi dasar PKEN untuk memilih tawaran yang paling baik di dalam pemilihan pemborong-pemborong bagi projek-projeknya.

Pertimbangan-pertimbangan tertentu adalah diambil kira seperti kemampuan pemborong dalam mengendalikan satu-satu projek, pengalaman-pengalaman, prestasi dan kecekapan pemborong dalam menjalankan sesuatu projek di samping harga tawarannya dalam memilih pemborong-pemborong ini.

Oleh itu, pemilihan pemborong-pemborong ini tidaklah hanya tertakluk kepada tawaran yang paling rendah sahaja tetapi juga menitikberatkan perkara-perkara seperti yang telah saya nyatakan tadi.

Tuan Yew Foo Weng: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Setiausaha Parlimen adakah beliau sedar bahawa dalam menjalankan kontrak dengan secara usahasama (joint-venture) di antara kontraktor bumiputera dengan kontraktor bukan bumiputera mereka ada menghadapi sekatan seperti pendaftaran dan kelas kerja yang sesuai tetapi bila ada keadaan seperti usahasama kontraktor tempatan dengan kontraktor asing iaitu dari negeri Jepun dan lain-lain, PKEN tidak memerlukan mereka mendapat pendaftaran seperti kelas yang sesuai. Bolehkah Setiausaha Parlimen menyatakan apa sebab sekatan ini dihapuskan dalam keadaan seperti usahasama dengan kontraktor dari negeri asing.

Tuan Hussein bin Mahmud: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Yang Berhormat kerana telah menimbulkan perkara ini di Dewan yang mulia ini. Oleh sebab pihak kami di Kementerian belum menyedari akan wujudnya perkara ini maka tidaklah dapat saya memberi apa-apa penjelasan yang lanjut. Walau bagaimanapun, sekiranya perkara ini didapati betul tindakan-tindakan yang sewajarnya akan diambil.

SKIM PINJAMAN PERUMAHAN—HAD UMUR

5. Tuan Gooi Hock Seng minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan masih bercadang untuk melebihi had umur minima bagi pemohon-pemohon pinjaman perumahan Kerajaan, dari had umur sekarang 30 tahun kepada 35 tahun. Jika benar, nyatakan bagaimana perbezaan umur 5 tahun boleh membawa bantuan kepada pihak Kerajaan.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Ling Liong Sik): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Kerajaan sehingga masa ini masih tiada apa-apa cadangan untuk meleb.hkan had umur minima dari 30 tahun kepada 35 tahun. Walau bagaimanapun, seperti rancangan Kerajaan yang lain pelaksaa Skim Pinjaman Perumahan ini akan dikaji dari masa ke semasa sejajar dengan dengan matlamat Kerajaan dan keadaan ekonomi negara.

HAKMILIK BUMIPUTERA DALAM EKUITI SYARIKAT AWAM

6. Tuan Mohd. Idris bin Mohd. Basri minta Perdana Menteri menyatakan adakah pencapaian 18% hakmilik Bumiputera dalam ekuiti syarikat-syarikat awam sehingga hari ini adalah suatu tahap yang menasabah dalam pencapaian matlamat Dasar Ekonomi Baru menjelang tahun 1990, jika t.dak, adakah tarikh ini dilanjutkan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili: Tuan Yang di-Pertua, dengan izin. Mengenai soalan ini, saya minta Ahli Yang Berhormat menunggu pembentangan dokumen Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat pada 29hb Mac, 1984.

PENULISAN JAWI DI SEKOLAH- SEKOLAH—KEMAJUAN

7. Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan minta Menteri Pelajaran menyatakan kemajuan penulisan Jawi dalam sekolah-sekolah di negara ini dan adakah Kerajaan bercadang memperhebatkannya dan apakah langkah-langkah yang hendak diambil.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khalil Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, pelajaran Jawi di sekolah di negara ini telah dapat dijalankan dengan ba.k. Pelajaran ini telah diterapkan sebagai sebahagian dari sukatan pelajaran Bahasa Malaysia. Penguasaan pelajaran Jawi di kalangan

murid-murid bertambah kokoh apabila mereka dapat mempelajari serta menggunakan tulisan Jawi di dalam matapelajaran Agama Islam.

Dengan pelaksanaan Kurikulum Baru Sekolah Rendah, pelajaran Jawi menjadi sebahagian dari sukatan pelajaran Bahasa Malaysia.

Beberapa langkah sedang diambil oleh Kementerian Pelajaran untuk memastikan pelajaran Jawi dipelajari dengan pesat lagi.

Langkah-langkah itu adalah seperti berikut:

- (1) Membanyakkan lagi latihan-latihan penggunaan tulisan Jawi semasa pelajaran Jawi dijalankan.
- (2) Latihan penggunaan tulisan Jawi diperhebatkan lagi di dalam pelajaran Agama Islam.
- (3) Murid-murid digalakkan membaca bahan-bahan bacaan di dalam tulisan Jawi.
- (4) Sekolah-sekolah digalakkan menambah bahan-bahan bacaan tulisan Jawi.

Tuan Khadri bin Sabran: Tuan Yang di-Pertua. Sungguhpun di sekolah-sekolah dewasa ini ada memuatkan matapelajaran Jawi di dalam pengajaran Bahasa Malaysia tetapi implementasinya agak kurang memuaskan kerana guru yang mengajar matapelajaran Bahasa Malaysia itu sendiri tak mampu untuk menulis Jawi ataupun jika sekiranya mereka mampu guru-guru tersebut segan untuk menulis Jawi di papan hitam lantaran tulisan mereka tak berapa elok.

Jadi, soalnya, adakah Kerajaan akan menganjurkan kursus-kursus dalam perkhidmatan bagi guru-guru yang mengapar matapelajaran Bahasa Malaysia ini di dalam bidang penulisan Jawi dan kedua, adakah Kerajaan pada masa-masa yang akan datang akan memastikan bahawa pengambilan guru-guru pelatih untuk memasuki maktab-maktab perguruan

di dalam negara ini yang akan mengikuti kursus mengajar Bahasa Malaysia supaya mereka ini terlebih dahulu menyatakan dan membuktikan mereka ini tahu menulis dan membaca Jawi.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang Dipertua, saya tidak sedar apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat ada guru-guru yang tulisan Jawinya tidak elok. Saya ingin jelaskan juga dalam rangka kita mengajar Bahasa Malaysia ini, dua jenis sistem tulisan digunakan satu daripadanya Rumi yang jumlah besar digunakan sekarang. Sekiranya kelas sesuatu yang diajar oleh guru itu bukan yang melibatkan penggunaan Jawi, jadi sudah tentu pada waktu itu Jawi tidak digunakan. Sama ada kita hendak memberi kursus kepada guru-guru yang dikatakan oleh Yang Berhormat tadi tidak elok menulis Jawi, tidak pandai Jawi dan sebagainya ini boleh difikirkan.

Yang kedua, sama ada pelatih-pelatih pada maktab-maktab yang akan datang dikehendaki mengetahui Jawi, seperti saya katakan tadi ini akan difikirkan sekiranya Jawi menjadi sebahagian daripada Bahasa Malaysia, dan apabila perkara ini berlaku kita akan menggunakan kriteria kelulusan bahasa seperti yang ada sekarang.

RUMAH KOS RENDAH— PEMBINAAN

8. Tuan Mamat Ghazalee bin Abdul Rahman minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan bagaimanakah prestasi sektor swasta di dalam program perumahan Kos Rendah dalam RME sehingga ini. Adakah Menteri yakin terhadap sambutan dan prestasi sektor swasta bagi mencapai matlamat yang ditetapkan. Apakah langkah-langkah baru untuk menggalakkan sektor swasta meningkatkan penglibatan dan prestasi mereka.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Puan Napsiah binti Omar): Tuan Yang Dipertua, saya suka memaklumkan kepada Yang

Berhormat bahawa pada keseluruhannya pemaju swasta telah siap membina sebanyak 70,433 unit atau 21% daripada jumlah sasaran, sebanyak 349,470 pada akhir tahun 1983. Daripada sasaran tersebut sebahagiannya iaitu 90,000 adalah rumah kos rendah. Bilangan rumah kos rendah yang dapat disiapkan oleh pemaju swasta dalam tempoh yang sama adalah sebanyak 12,479 unit ataupun 13.9% daripada sasarannya.

Prestasi pemaju swasta yang kurang memuaskan itu adalah disebabkan keadaan ekonomi yang lembab dan meleset yang dialami pada masa ini. Oleh kerana sasaran rumah kos rendah yang dirancang bagi pemaju swasta adalah sebahagian daripada sasaran keseluruhan mereka, kesan keadaan ekonomi lembab juga telah membawa kesan negative atas pembinaan rumah kos rendah tersebut. Prestasi pemaju yang kurang baik itu bukan hanya disebabkan oleh keadaan kemerosotan ekonomi sahaja tetapi juga kerana sebahagian besar dari usaha-usaha pemaju swasta ditumpukan kepada pembinaan rumah kos tinggi yang tidak mampu dibeli oleh sebahagian besar rakyat. Dengan tanda-tanda positif bahawa keadaan ekonomi dunia sedang pulih semula serta perubahan aliran kepada pembinaan lebih banyak rumah kos rendah dan sederhana, saya yakin prestasi yang lebih memuaskan langkah tersebut ini adalah seperti dapat dicapai.

Kerajaan telah dan sedang mengamalkan beberapa langkah tertentu untuk menggalakkan lagi penglibatan dan prestasi pemaju swasta dalam pembinaan rumah kos rendah. Langkah-langkah tersebut ini adalah seperti berikut:

1. Selaras dengan dasar pengswastaaan, Kementerian telah mengkaji serta mengesan supaya projek-projek rumah awam kos rendah yang sesuai diswastakan. Dalam hal ini saya suka memaklumkan bahawa sambutan baik telah ditunjukkan oleh pemaju swasta.

2. Kementerian sedang mengkaji kemungkinan untuk meningkatkan lagi kepadatan perumahan yang dibina demi untuk menggalakkan pemaju swasta membina lebih banyak rumah sehek ar khususnya rumah kos rendah. Dalam pada itu Kementerian juga sedang mengkaji lain-lain perkara yang ada hubungan rapat dengan isu kepadatan seperti keperluan kemudahan asas seperti yang diwajibkan oleh Piawaian Perancangan tanpa menjejaskan taraf hidup, pelan-pelan rumah dan bentuknya yang sesuai bagi kepadatan yang lebih tinggi dan contoh pelan-pelan tata-aturnya.
3. Juga sejajar dengan hasrat dan semangat konsep Persyarikatan Malaysia, Kementerian sedang berusaha-sama dengan Kerajaan-kerajaan Negeri serta Penguasa Tempatan untuk mengenalkan pembangunan pelan seragam rumah kos rendah demi untuk mempercepatkan lagi proses kelulusan pelan-pelan bangunan oleh Penguasa-penguasa Tempatan.
4. Di samping itu langkah-langkah lain yang telah diambil termasuk pengwujudan skim pinjaman perumahan khas bagi pembelian rumah yang berharga kurang daripada \$100,000 seunit. Kadar faedahnya tidak melebihi 10% setahun. Skim tersebut telah dilancarkan pada awal tahun 1982. Dan akhirnya Kerajaan juga telah mengarahkan supaya pihak Berkuasa di Negeri-negeri memberi pertimbangan dan keputusan mengenai semua permohonan tukar syarat dan pecah sempadan tanah bagi perumahan dalam tempoh masa 3 bulan selepas penerimaannya.

Tuan Sim Kwang Yang: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Salah satu masalah yang dihadapi oleh pihak pemaju ialah masalah berhubung dengan kaedah-kaedah untuk memproseskan permohonan mereka dan

kaedah-kaedah—procedure ini kadang-kadang memakan masa yang panjang, kadang-kadang selama 5 atau 6 tahun dan mereka tidak dapat keuntungan. Soalan saya ialah adakah Kerajaan bercadang untuk membuat satu one-stop agency untuk mempercepatkan beberapa kaedah-kaedah dan kehendak-kehendak oleh agensi-agensi dan pejabat-pejabat terlibat dalam proses untuk memproseskan permohonan pemaju itu.

Puan Napsiah binti Omar: Ada, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Mutang Tagal: Memandangkan ada tanda-tanda yang menunjukkan prestasi ekonomi negara akan menjadi lebih baik dalam bulan-bulan yang akan datang dan ada ketakutan di antara orang ramai bahawa dengan pulihnya keadaan ekonomi negara harga barang commodity akan meningkat. Dan dengan peningkatan harga barang commodity ini akan memberi pendapatan yang lebih lumayan lagi kepada orang ramai. Jadi, mungkin ada sektor ataupun golongan pihak swasta akan menggunakan prestasi ekonomi yang akan menjadi lebih baik ini untuk mengambil peluang membuat kenaikan kepada harga rumah kos rendah. Jika Kementerian sedar tentang masalah yang akan timbul dari kenaikan harga rumah kos rendah apabila ekonomi kita menjadi lebih baik, apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Kerajaan ataupun Kementerian supaya menentukan harga rumah kos rendah tidak dinaikkan walaupun keadaan ekonomi kita menjadi lebih baik dan pendapatan orang ramai akan bertambah dalam bulan-bulan ataupun tahun akan datang atau masa akan datang.

Puan Napsiah binti Omar: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak bercadang untuk berganjak daripada tafsiran iaitu rumah kos rendah seharusnya berharga \$25,000 ke bawah sahaja. Dan sekiranya ada mereka yang hendak mengambil peluang oleh kerana ekonomi bertambah baik, saya ingin menasihatkan pengguna untuk memulaukan mereka itu.

GURU-GURU PELATIH DARI SARAWAK/SEMANANJUNG— PERATUSAN

9. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Pelajaran menyatakan peratusan pelatih guru-guru yang diambil berlatih dari negeri Sarawak dan pelatih guru-guru yang diambil dari Semenanjung untuk dilatih di Kolej-kolej di Sarawak dan mengajar di Sarawak bagi tahun 1982, 1983 dan 1984. Dan adakah benar bahawa Jabatan Pelajaran mengatakan kebanyakan orang-orang Sarawak tidak berkelayakan untuk dilatih kerana berbagai sebab; dan nyatakan apakah sebabnya.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peratusan guru-guru pelatih dari negeri Sarawak dan guru-guru pelatih dari Semenanjung Malaysia untuk dilatih di maktab-maktab perguruan di Sarawak dan seterusnya mengajar di Sarawak bagi tahun 1982, 1983 dan 1984 adalah seperti berikut:

Pelatih dari Sarawak (Pelatih tempatan)

Tahun 1982 ...	...	88.7%
Tahun 1983 ...	...	73.7%
Tahun 1984 ...	...	94.6%

Pelatih dari Semenanjung Malaysia

Tahun 1982 ...	...	11.3%
Tahun 1983 ...	...	26.3%
Tahun 1984 ...	...	5.4%

Di samping itu, ada juga guru-guru pelatih dari Sarawak yang diambil untuk mengikuti kursus-kursus perguruan di beberapa buah maktab-maktab perguruan di Semenanjung Malaysia. Bilangan pelatih tersebut adalah seperti berikut:

Guru Pelatih dari Sarawak di Maktab-maktab Semenanjung Malaysia:

Tahun 1982 ...	20 orang
Tahun 1983 ...	20 orang
Tahun 1984 ...	65 orang

Yang Berhormat Menteri Pelajaran telah mengarahkan Bahagian Pendidikan Guru menambahkan lagi pengambilan calon-calon Sarawak dan Sabah untuk mengikuti kursus perguruan. Penentuan tentang kemasukan adalah ditentukan oleh Bahagian Pendidikan Guru. Terdapat calon-calon Sarawak yang tidak mempunyai kelayakan yang minima. Adalah didapati bilangan daripada calon-calon guru pelatih daripada Sarawak yang membuat permohonan untuk mengikuti kursus perguruan tidak dapat memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan kerana kelayakan akademik mereka adalah rendah. Kepujian yang diperolehi di peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) ataupun, dengan izin, Malaysian Certificate of Education (MCE) tidak mencukupi had minima. Tambahan pula kepujian yang diperolehi adalah tidak sesuai dengan keperluan kursus yang ditawarkan. Terdapat juga calon-calon yang memohon itu melebihi had umur yang ditetapkan oleh Kementerian Pelajaran.

Wan Ibrahim bin Wan Abdullah:

Tuan Yang di-Pertua, memandangkan kepada angka-angka yang diberikan oleh Timbalan Menteri Pelajaran tadi mengenai kemasukan penuntut-penuntut ke maktab perguruan bagi tahun 1982, 1983 dan 1984, saya rasa adalah mencukupi bagi keperluan Sarawak dan Sabah dalam maktab-maktab perguruan. Saya ingin tahu adakah Kementerian bercadang untuk memberhentikan penghantaran guru-guru daripada Semenanjung ke Sarawak dan Sabah memandangkan kepada tidak cukupnya guru-guru di Semenanjung juga berlaku seperti di Sabah dan di Sarawak?

Juga, memandangkan kepada keadaan di mana guru-guru yang dihantar ke Sarawak mereka ini mengalami kesusahan yang amat teruk kerana mereka di hantar ke pendalaman di mana tidak ada pun murid-murid Islam atau guru-guru Islam lain di tempat mereka mengajar, hanya mereka seorang sahaja Islam dalam kawasan tempat mereka mengajar.

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, sama ada Kementerian Pelajaran hendak memberhentikan penghantaran guru-guru dari Semenanjung ke Sarawak atau Sabah atau tidak adalah bergantung kepada kekurangan keperluan guru di Sarawak dan di Sabah. Seperti apa yang saya sebutkan tadi, kita cuba membanyakkan tempat-tempat di maktab-maktab di Sarawak dan Sabah supaya bukan sahaja kekurangan guru-guru yang dilatih di maktab-maktab di Sarawak dan di Sabah akan mengajar di sana, tetapi ini banyak manfaatnya, umpamanya dari segi kos, dari segi masalah-masalah yang dihadapi seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi.

Yang keduanya, saya kurang bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat yang mengatakan guru-guru kita menghadapi banyak kesukaran sosial apabila mengajar di Sarawak dan Sabah. Mungkin dua tiga kes berlaku tetapi secara umumnya kita telah membuat beberapa penyesuaian di mana guru-guru yang kita hantar ke sana nampaknya dapat melaksanakan tugas dengan selisa dan sanggup melaksanakan tugas ini dengan penuh dedikasi. Jadi walaupun kita ada menghantar guru-guru ke kawasan-kawasan pendalaman tetapi kita telah menentukan dari segi kemudahan, dari segi kesesuaian di mana guru-guru ini berada, semuanya telahpun dapat perhatian Jabatan Pelajaran Negeri Sarawak.

Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah tidak ada cadangan Kementerian Pelajaran untuk melonggarkan syarat-syarat kemasukan pelatih-pelatih dari Sabah ke kolej-kolej yang ada untuk menambah bilangan pelatih-pelatih di maktab-maktab yang sedia ada?

Dato' Mohamed Khalil Yaakob: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya katakan tadi sebenarnya dari segi kelonggaran syarat sudahpun ada perbezaan antara syarat-syarat kriteria

kemasukan pelatih-pelatih di Semenanjung dengan kriteria pelatih-pelatih untuk masuk ke maktab bagi Sarawak sekurang-kurangnya.

LAPANGANTERBANG BANDAR SRI AMAN, SARAWAK— PENUTUPAN

10. Tuan Andrew Janggi Muyang mintna Menteri Pengangkutan menyatakan sebab-sebab Lapanganterbang Bandar Sri Aman, Sarawak ditutup. Adakah Kementerian bercadang hendak membukanya semula ataupun membina satu lapanganterbang yang baru. Jika ia, bila dan di mana.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Lapanganterbang Bandar Sri Aman tidak ditutup. Kemudahan-kemudahan yang ada masih boleh digunakan dan mencukupi untuk menampung operasi penerbangan seperti pesawat BN. 2. Walau bagaimanapun Lapanganterbang ini tidak lagi digunakan oleh MAS. Perkhidmatan MAS telah dihentikan mulai 1hb Ogos, 1980 disebabkan sambutan orang ramai yang tidak menggalakkan selepas pembukaan jalanraya baru yang menghubungkan bandar Sri Aman dengan bandar Sibu.

Oleh yang demikian Kerajaan tidak bercadang untuk membina sebuah lapanganterbang baru oleh kerana lapanganterbang yang ada masih boleh digunakan.

TELEFON AWAM—HAD PERCAKAPAN

11. Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan mengapa Jabatan Telekom tidak menghadkan waktu untuk seseorang itu bercakap selepas had masa dalam telefon awam dengan memotong sesuatu panggilan secara automatik, memandangkan bahawa terdapat pengguna-pengguna menggunakan telefon terlalu lama hingga menafikan peluang bagi orang lain untuk menggunakannya.

Setiausaha Parlimen Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos (Tuan Au How Cheong): Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sungguhpun kuasa diberi kepada Ketua Pengarah Telekom untuk menghadkan masa percakapan dari telefon awam, tetapi Jabatan Telekom tidak dapat melakukannya pada masa ini bagi semua jenis telefon awam. Ini adalah disebabkan Jabatan Telekom tidak mempunyai peralatan-peralatan yang tertentu terutamanya di Ibusawat-ibusawat yang lama yang masih dipakai di seluruh negara.

Pada masa sekarang terdapat 3 jenis telefon awam yang digunakan di negara ini iaitu jenis CCB 14D, CCB 14LP dan jenis baru BTM multicoin. Ini bermakna telefon-telefon awam jenis lama itu hanya dapat digantikan dengan jenis telefon BTM multicoin secara berperingkat-peringkat sahaja.

Jenis BTM mempunyai Ibusawat elektronik baru dan alat "timer" yang telahpun dipasang siap. Bagi jenis CCB yang lama alat "timer" terpaksa dipasang pada tiap-tiap peti telefon. Sekiranya sistem ini hendak dilaksanakan bagi telefon awam jenis lama, Jabatan Telekom terpaksa membekalkan alat-alat "timer" kesemua telefon awam yang tidak mempunyai alat tersebut.

Mengenai had masa, pihak Jabatan Telekom belum dapat menentukan had masa maksima bercakap pengguna dari telefon awam, sama ada untuk menghadkan ke masa 3 minit atau 6 minit bagi tiap-tiap panggilan. Ini adalah kerana sekiranya panggilan tersebut dibuat ke sambungan PABX, ataupun dengan izin, Private Automatic Branch Exchange, yang tidak mempunyai kemudahan dail terus, sudah tentu akan mengambil masa untuk mendapatkan pihak yang dipanggil.

Walau bagaimanapun pihak Telekom tidak dapat menjamin bahawa dengan "timer" itu pun mungkin pihak orang ramai boleh menyambung percakapannya dengan mengisi syiling lagi sebaik sahaja tempoh 3 minit itu diamatkan.

Tuan Lim Kit Siang: Untuk kemudahan-kemudahan orang ramai khususnya mereka yang berpendapatan biasa yang perlu menggunakan telefon awam, adakah Kerajaan atau Telekom rancangan untuk memperbanyakkan telefon-telefon awam khususnya di tempat mana orang ramai berkumpul, bukannya satu tetapi diperbanyakkan? Juga dari segi keselamatan adakah Telekom akan menggalakkan kedai-kedai mengadakan telefon awam supaya telefon awam menjadi satu perkhidmatan yang sebenarnya boleh membantu orang ramai dan bukan semacam sekarang sangat susah mahu queue dan menunggu sangat panjang untuk mendapatkan telefon awam.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang Dipertua, memang pihak Telekom sedar bahawa terdapat lebih kurang 200,000 orang masih menunggu untuk mendapatkan perkhidmatan telefon dan Kerajaan pun telah berusaha supaya menambah bilangan telefon ini dalam dua tahun akan datang ini. Bagi CCB atau telefon orang ramai ini akan ditambah dari semasa ke semasa mengikut persiapan telefon yang dipasang dari semasa ke semasa itu.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria: Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Memandangkan begitu ramainya orang-orang awam untuk menggunakan telefon ini, saya fikir Kementerian atau Menteri yang berkenaan atau Setiausaha Parlimen tahu yang menggunakan telefon yang begitu lama ini ialah orang yang bercakap di antara kekasih dengan kekasih, girl friend dengan boy friend. Jadi mengikut jawapan Setiausaha Parlimen tadi tidak dapat menghadkan masa. Bolehkah tidak, macam sekarang saya ucapkan tahniah di satu tempat itu ada 5, 6 petak telefon, kita khaskan orang yang hendak bercakap boy friend dengan girl friend buatkan satu tempat (*Ketawa*). Boleh atau tidak dibuat begitu supaya tidak mengganggu orang lain?

Tuan Au How Cheong: Sebenarnya telefon rakyat yang dikenali itu dengan sengajanya dipasang dengan terbuka

supaya orang ramai tidak bercakap dengan berpanjangan dan ini akan membolehkan orang yang lain untuk menggunakannya seperti yang dikehendaki oleh Ahli Yang Berhormat dari Batang Padang tadi.

Dr Koh Tsu Koon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Parlimen yang berkenaan sama ada beliau sedar bahawa selain daripada kekurangan telefon awam, satu masalah yang dihadapi oleh orang awam ialah banyak daripada telefon-telefon ini rosak atau dirosakkan? Apakah langkah-langkah yang akan diambil oleh Jabatan Telekom supaya mencegah kelakuan seperti ini dan juga adakah Yang Berhormat sedar bahawa selalunya kerosakan ini tidak diperbaiki dengan secepat mungkin tetapi pihak Telekom mengambil masa yang begitu panjang untuk memperbaiki kerosakan.

Tuan Au How Cheong: Tuan Yang di-Pertua, salah satu daripada langkah yang sedang diambil oleh Kerajaan ialah supaya telefon awam ini dapat dipasang di tempat yang dilawati oleh orang ramai ataupun berdekatan dengan balai polis atau rumah penghulu dan sebagainya. Selain daripada itu saya ingin merayu kepada Yang Berhormat dari Tanjong membantu Kerajaan supaya menasihatkan rakyat kita janganlah merosakkan satu kemudahan yang disediakan oleh Kerajaan kita untuk kepentingan rakyat kita sendiri juga.

KEMALANGAN JALANRAYA

12. Dato Jamaluddin bin Haji Suhaimi minta Menteri Pengangkutan menyatakan, bahawa kemalangan jalanraya terus berlaku dengan dahsyatnya, adakah ikhtiar-ikhtiar lain yang telah sedia ada sedang dirancang bagi mengatasinya.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, sukaiah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian Pengangkutan

bersama-sama dengan Majlis Keselamatan Jalanraya, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Polis Di Raja Malaysia sentiasa berikhtiar untuk mencari jalan bagi mengatasi masalah kemalangan di jalanraya. Di antara aktiviti-aktiviti yang sedang dan akan dijalankan adalah seperti berikut:

- (1) dengan pelaksanaan Sistem Keselamatan Jalanraya (KE-JARA) Jabatan Pengangkutan Jalan akan menjalankan kursus pemulihan bagi pemandu-pemandu kenderaan yang didapati melakukan kesalahan dan diperintahkan menghadiri kursus pemulihan;
- (2) Jabatan Pengangkutan Jalan sedang merancang untuk mengadakan latihan-latihan kepada pengajar-pengajar pemandu dengan tujuan untuk meningkatkan lagi keupayaan dan kemahiran mereka supaya dapat melahirkan pemandu-pemandu yang lebih cekap dan bertimbangrasa;
- (3) dengan tujuan melahirkan pemandu yang cekap dan bertimbangrasa, semua pelajar adalah dikehendaki menjalankan latihan sekurang-kurangnya 22 kali waktu belajar atau 22 jam; dan
- (4) perkara-perkara mengenai keselamatan sesuatu kenderaan dikaji dari masa ke semasa untuk menentukan bahawa kenderaan-kenderaan juga mempunyai ciri-ciri keselamatan.

Semua langkah-langkah ini adalah bertujuan untuk mendidik orang ramai khususnya pengguna-pengguna jalanraya dari segi keselamatan jalanraya serta menimbulkan semangat kesedaran kepada diri mereka. Kerajaan sentiasa berikhtiar menjalankan peranan dalam mengatasi masalah keselamatan jalanraya. Namun begitu, semua pengguna-pengguna jalanraya mestilah sedar bahawa mereka juga perlu memainkan peranan untuk memahami bahawa keselamatan jalanraya adalah juga tanggungjawab mereka.

Tuan Chan Kok Kit: Soalan tambahan. Sama ada Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar salah satu sebab yang menyebabkan kemalangan jalanraya yang pesat ini adalah kerana pemandu-pemandu dapat memperolehi lesen pemandu dengan mudahnya. Jika sedar, sama ada tempoh untuk mendapatkan lesen pemandu akan dipanjangkan untuk memberikan mereka masa yang cukup untuk praktis supaya dapat mengelakkan keadaan di mana ramai pemandu mempunyai lesen "kopi O" seperti sekarang? (*Ketawa*).

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu sama ada Ahli Yang Berhormat itu ada lesen "kopi O" sebab dari segi istilah Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Pengangkutan Jalan, tiada lesen "kopi O".

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana yang saya perkatikan tadi tiap-tiap seorang pemandu sebelum mereka diuji untuk mendapat lesen dikehendaki menjalankan sekurang-kurangnya 22 kali waktu belajar atau 22 jam. Buat sementara ini tidaklah ada cadangan untuk kita melanjutkan tempoh 22 jam atau 22 kali itu oleh kerana ada pemandu-pemandu yang boleh menjalankan ujian dan memandu dengan baik dan cekap dalam tempoh yang saya sebutkan tadi.

Namun begitu kalau mereka gagal di dalam ujian, mereka terpaksa jugalah menjalankan latihan yang lebih lanjut dan kemudian diuji semula. Jadi, pada keseluruhannya maka apa yang telah ditetapkan oleh Kerajaan itu didapati memadai pada masa ini kerana bukan semua mereka yang belajar memandu bodoh seperti ada setengah-setengah daripada ahli-ahli politik kita.

Tuan Ismail bin Said: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar atau tidak bahawa ada sungutan dan dakwaan daripada orangramai bahawa dengan kehadiran motosikal jenis "scrambler" yang lari begitu laju telah menyebabkan banyak kemalangan

di jalanraya. Jika sedar apakah perkara ini benar. Jika benar, apakah beliau bercadang untuk mengharamkan kegunaan motosikal jenis ini di atas jalanraya.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya menghargai soalan Ahli Yang Berhormat itu dan pihak Polis serta pihak Jabatan Pengangkutan Jalan akan mengkaji perkembangan perkara ini dan sekiranya didapati bahawa keadaan motosikal yang berkenaan membahayakan pada keseluruhannya, maka mungkin kita cuba mencari jalan bagi mengatasi masalah yang disebutkan itu.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengadakan satu badan ataupun agensi Kerajaan bagi mengawasi atau bagi mengadakan latihan pemandu-pemandu yang hendak belajar untuk mengambil lesen. Kerana setakat ini didapati bahawa dikeluarkan lesen kepada orang-orang tertentu yang mereka ini hanya untuk mendapat sebanyak-banyak kelulusan bagi mendapat lesen. Dengan sebab itu mereka tidak memberi latihan yang sempurna kepada pelatih-pelatih yang hendak mendapat latihan.

Yang kedua, adakah pihak Kementerian bercadang untuk mengadakan satu had lari laju kepada mereka yang baru mendapat lesen ataupun dalam perhatian setahun sebelum dikeluarkan lesen-lesen yang benar-benar boleh mereka itu memandu lebih laju daripada sepatutnya, kerana selalunya orang-orang yang baru mendapat lesen inilah yang paling laju memandu daripada orang yang lama ada mempunyai lesen.

Dato' Abu Hassan bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini tidak ada cadangan untuk Kerajaan bagi mewujudkan sebuah agensi khas untuk pemandu-pemandu bagi mendapatkan lesen memandu. Apa yang

telah saya perkatakan sebentar tadi bahawa Kerajaan, khususnya Jabatan Pengangkutan Jalan, akan mengadakan latihan kepada pengajar-pengajar pemandu ini sendiri supaya mereka diberikan tanggungjawab serta semangat yang sepenuhnya agar dapat mewujudkan pemandu-pemandu yang cekap dan bertimbang rasa.

Dan saya fikir untuk mengadakan sekolah pemandu yang diuruskan oleh Kerajaan mungkin ini akan menjejaskan dasar pengswastaan kita oleh kerana kita memberi peluang kepada sekolah-sekolah pemandu yang ada untuk berbuat demikian.

Kepada soalan Ahli Yang Berhormat yang kedua, iaitu sama ada Kerajaan bercadang untuk menghadkan kelajuan bagi pemandu-pemandu yang baru sahaja mendapat lesen, maka pada masa ini tidaklah ada cadangan untuk berbuat demikian, oleh kerana sebagai sebuah negara yang mengamalkan sikap liberal dan demokrasi kalau seseorang itu sudah lulus dalam satu ujian maka tarafnya sama dengan mereka yang lain.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Chen Man Hin tidak hadir.

(Soalan No. 13 Y.B. Dr Chen Man Hin tidak hadir).

GURU-GURU SEKOLAH

14. Tuan Hassan Alban bin Haji Sandukong minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah tindakan diambil oleh Kementerian Pelajaran Malaysia untuk mengatasi kekurangan guru-guru sekolah rendah yang dianggarkan lebih 400 di Sandakan, Sabah.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato' Mohamed Khaili Yaakob): Tuan Yang di-Pertua, mengikut maklumat yang diterima daripada Jabatan Pengangkutan Jalan Negeri Sabah, guru-guru sekolah rendah adalah mencukupi di Sandakan.

Jabatan Pelajaran Sabah telah menempatkan seramai 65 orang guru terlatih dari Semenanjung dan 49

orang guru-guru terlatih dari maktab-maktab perguruan tempatan di kawasan tersebut pada awal tahun ini.

Selain daripada itu kekosongan yang terdapat telah diisi dengan Guru-guru Sandaran yang jumlahnya seramai 431 orang. Kementerian Pelajaran sentiasa mengambil langkah-langkah yang perlu untuk mengatasi kekurangan guru-guru terlatih di semua negeri di Malaysia termasuk Sabah. Langkah-langkah yang akan dijalankan ialah menempatkan lebih ramai lagi guru-guru terlatih dari Semenanjung ke Sabah pada tahun-tahun yang akan datang sekiranya maktab-maktab perguruan tempatan di Sabah tidak dapat menampung kekurangan guru-guru terlatih.

Dan keduanya selagi bilangan guru-guru terlatih tidak dapat diadakan dengan mencukupi Guru-guru Sandaran terpaksa diambil bagi mengisi kekosongan yang terdapat di sekolah-sekolah dalam beberapa tahun lagi. Ini adalah disebabkan bahawa untuk melatih guru-guru akan mengambil masa selama 3 tahun di maktab-maktab kita sekarang.

NELAYAN SARAWAK— LANGKAH MENGATASI ORANG TENGAH

15. Tuan Mutang Tagal minta Menteri Pertanian menyatakan:

(a) sama ada beliau sedar bahawa kira-kira 13,000 penduduk terlibat dalam sektor perikanan di Sarawak dan orang tengah menjadi penindas ke atas nelayan. Jika sedar, apakah langkah-langkah berkesan diambil oleh Kerajaan supaya hak dan kepentingan para nelayan di Sarawak terjamin di masa depan memandangkan kira-kira 45% nelayan Sarawak adalah berada dalam taraf kemiskinan dan 66.8% tidak mempunyai sumber pendapatan lain; dan

(b) apakah langkah-langkah yang diambil supaya keadaan yang ada setakat ini di mana masalah

kekurangan infrastruktur pemasaran dan sistem pengangkutan, pembekalan ikan ke pasar-pasar dalam dan luar negeri ditingkatkan dan diperluaskan lagi.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan memang sedar akan kedudukan industri perikanan di Sarawak. Oleh yang demikian Kerajaan dalam tahun-tahun yang lampau iaitu pada tahun 1979 hingga 1980 telahpun menyediakan satu kajian kemungkinan bersama-sama dengan Bank Pembangunan Asia (ABD) untuk mengadakan satu rancangan pembangunan perikanan di Sarawak. Rancangan itu meliputi berbagai aspek dan aktiviti di dalam industri perikanan dari peringkat penangkapan, pengeluaran ikan sampai ke peringkat pemasaran ikan.

Dalam tahun 1983, satu program bernilai \$30 juta telah dimulakan dengan sebahagiannya dibiayai oleh ADB. Program itu adalah bagi meningkatkan kemudahan-kemudahan di dalam sektor perikanan di negeri Sarawak.

Pada tahun 1984 ini peruntukan sebanyak \$6 juta telah diluluskan bagi maksud itu. Kemudahan-kemudahan yang disediakan termasuk pembinaan 7 buah pusat infrastruktur pendaratan ikan di Kuching, Sibul, Sarikei, Mukah, Bintulu, Belawai dan Miri bagi melicinkan sistem pemasaran ikan, pembinaan bot-bot pengangkutan, pembinaan kilang air batu dan bilik sejuk untuk menyimpan ikan.

Pembinaan sebuah bot penyelidikan sumber perikanan dan program-program latihan dan perkembangan. Bagi memastikan bahawa kemudahan-kemudahan tersebut dikendalikan dengan cekap dan berkesan maka penyusunan dan penyesuaian semula sedang dilakukan ke atas organisasi dan institusi perlaksanaan di Sarawak.

Tuan Haji Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebagai yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Pertanian tadi sistem pemasaran ikan di Sarawak dan

kemudahan-kemudahan nelayan sangat pesat. Saya hendak bertanya apakah MAJUIKAN membuat kerja ataupun menjalankan usaha-usahanya di Sarawak. Kalau tidak MAJUIKAN, apakah institusi memajukan nelayan-nelayan di sana.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat bahawa tugas MAJUIKAN di Sarawak sudahpun diambil-alih oleh bidang Perikanan di Sarawak, oleh kerana didapati dalam beberapa tahun yang sudah lampau, banyak program-program Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia yang di Sarawak itu bercanggah dengan rancangan ataupun subsidi-subsidi yang telahpun disusun oleh pihak Jabatan Perikanan Negeri Sarawak. Oleh hal yang demikian, kebanyakan tugas Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia sekarang untuk negeri Sarawak sudah diambil-alih oleh pihak Jabatan Perikanan Negeri Sarawak.

LESEN KAPAL PENANGKAP IKAN

16. Dato Michael Chen Wing Sum minta Menteri Pertanian menyatakan jumlah lesen yang telah dikeluarkan kepada kapal penangkap ikan di Malaysia dan atas apakah keadaan-keadaan dan syarat-syarat bahawa lesen itu dikeluarkan oleh Kementerian.

Tuan Luhut Wan: Tuan Yang di-Pertua, jumlah lesen penangkap ikan yang dikeluarkan ialah 32,078 unit iaitu 22,492 unit didapati di Pantai Barat dan 9,586 unit di Pantai Timur Semenanjung.

Dari jumlah 32,078 unit ini 26,569 unit adalah terdiri dari pukot tradisi, 4,889 unit pukot tunda dan 620 unit pukot jerut ikan.

Pengeluaran lesen menangkap ikan adalah bergantung kepada adanya sumber-sumber perikanan di suatu kawasan itu dan bagi kawasan perairan pantai. Keutamaan pengeluaran lesen telah diberikan kepada nelayan-nelayan yang menguasai sendiri alat dan bot menangkap ikan mereka.

Tuan Haji Seroji bin Haji Haron: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berapakah peratus di antara lesen yang telah dikeluarkan itu kepada bumiputera dan syarikat bumiputra?

Tuan Yang di-Pertua: Saya ingat soalan itu tidak bersangkut.

Yang Berhormat Tuan Ling Sie Ming.

(Soalan No. 17 Y.B. Tuan Ling Sie Ming tidak hadir).

KELAS BAHASA IBUNDA (P.O.L.)

18. Dr Koh Tsu Koon minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan guru yang telah diambil pada tahun 1983 untuk mengajar kelas-kelas bahasa ibunda (P.O.L.) dalam (bahasa China dan bahasa Tamil) di peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah:

(a) secara penuhmasa; dan

(b) secara sambilan (part-time).

Di antara guru-guru P.O.L. penuhmasa, berapakah yang mempunyai latihan spesifik atau kelayakan tertentu untuk mengajar kelas-kelas P.O.L. (Umpamanya, ijazah dalam pengajian Tionghua dan India) berapakah yang merupakan guru sementara (mengajar secara sembilan) dan adakah Kerajaan mempunyai suatu pelan konkrit untuk meningkatkan mutu pengajaran P.O.L. Sekiranya ada, apakah ia.

Timbalan Menteri Pelajaran (Dato Dr Tan Tiong Hong): Tuan Yang di-Pertua, bilangan guru yang telah diambil oleh Kementerian Pelajaran pada tahun 1983 untuk mengajar kelas-kelas bahasa Cina dan Tamil di peringkat Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah adalah seperti berikut:

Jenis Sekolah	Bilangan Guru Penuhmasa Cina/Tamil		Bilangan Guru Sambilan Cina/Tamil	
Rendah	310	118	386	517
Menengah	1,110	226	1,079	615

Tuan Yang di-Pertua, di antara guru-guru bahasa Cina dan Tamil sepenuh masa mempunyai latihan

Maktab Perguruan untuk mengajar kelas bahasa Cina dan Tamil. Guru-guru sambilan disyaratkan mempunyai kelulusan bahasa Cina atau Tamil sebagai satu matapelajaran kepujian dalam Malaysian Certificate of Education (MCE) atau Sijil Pelajaran Malaysia. Kerajaan sedang merancang untuk melatih lebih ramai lagi guru supaya mutu pengajaran bahasa Cina dan Tamil akan dapat dipertingkatkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 1, 3, 13, 17 dan 19 hingga 33 adalah diberi di bawah ini).

PEGAWAI PENCEGAH MAKSIAH JAWI—BIDANGKUASA

1. Tuan Haji Dusuki bin Haji Ahmad minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan sejauh mana bidangkuasa dan apakah kemudahan-kemudahan yang diberi kepada pegawai-pegawai Pencegah Maksiat JAWI dalam usaha Kerajaan ke arah pembanterasan maksiat dan jenayah agama di Wilayah Persekutuan.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dato Shahrir bin Abdul Samad): Pegawai-pegawai Pencegah Maksiat Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan menjalankan tugas dalam bidang kuasa mengikut Fasal-fasal yang terkandung di dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Selangor (1952 sebagaimana yang diubahsuai oleh Perintah Wilayah Persekutuan (1974) antara lain meliputi kesalahan-kesalahan jenayah syarak seperti khalwat, tidak berpuasa, menyiksa isteri dan lain-lain.

Pegawai-pegawai Pencegah Maksiat Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan adalah diberi kemudahan-kemudahan yang munasabah selaras dengan tanggungjawab mereka sebagai Pegawai Penguatkuasa Undang-undang.

Kemudahan-kemudahan yang dibenarkan setakat ini adalah mencukupi dan tidak menjejaskan kelicinan

mereka menjalankan kerja menguatkuasakan Undang-undang. Mereka sentiasa mendapat kerjasama dari lain-lain agensi Kerajaan yang berkaitan.

DEWAN NEGARA— MENGHAPUSKAN

3. Tuan Karpal Singh minta Perdana Menteri menyatakan adakah cadangan beliau untuk menghapuskan Dewan Negara memandangkan kepada perkara Dewan Negara yang tiada membawa faedah.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Dr James P. Ongkili): Badan perundangan di negara ini adalah bersifat dwi-dewan dan sebagaimana Dewan yang mulia ini sedia maklum, Perkara 44 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa kuasa perundangan Persekutuan adalah terletak pada Parlimen yang terdiri daripada Yang di-Pertuan Agong dan dua buah Majlis, iaitu Dewan Negara dan Dewan Rakyat.

Perangka-perangka (framers) Perlembagaan kita dengan kebijanya telah dapat membayangkan betapa perlunya diwujudkan sebuah badan perundangan dwi-dewan dan dengan itu membuat peruntukan untuk mewujudkan.

Satu Sebab utama Dewan Negara diwujudkan ialah bagi membolehkan Dewan tersebut mengkaji dengan teliti lagi undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat yang mana ini membolehkan Kerajaan mendapat pandangan yang kedua terhadap undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Rakyat.

Sejak diwujudkan Dewan ini, tidaklah diragukan kebolehannya untuk menjalankan peranan ini. Memandangkan kepada wujudnya peruntukan mengenai perlantikan ahli-ahli Dewan Negara di bawah Fasal (2) Perkara Perlembagaan, maka terkumpulilah sebilangan orang-orang yang berpengalaman dan mempunyai kemahiran dalam berbagai bidang profession untuk sama-sama memberi sumbangan ke arah pembangunan negara. Di

samping itu, Dewan tersebut dapat memainkan peranan untuk membahas dan membawa kepengetahuan umum akan kepentingan-kepentingan pelbagai golongan masyarakat termasuk golongan-golongan minoriti. Ini semuanya tidak semestinya sentiasa berlaku atau dapat diberi perhatian lanjut dalam Dewan Rakyat.

Berdasarkan kepada perkara-perkara yang disebutkan itu, Kerajaan tidak bercadang untuk menghapuskan Dewan Negara.

PETRONAS—PELABURAN DI SEBERANG LAUT

13. Dr Chen Man Hin minta Perdana Menteri menyatakan amaun pelaburan yang dimiliki oleh PETRONAS di seberang laut, sama ada dalam bentuk wang tunai, sekuriti dan hartanah dan sama ada wang tunai telah disimpan atau dipinjamkan kepada Bumiputra Malaysia Finance di Hong Kong.

Datuk Dr James P. Ongkili: Jumlah pelaburan yang dimiliki oleh PETRONAS di seberang laut pada 31 Mac 1983, ialah MR\$2.06 ribu juta. Dari jumlah tersebut, MR\$1.44 ribu juta disimpan dalam bentuk simpanan di bank manakala MR\$0.62 ribu juta disimpan dalam bentuk sekuriti. PETRONAS tidak mempunyai apa-apa pelaburan dalam bentuk hartanah di seberang laut.

Berhubung dengan Syarikat Bumiputra Malaysia Finance di Hong Kong, PETRONAS tidak pernah mempunyai apa-apa simpanan ataupun memberi apa-apa pinjaman kepada syarikat kewangan tersebut.

MATAWANG MALAYSIA BARU—PENGELUARAN

17. Tuan Ling Sie Ming minta Menteri kewangan menyatakan sebab-sebab Kerajaan mengeluarkan Matawang Malaysia yang baru.

Menteri Kewangan (Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pengeluaran matawang kertas dengan reka bentuk

yang baru itu adalah merupakan sebahagian daripada rancangan Bank Negara untuk mempertingkatkan lagi ciri-ciri keselamatan wang kertas Malaysia bagi mengelakkan pemalsuan. Di antara ciri-ciri keselamatan yang baru ialah tanda pandang telus depan/belakang dan juga tanda bayang potret Yang di-Pertuan Agong Yang Pertama bagi menggantikan tanda bayang kepala harimau yang terdapat pada wang kertas lama.

Di samping itu, wang kertas baru ini juga lebih menggambarkan ciri-ciri Malaysia di mana terdapat gambar-gambar yang mashyur di Kuala Lumpur seperti Istana Negara, Masjid Negara, Tugu Negara dan lain-lain.

SEKOLAH-SEKOLAH— PEMBINAAN

19. Dato' Haji Saidin bin Haji Mat Piah: minta Menteri Pelajaran menyatakan benarkah bersabit dengan kemelesetan ekonomi negara banyak sekolah-sekolah yang sudah ditender di negeri Perak terpaksa dibekukan pembinaannya; jika benar:

- (a) menyatakan nama-nama sekolah yang terlibat dengan keadaan itu dan di mana letaknya berdasarkan daerah-daerah di negeri Perak;
- (b) di antara yang dibekukan berapa buahkah yang akan dibina pada tahun 1984 ini, nyatakan nama dan tempatnya berdasarkan daerah-daerah di negeri Perak; dan
- (c) bilakah sekolah-sekolah yang sudah ditender itu akan dibangunkan seluruhnya.

Menteri Pelajaran (Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang benar bersabit dengan kemelesetan ekonomi sebanyak 63 buah sekolah yang sudah ditender di negeri Perak terpaksa dibekukan pembinaannya.

(a) Berikut ialah nama-nama sekolah yang terlibat dengan keadaan itu:

PELAJARAN RENDAH

Bil. Nama Sekolah

BATANG PADANG

1. SK Perlok, Sungkai
2. SK Sg. Lesong, Kampar
3. SK Kg. Poh, Bidor
4. SK Toh Tan Dewa Sakti, Tapah
5. SK Sungkai Klah, Sungkai
6. SK Sg. Behrang, Tg. Malim
7. SRJK (C) Bukit Pagar
8. SK Trolak Timur (FELDA)
9. SK Besout 1 (FELDA)

MANJONG

10. SK Bandar Baru, Sri Manjong
11. SK Bruas
12. SRK Gangga, Bruas
13. SRJK (C) Kg. Merbau, Ayer Tawar

KINTA

14. SK Batu Gajah
15. SK Kuala Pari
16. SK Bukit Pekan, Kampar
17. SRK Raja Di Hilir Ekram, Ipoh
18. SRJK (C) Jelapang, Ipoh
19. SRJK (C) Jeram
20. SK Haji Mahmud, Chemor
21. SRJK (C) Kg. Timah, Tg. Tualang

KERIAN

22. SRK Methodist, Parit Buntar
23. SK Sg. Siakap

KUALA KANGSAR

24. SK Lempor
25. SK Lintang, Sg. Siput (U)
26. SK Laneh
27. SK Cheh, Kati
28. SK Tun Dr Ismail, Padang Rengas
29. SK Paya Salak

LARUT, MATANG DAN SELAMA

30. SK Sultan Abdullah, Kg. Cheh
31. SK Kg. Perak, Batu Kurau
32. SK Changkat Jering
33. SK Assam Kumbang, Taiping
34. SRJK (T) Coronation, Kemunting
35. SRK Jln. Menteri, Selama

HILIR PERAK

36. SK Dato' Yahya Subban, Chenderong Balai
37. SK Sg. Lampam, Teluk Intan

HULU PERAK

38. SK Kuak Luar
39. SK Bersia, Grik
40. SK Gelok, Lenggong
41. SK Sri Adika Raja, Grik
42. SK Kroh
43. SRJK (C) Selat Pagar,
44. SRJK (C) Chung Wa, Grik

PELAJARAN MENENGAH
BATANG PADANG

1. SM (LKTP) Besout

MANJONG

2. SM Pangkor
3. SMR Sri Manjong

KINTA

4. SM Sri Kampar, Kampar
5. SM Raja Perempuan, Ipoh
6. SM Anderson, Ipoh

KERIAN

7. SM Panglima Bukit Gantang, Parit Buntar
8. SM Mudzaffar Shah, Semangol

KUALA KANGSAR

9. SM (RKT) Lasah
10. SM Tun Perak, Padang Rengas
11. SM Tok Muda Abdul Aziz, Sg. Siput (U)

12. SM Raja Muda Musa, Kuala Kangsar
13. SM Dato' Hj. Abdul Wahab, Sg. Siput (U)

LARUT, MATANG DAN SELAMA

14. SM Sri Kota Taiping
15. SMRK Sg. Bayor, Selama
16. SM Dato Hj. Hussein, Selama

PERAK TENGAH

17. SM Seberang Perak
18. SM Sultan Mudzaffar Shah 1, Lembor Kanan
19. SMK Agama Perak, Seri Iskandar

(b) Di antara projek sekolah-sekolah yang terlibat di atas, sebanyak 42 buah dijangka dapat dimulakan pembinaannya pada tahun 1984, ini bergantung kepada peruntukan sebenar yang akan diperolehi. Sekolah-sekolah tersebut adalah seperti berikut:

PELAJARAN RENDAH
BATANG PADANG

1. SK Sg. Lesong, Kampar
2. SK Toh Tan Dewa Sakti, Tapah
3. SK Trolak Timur
4. SK Besout 1
5. SK Perlok, Sungkai

MANJONG

6. SK Bruas
7. SK Ganggsa, Bruas
8. SRJK (C) Kg. Merbau, Air Tawar
9. SK Bandar Baru Sri Manjong

KINTA

10. SK Batu Gajah
11. SK Bukit Pekan, Kampar
12. SRJK (C) Jeram
13. SRK Raja DiHilir Ekram, Ipoh

KERIAN

14. SRK Methodist Parit Buntar

KUALA KANGSAR

15. SK Lempor
16. SK Cheh, Kati

LARUT, MATANG DAN SELAMA

17. SK Sultan Abdullah, Kg. Cheh
18. SK Changkat Jering
19. SK Kg. Perak, Batu Kurau
20. SK Assam Kumbang, Taiping
21. SRJK (T) Coronation, Kamunting
22. SRK Jln. Menteri, Selama

HILIR PERAK

23. SK Degong
24. SK Dato Yahya Subban, Chenderong Balai

HULU PERAK

25. SRJK (C) Selat Pagar, Lenggong
26. SK Sri Adika Raja Grik
27. SK Bersia, Grik
28. SK Kroh

PELAJARAN MENENGAH
BATANG PADANG

1. SM (LKTP) Besout

MANJONG

2. SM Sri Manjong
3. SM Pangkor

KINTA

4. SM Raja Perempuan, Ipoh
5. SM Anderson, Ipoh

KERIAN

6. SM Panglima Bukit Gantang, Parit Buntar
7. SM Mudzaffar Shah, Semanggol

KUALA KANGSAR

8. SM (RKT) Lasah
9. SM Tok Muda Abdul Aziz, Sg. Siput (U)

LARUT, MATANG DAN SELAMA

10. SM Sri Kota, Taiping
11. SMRK Sg. Bayor, Taiping

12. SM Dato' Hj. Hussein, Selama

PERAK TENGAH

13. SM Seberang Perak
14. SMK Agama Perak, Sri Iskandar

(c) Sekolah-sekolah yang sudah ditender yang lain dirancang akan dibina dalam tahun 1985 dan tahun-tahun berikutnya.

ANGGOTA POLIS TERLIBAT
SALAHGUNA DADAH

20. Tuan Chan Kok Kit minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah kes-kes penyalahgunaan dadah yang melibatkan anggota pasukan Polis setakat ini, jumlah yang dibawa ke Mahkamah dan jumlah yang menjalani pemulihan.

Menteri Dalam Negeri (Dato Musa Hitam): Sehingga akhir bulan Februari, 1984 seramai 343 orang anggota Polis telah ditangkap kerana terlibat dengan kesalahan dadah. Dari bilangan ini, seramai 5 orang telah dimasukkan ke pusat-pusat pemulihan dadah untuk menjalani pemulihan seramai 232 orang telah dibuang kerja dan bakinya seramai 106 orang sedang diambil tindakan dari segi undang-undang.

BANK ISLAM—KEJAYAAN

21. Datin Paduka Zaleha binti Ismail minta Menteri Kewangan menyatakan sehingga hari ini apakah kejayaan yang telah dicapai oleh Bank Islam. Bolehkah Menteri memberikan angka-angka terakhir mengenai bilangan pelanggan yang menggunakan jenis-jenis perkhidmatan Bank Islam termasuk jumlah kewangan yang diurus oleh Bank.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Sejak penubuhannya pada bulan Julai 1983 yang lepas, Bank Islam telah dapat menunjukkan kejayaannya di dalam melaksanakan urusan bank dan kewangan berlandaskan perlaksanaan hukum-hukum Islam. Sehingga bulan Februari 1984, Bank Islam telah pun membuka cawangan-cawangan di

Kuala Terengganu dan Kota Bharu. Masing-masing telah memulakan perniagaannya pada 1hb November, 1983 dan 1hb Mac, 1984. Satu lagi cawangannya akan dibuka di Alor Setar yang dijangka akan memulakan operasi dalam bulan April 1984 dan beberapa lagi cawangan di Pulau Pinang, Kelang, Negeri Sembilan, Kuala Lumpur dan Kuantan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bilangan pelanggan yang menyimpan dengan Bank Islam sehingga akhir bulan Februari 1984 ialah 27,262 orang dengan jumlah simpanan sebanyak \$141.5 juta. Daripada jumlah itu, seramai 2,818 orang yang menyimpan dalam akaun semasa 21,138 dalam akaun simpanan, 3,296 dalam akaun pelaburan dan 9, dalam lain-lain jenis simpanan.

Dari segi pembiayaan pula sehingga akhir Februari 1984, sebanyak \$72.4 juta telah dikeluarkan, terutamanya bagi pembiayaan dalam sektor perlombongan, perdagangan dan perkhidmatan.

KEMELESETAN EKONOMI— MENGATASI

22. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad minta Menteri Kewangan menyatakan sejauh manakah kejayaan Kementerian beliau bagi pihak Kerajaan Malaysia dapat mengatasi kemelesetan ekonomi negara kita, dan berapa peratuskah tahap pencapaian pertumbuhan ekonomi negara kita pada tahun lepas dan tahun berikutnya nanti.

Tengku Tan Sri Razaleigh Hamzah: Seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum ekonomi negara adalah sebuah ekonomi yang terbuka, di mana eksportnya merupakan kira-kira 50% dari Keluaran Negara Kasar. Oleh yang demikian, prestasi ekonomi Malaysai adalah dipengaruhi oleh prestasi ekonomi negara-negara maju terutama sekali negara-negara rakan perdagangan kita. Semenjak pertengahan tahun 1983, ekonomi beberapa negara maju telah beransur-ansur pulih. Keadaan ini bersama-sama

dengan langkah-langkah yang diperkenalkan oleh Kerajaan melalui Belanjawan tahunan telah dapat memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi Malaysia dan imbalan pembayaran.

Pada tahun 1983, ekonomi Malaysia telah berkembang sebanyak 5.8% iaitu lebih baik daripada kadar 5.6% yang dianggarkan dalam Belanjawan 1983. Bagi tahun 1984 ramalan yang terakhir menunjukkan bahawa ekonomi kita akan mencapai pertumbuhan sebanyak 6.7% iaitu melebihi 6% yang diramalkan dalam Belanjawan 1984. Imbalan pembayaran pula akan bertambah kukuh. Pada tahun 1983 akaun dagangan telah mencatatkan lebih sebanyak \$1.6 ribu juta berikutan dari permintaan eksport yang meningkat berbanding dengan kurangan sebanyak \$1.2 ribu juta dalam tahun 1982. Oleh kerana akaun dagangan mencapai prestasi yang baik maka akaun semasa imbalan pembayaran juga telah bertambah baik. Pada tahun 1983, kurangan dalam akaun semasa imbalan pembayaran adalah hanya sebanyak \$6.7 ribu berbanding dengan \$7.3 ribu juta pada tahun 1982. Pada tahun-tahun yang akan datang, akaun semasa imbalan pembayaran dijangka akan terus bertambah baik. Ini adalah kerana dorongan yang menggalakkan dari permintaan luar negeri bagi barangan eksport kita berikutan dari pemulihan ekonomi dunia. Langkah-langkah Kerajaan bagi memperbaiki kedudukan perkapalan, insuran dan sebagainya serta juga mengawal import terutamanya melalui kawalan perbelanjaan Kerajaan dijangka akan juga memperkukuhkan lagi kedudukan imbalan pembayaran pada masa akan datang.

GURU-GURU TERLATIH BAHASA CINA

23. Tuan Seow Hun Khim minta Menteri Pelajaran menyatakan:

- (a) berapa banyakkah guru-guru terlatih bahasa Cina masih kekurangan di sekolah-sekolah

menengah dan rendah di tiap-tiap negeri di Semenanjung Malaysia;

- (b) sama ada beliau sedar masalah kekurangan guru-guru terlatih bahasa Cina telah ujud buat beberapa banyak tahun kebelakangan ini dan menjadi semakin rumit tanpa tindakan positif diambil oleh Menteriannya; dan
- (c) untuk mengatasi masalah ini, sama ada Menteriannya akan melancarkan satu Rancangan Kilat (crash program) untuk melatih lebih banyak guru-guru bahasa Cina yang cukup jika ya, bila akan rancangan kilat itu dilancarkan; jika tidak, mengapa.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud:

- (a) Kekurangan guru-guru terlatih Bahasa Cina di Sekolah-sekolah Menengah dan Rendah di tiap-tiap negeri di Semenanjung Malaysia adalah seperti berikut:

Negeri	SRJK (C)	Sekolah Menengah
1. Perlis	7	—
2. Kedah	140	33
3. Pulau Pinang	371	5
4. Perak	224	38
5. Selangor	306	1
6. W. Persekutuan	199	1
7. Negeri Sembilan	113	1
8. Melaka	71	—
9. Johor	520	2
10. Pahang	148	7
11. Terengganu	6	4
12. Kelantan	32	6
Jumlah	2,137	98

Kekosongan-kekosongan ini telah dipenuhi dengan guru sandaran tanpa latihan.

Perlu dinyatakan juga bahawa kekurangan guru-guru terlatih terdapat juga dalam mata-mata pelajaran lain seperti Bahasa Malaysia, Bahasa Inggeris dan mata-mata pelajaran Am.

- (b) Adalah tidak benar bahawa Kementerian Pelajaran tidak mengambil langkah-langkah yang positif untuk mengatasi

kekurangan guru-guru terlatih dalam Bahasa Cina. Langkah-langkah positif yang telah diambil untuk mengatasi kekurangan guru-guru terlatih ini adalah seperti berikut:

- (i) menempatkan guru-guru baru keluaran maktab-maktab perguruan ke sekolah-sekolah yang mempunyai kekosongan.
- (ii) bagi sekolah-sekolah yang mempunyai lebihan guru, guru-guru yang berlebihan ini akan ditukarkan ke sekolah-sekolah yang kekurangan guru.
- (iii) guru-guru yang mempunyai latihan untuk mengajar Bahasa Cina tetapi kini tidak lagi mengajar Bahasa Cina telah diarah untuk mengajar Bahasa Cina semula.
- (iv) guru-guru terlatih yang mempunyai kepujian dalam Bahasa Cina yang boleh serta sanggup mengajar Bahasa Cina telah diminta untuk mengajar Bahasa Cina di sekolah-sekolah yang berkenaan.
- (v) guru-guru sandaran tanpa latihan telah diambil untuk mengisi baki kekosongan di mana perlu.
- (c) Kementerian Pelajaran akan mengadakan semula Kursus Dalam Cuti bagi guru-guru sandaran yang berpengalaman dan berkelayakan. Buat masa ini Kementerian sedang mengumpul data bagi semua jenis guru sementara (guru sandaran tanpa latihan) supaya satu kajian yang teliti dan menyeluruh dapat dibuat bagi menentukan jumlah yang terlibat.

SKIM PINJAMAN PERUMAHAN BERPENDAPATAN RENDAH

24. Tuan V. Govindaraj minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) senarai projek perumahan yang dibangunkan melalui wang tambahan \$10 juta yang diberikan oleh Kerajaan Pusat bagi Skim Perumahan Golongan Berpendapatan Rendah; dan
- (b) adakah pihak Kementerian sedar bahawa wang yang diuntukkan setakat ini untuk Skim Perumahan masih tidak mencukupi bagi menjayakan rancangan ini secara memuaskan, jika sedar, apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak Kementerian setakat ini untuk menjayakan rancangan ini.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Dr Neo Yee Pan): Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Skim Pinjaman Perumahan untuk golongan berpendapatan rendah adalah dibuka untuk orang perseorangan dan berkelompok. Pemohon-pemohon yang berkelayakan dan dapat memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan akan dipertimbangkan. Sukalah saya meaklumkan di sini bahawa sehingga 31hb Januari, 1984 jumlah pinjaman yang diluluskan dari peruntukan tambahan \$10 juta ialah \$2,631,240.00 kepada 224 permohonan secara individu.

KAD PENGENALAN BERBENTUK BARU

25. Tuan Haji Hassan bin Mohamed minta Menteri Dalam Negeri menyatakan bilakah kad pengenalan bentuk baharu akan dikeluarkan bagi menggantikan kad pengenalan yang lama dan berapakah banyaknya perbelanjaan yang akan terlibat dengan penggantian kad pengenalan yang baharu ini.

Dato Musa Hitam: Kerajaan memang mempunyai cadangan untuk mengeluarkan kad pengenalan berbentuk baru bagi menggantikan kad pengenalan yang digunakan sekarang.

Pada masa ini, pihak Kerajaan sedang mengkaji dengan teliti cadangan ini dari segi bahan, kos, sistem dan teknologi pengeluaran.

Oleh yang demikian, Kerajaan belum dapat memastikan dengan tapatnya bilakah kad pengenalan baru akan dikeluarkan atau berapakah jumlah perbelanjaan yang akan terlibat dalam rancangan ini.

PETRONAS—JUMLAH HARTA

26. Tuan Fung Ket Wing minta Perdana Menteri menyatakan jumlah aset dan tanggungan PETRONAS, jumlah wang PETRONAS yang dilabor di dalam dan luar negeri.

Datuk Dr James P. Ongkili: Jumlah harta PETRONAS yang telah diaudit bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31hb Mac -1983, ialah \$12.78 ribu juta, manakala tanggungannya bagi tempoh yang sama berjumlah \$3.43 ribu juta.

Jumlah pelaburan PETRONAS pada 31hb Mac 1983 ialah \$10.25 ribu juta. Dari jumlah tersebut, \$8.19 ribu juta disimpan di dalam negeri manakala \$2.06 ribu juta disimpan di luar negeri.

KERETAPI TANAH MELAYU— MASALAH SETINGGAN

27. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Pengangkutan menyatakan sama ada Menteriannya akan berhubung serta menyelaraskan dengan berbagai Kerajaan Negeri yang berkenaan untuk memastikan terhadap rancangan penempatan semula yang alternatif sebelum Keretapi Tanah Melayu memusnahkan rumah-rumah setinggan dibina atas tanah rezab keretapi kerana kebajikan kira-kira 200,000 orang yang terlibat itu adalah tanggungjawab dan prioriti Kerajaan yang mendesak.

Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan): Sukalah saya memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa pihak KTM telahpun berhubung dan membincangkan

perkara tersebut dengan pihak Kerajaan-kerajaan Negeri yang berkenaan dengan masalah setinggan yang dihadapi oleh KTM.

KERTAS SOALAN PEPERIKSAAN STPM—PEMBOCORAN

28. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pelajaran menyatakan hasil penyiasatan Pelajaran menyatakan hasil penyiasatan ke dalam kebocoran soalan-soalan peperiksaan STPM pada akhir tahun 1983, dan sebab-sebab mengapa ianya berlaku dengan begitu berleluasa; apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk menentukan bahawa ianya tidak akan berulang.

Datuk Dr Sulaiman bin Haji Daud: Pihak polis masih meneruskan penyiasatan kes kebocoran kertas-kertas soalan peperiksaan Sijil Tinggi Persekolahan Malaysia 1983. Penyiasatan ini belum selesai oleh kerana pihak Polis memerlukan masa yang cukup disebabkan perkara ini adalah suatu kes yang rumit dan melibatkan proses yang kompleks.

Di samping itu Majlis Peperiksaan Malaysia juga telah menubuhkan satu Jawatankuasa untuk mengkaji kebocoran ini. Tugas Jawatankuasa ini adalah untuk menyiasat sebab-sebab kebocoran di samping membuat perakuan untuk menjamin tidak berulang lagi peristiwa seumpama ini.

SETINGGAN MENDUDUKI TANAH RIZAB KTM

29. Dr Tan Seng Giaw minta Menteri Pengangkutan menyatakan akan tindakan yang akan diambil ke atas setinggan-setinggan yang diam di atas tanah rizab Keretapi Tanah Melayu dan adakah apa-apa perumahan alternatif akan diberikan kepada mereka; adakah apa-apa rancangan tindakan bersama akan diambil oleh kesemua negeri di Semenanjung untuk mengatasi masalah ini, dan jika ya, apakah butir-butir rancangan ini; jika tidak, mengapakah demikian.

Tan Sri Chong Hon Nyan: Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu ialah sebuah "corporate sole" di bawah undang-undang. Dengan yang demikian, ianya mempunyai hak-hak yang tertentu terhadap tanah hakmilik keretapi dan tanah rizab keretapi bagi maksud kegunaannya sendiri. Untuk melindungi hak-hak tersebut, Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu telah mengeluarkan Pemberitahuan-pemberitahuan untuk mengingatkan setinggan-setinggan yang telah mencerobohi tanah-tanah tersebut supaya berpindah keluar dari tanah-tanah yang mereka duduki itu. Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu tidak berupaya untuk menawarkan tempat tinggal yang lain sebagai ganti kepada setinggan-setinggan ini, kerana perkara ini adalah di luar bidangkuasa Pentadbiran yang berkenaan untuk berbuat demikian. Walau bagaimanapun, Pentadbiran Keretapi Tanah Melayu sedang mengadakan perundingan dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri yang berkenaan, dalam usaha membantu menyelesaikan masalah setinggan ini, yang merupakan sebahagian daripada masalah perumahan awam pada keseluruhannya.

KONGRES KEBUDAYAAN KEBANGSAAN

30. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kerajaan akan menimbang memanggil satu siri Kongres Kebudayaan Kebangsaan untuk mentafsirkan semula prinsip-prinsip dan erti Kebudayaan Kebangsaan Malaysia kerana ramai rakyat Malaysia khususnya dari keturunan bukan bumiputera telah melahirkan rasa tidak setuju mereka terhadap Dasar Kebudayaan yang wujud kini.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Anwar bin Haji Ibrahim): Kerajaan berpendapat sebarang kongres untuk mentafsirkan semula prinsip-prinsip dan makna Dasar Kebudayaan Kebangsaan adalah tidak

perlu. Penghuraian ke atas prinsip-prinsip itu sudah ditegaskan berkali-kali sama ada di dalam mahupun di luar Dewan ini. Apa yang perlu dilakukan adalah mengisi kefahaman terhadap keseluruhan Dasar itu, dan ini sentiasa dijalankan melalui berbagai-bagai kaedah dan saluran termasuk usaha-usaha pendidikan dan keceleskan budaya. Soal adanya rasa tidak setuju di kalangan rakyat bukan bumiputera bahkan di kalangan bumiputera juga adalah kerana masalah kefahaman sahaja. Dalam hal ini kita boleh membantu memberikan kefahaman kepada semua lapisan rakyat. Akan tetapi, jika mereka tidak setuju kerana tidak mahu faham, kerana emosi, sentimen atau kerana kepentingan-kepentingan lain, maka tidak ada orang yang boleh membuat mereka bersetuju sehinggalah sebab-sebab yang tersebut itu dapat mereka kikis dari hati dan sanubari mereka sendiri.

KONSEP PENSWASTAAN

31. Tuan Lee Lam Thye minta Perdana Menteri menyatakan bahawa sejak diperkenalkan konsep penswastan dan Persyarikatan Malaysia serta Dasar Pandang ke Timur apakah kemajuan yang telah dicapai oleh Jawatankuasa Khas yang ditubuhkan di Jabatan Perdana Menteri bagi memastikan pemindahan teknologi ke Malaysia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi): Rancangan penswastan ini meliputi keseluruhan kepentingan-kepentingan dan perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan yang sesuai untuk dipindahkan ke sektor swasta. Ianya tidaklah terbatas kepada beberapa bidang yang baru sahaja. Walau bagaimanapun, pelaksanaannya dibuat secara berperingkat-peringkat dan memerlukan kajian-kajian yang mendalam supaya dapat mencapai matlamat yang dikehendaki. Pada keseluruhannya, bidang perkhidmatan yang penting sedang giat dikaji untuk diswastakan ialah bidang infrastruktur asas. Dalam industri penerbangan,

langkah-langkah permulaan telah diambil untuk dipertimbangkan bagi menswastakan Depoh Baikpulih Kapal Terbang Tentera Udara Di Raja Malaysia (DEBKAT), dan lain-lain perkhidmatan.

Mengenai perlaksanaan konsep Persyarikatan Malaysia pula, usaha terus dijalankan oleh pihak Kerajaan untuk menerangkan dengan seluas-luasnya maksud dan implikasinya kepada kedua-dua pihak awam dan swasta. Bagi memperkemas lagi tindakan-tindakan ini, Kerajaan akan menubuhkan Jawatankuasa Panel Perundingan dan Pelaksanaan Dasar Persyarikatan Malaysia di semua Kementerian/Jabatan dan agensi-agensinya yang mempunyai hubungan langsung dengan sektor swasta.

Sememangnya menjadi salah satu tujuan Kerajaan bagi memastikan bahawa faktor pemindahan teknologi diambil kira dalam kedua-dua konsep tersebut apabila sesuatu program yang konkrit dilaksanakan.

Dari segi Dasar Pandang ke Timur pula, faedah-faedah utama daripada pemindahan teknologi yang telah kita perolehi menerusi usahasama-usahasama yang telah diwujudkan antara pengusaha-pengusaha Malaysia dengan Jepun dan Korea, ialah cara-cara pengurusan baru, kepakaran-kepakaran tertentu yang dipelajari oleh pengusaha-pengusaha tempatan, penggunaan alat-alat kelengkapan yang "specialised", pembangunan sumber-kedua-dua negara tersebut.

Saya ingin menegaskan bahawa Dasar ini mempunyai implikasi jangka panjang yang baik dan penting bagi rakyat Malaysia. Oleh itu, Dasar ini semestinyalah dianggap sebagai suatu Dasar yang dinamik yang boleh memberi faedah kepada rakyat, khususnya golongan pengusaha-pengusaha dan pekerja-pekerja di negara ini.

AHLI-AHLI PARLIMEN IPU/ CPA/AIPO—LAWATAN

32. Tuan Mohd. Amin bin Haji Daud minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) bagi tahun 1983 hingga sekarang, berapa ramai Ahli-ahli Parlimen negara-negara luar yang

telah melawat ke Malaysia sebagai tetamu IPU, CPA dan AIPO cawangan Malaysia dan berapa banyak perbelanjaan yang telah dibuat mengenainya;

- (b) adakah lawatan-lawatan Ahli-ahli Parlimen ini berfaedah kepada Malaysia, jika ya, nyatakan faedah-faedahnya, dan adakah Kerajaan bercadang hendak menghantar Ahli-ahli Parlimen Malaysia pula seberapa banyak yang boleh untuk melawat ke negara-negara asing sebagai membalas lawatan mereka yang telah mengunjungi Malaysia.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi:

- (a) Jumlah Ahli Parlimen luar negeri yang melawat negara ini sebagai tetamu CPA dan AIPO Cawangan Malaysia dari tahun 1983 hingga sekarang ini ialah 49 orang yang melibatkan perbelanjaan sebanyak \$32,841.00 Dalam tempoh tersebut tiada tetamu IPU dari luar negeri. Mereka yang membuat lawatan tersebut adalah terdiri dari 10 orang dari CPA cawangan Kanada, 11 orang dari CPA Cawangan Singapura dan seramai 23 orang dari Parlimen Eropah yang menjadi tetamu AIPO.
- (b) Parlimen Malaysia adalah menjadi ahli kepada Pertubuhan-pertubuhan antarabangsa seperti CPA dan AIPO. Dengan adanya lawatan-lawatan di antara Parlimen, kita dapat menunjukkan kepada dunia akan corak pemerintahan Demokrasi Berparlimen dan Raja Berpelembagaan yang kita amali. Lawatan-lawatan ini adalah juga memberi faedah kepada Malaysia dari segi hubungan diplomatik antarabangsa khususnya antara ahli perundangan (legistators), yang tentunya ada pengaruh dalam Kerajaan masing-masing.

Dengan adanya lawatan-lawatan tersebut kita dapat menunjukkan betapa kukuhnya kestabilan politik dan ekonomi

dan juga dapat kita menunjukkan perkembangan perindustrian yang pesat yang sedang berjalan di dalam negara ini.

Melalui lawatan-lawatan yang begini kita dapat menerangkan kepada tetamu-tetamu ini tentang kemajuan dan perkembangan perindustrian dan dapat kita menarik pelabur-pelabur dari negara-negara berkenaan. Lawatan-lawatan ini juga dapat mengeratkan hubungan di antara pemimpin-pemimpin negara ini dan negara-negara tetamu supaya dapat kita mengurangkan salah faham sekiranya ada.

Kerajaan sentiasa mempertimbangkan lawatan-lawatan Ahli Parlimen Malaysia ke negara-negara asing mengikut keadaan kewangan dan faedah yang diperolehi dari lawatan-lawatan tersebut.

KAKITANGAN KERAJAAN DALAM PERKHIDMATAN KECEMASAN

33. Tuan Ng Cheng Kuai minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) sama ada beliau sedar kakitangan-kakitangan Kerajaan yang berbadan gemok yang terlibat dalam perkhidmatan-perkhidmatan kecemasan kurang cekap dalam menerima panggilan-panggilan cemas dari rakyat. Misalnya terdapat pemandu-pemandu ambulan yang gemok enggan membalas panggilan-panggilan telefon dengan memberi dalih bahawa ianya adalah palsu; dan
- (b) sama ada beliau akan mengkaji dan menguji prestasi semua kakitangan dalam perkhidmatan-perkhidmatan cemas dari masa ke semasa demi kepentingan rakyat jelata.

Datuk Abdullah bin Haji Ahmad Badawi: Bagi menjawab bahagian (a), saya ingin menegaskan iaitu sungguhpun ada kakitangan-kakitangan Kerajaan dalam perkhidmatan kecemasan

yang kurang cekap untuk menjawab panggilan-panggilan telefon tetapi adalah tidak adil jika kita menuduh mereka yang gemok sebagai kurang cekap.

Dalam kes pemandu-pemandu am-bulan, dakwaan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat adalah kurang tepat oleh kerana tugas menjawab panggilan-panggilan kecemasan adalah tanggung-jawab Penyambut Tetamu dan bukan-nya Pemandu Ambulan.

Bagi menjawab bahagian (b) pula, suka saya nyatakan iaitu Kerajaan memang sentiasa mengkaji dan berusaha untuk meningkatkan prestasi semua kakitangan awam.

RANG UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (WILAYAH PERSEKUTUAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang" (22hb Mac, 1984).

Tuan Yang di-Pertua: Saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

4.00 ptg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Puan Shariffah Dorah binti Syed Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, di bawah Akta Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan 1984 ini, hukum syarak telah ditakrifkan secara umum sahaja yang bererti Undang-undang Islam dalam mana-mana Mazhab yang sah. Secara tradisi selama ini apabila tersebut hukum syarak, maka konotasi hukum yang diliputinya hanyalah hukum yang dikeluarkan oleh Mazhab-mazhab empat sahaja iaitu juga dikenali sebagai golongan-golongan Ahli Sunnah Waljamaah iaitu Mazhab-mazhab Shafie, Hanafi, Maliki dan Hambali.

Mana-mana hukum lain selain yang dikeluarkan oleh Mazhab-mazhab empat itu tidak ada dianggap tergolong dalam pengertian hukum syarak.

Dari segi hukum fekkah memang ada perbezaan-perbezaan nyata antara Ahli Sunnah dan Syiah. Walaupun telah terbukti ada pengertian khusus yang diterima secara tradisi bersabit dengan takrif hukum syarak, pengertian ini bagaimanapun tidak pernah ditulis secara khusus dalam kebanyakan Undang-undang Pentadbiran Ugama Islam Negeri-negeri. Oleh kerana sebab-sebab tertentu dan kerana adanya anasir-anasir golongan opportunist mengambil kesempatan terhadap pengertian Hukum Syarak yang boleh mengelirukan orang ramai disebabkan masyarakat Islam di negara ini selama ini tidak mengetahui, memperelajari dan mendalami ajaran Mazhab Syiah, mana yang betul dan mana yang salah. Maka adalah lebih selamat Hukum Syarak itu ditakrifkan secara umum sahaja iaitu ertinya Undang-undang Islam dalam mana-mana Mazhab yang sah. Dengan yang demikian, secara keseluruhannya Akta ini dapat disimpulkan bahawa:

Pertama, Akta ini amat diperlukan bagi menggantikan peruntukan yang terdapat dalam Undang-undang Pentadbiran Islam Selangor yang diluluskan dalam tahun 1952 yang lalu.

Masalah-masalah kekeluargaan yang selalu berbangkit seperti nafkah, penjagaan anak-anak, penyelesaian harta sepencarian dan lain-lain sewaktu terjadi pencarian akan dapat diberikan penyelesaian oleh Mahkamah Syariah secara adil dan saksama.

Undang-undang ini telah digubal semenjak tahun 1973, semakin-seमान yang dibuat ke atasnya telah memakan masa 10 tahun dan memandang keadaan dan keperluan semasa, maka sangat wajar sekali Undang-undang ini dikuatkuasakan segera di Wilayah Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Dato' Abu Hassan bin Haji Omar): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah Rang Undang-undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan), 1984 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk dibahas.

4.08 ptg.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat (Pengkalan Chepa): Tuan Yang di-Pertua, mengikut apa yang biasa didengar dari ahli undang-undang, maka undang-undang pada asalnya terpaksa dibuat di antara lain dengan tujuan mengawal manusia dan masyarakat, bukan sebaliknya yakni manusia bukanlah dia lahir untuk mengawal undang-undang atau menjaga undang-undang, kerana ketika itu kedudukan akan menjadi terbalik. Bagi undang-undang yang dibuat khusus untuk menjaga kepentingan orang Islam, maka satu perkara yang mesti diberi perhatian serius ialah undang-undang itu mesti ditilik dari kacamata Islam, kerana Islam itu sendiri mengandungi undang-undang untuk perseorangan dan masyarakat.

Yang kedua, orang-orang Islam sendiri telah begitu biasa

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, bolehkah bercakap kuat sedikit, deras sedikit?

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat: mengikut apa yang biasa didengar dari ahli undang-undang, maka undang-undang pada asalnya terpaksa dibuat di antara lain ialah dengan tujuan mengawal manusia dan masyarakat bukan sebaliknya, yakni manusia bukanlah dia lahir untuk mengawal undang-undang atau menjaga undang-undang, kerana ketika itu kedudukan akan menjadi terbalik.

Bagi undang-undang yang dibuat khusus untuk menjaga kepentingan orang Islam, maka satu perkara yang mesti diberi perhatian serius ialah undang-undang itu mesti ditilik dari kacamata Islam kerana Islam itu sendiri mengandungi undang-undang untuk perseorangan dan masyarakat.

Yang kedua, orang-orang Islam itu sendiri telah begitu biasa dan terdidik dengan undang-undang yang bercorak

ugama yang mempertautkan kedua-dua aspek jasmani dan rohani sebagai bahan mentah kejadian mereka yang tidak terpadat tandingnya dalam semua undang-undang buatan manusia.

Berhubung dengan undang-undang di bidang nikah kahwin, perkara pertautan atau gabungan di antara jasmani dan rohani atau lebih tegas gabungan di antara dunia dan akhirat ini sangatlah terasa. Islam di samping memperuntukkan tindakan-tindakan yang menyentuh lahiriah, Islam juga mencuit sama aspek-aspek kebatinan yang menyebabkan perkahwinan dan soal rumah tangga di kalangan muslimin dan muslimat menjadi lebih mesra dan sehati. Undang-undang buatan manusia pada keseluruhannya terpaksa memandang hanya dari satu aspek sahaja, iaitu aspek tadbiran dan kawalan lahir semata-mata.

Bagi keluarga Islam di Malaysia umumnya dan Wilayah Persekutuan khususnya, ia telah begitu lama hidup bukan sahaja dengan corak pemikiran Islam dan dengan feqah Islam yang diajar merata-rata negara melalui guru-guru feqah, bagi feqah, bagi mereka tetap akan merasa satu bebanan yang tak fasal-fasal bila berdepan dengan beberapa bahagian dari Rang Undang-undang ini sekiranya diluluskan semua sekali tanpa diubahsuai semula, kerana bila dikaji pada keseluruhannya terasa pada saya tentang tidak wujudnya bancuhan atau adunan yang telah dibuat di antara keperluan lahiriah pasangan laki-laki/perempuan atau suami/isteri dengan keperluan kejiwaan dan kebatinan mereka. Misalnya acap kali benar kita bertemu dengan kepastian meminta kebenaran dari pihak tertentu, Kadi misalnya, terhadap beberapa perkara sebelum melakukan sesuatu hal dalam soal nikah, kahwin, talaq cerai dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, meminta kebenaran, apa sahaja kebenaran, tetap memakan masa yang lama. Bagi Mahkamah Syariah Wilayah yang telah begitu banyak ditimbunkan dengan bermacam-macam kes, termasuk kes-kes khalwat, tentulah pula

akan memakan masa dan menambahkan lagi bebanan mereka sekalipun Rang Undang-undang ini melibatkan kewangan bagi menambahkan kaki-tangan mereka. Bila kelambatan mendapat kebenaran ini berlaku, maka ianya akan bercanggah, pertamanya dengan panduan yang sedia termaklum di kalangan orang Islam seluruhnya, iaitu panduan Rasulullah s.a.w. supaya wajib dipercepatkan pengurusan 3 perkara ini:

- (1) penanaman seorang mayat kerana kalau ianya seorang yang salih, maka berilah peluang secepat mungkin untuknya bertemu dengan Tuhannya yang begitu lama masing-masing tunggu-menunggu;
- (2) membayar hutang kerana di samping menghargai budi baik tuannya duit yang memberi kita hutang, maka malang memang tak berbau; dan
- (3) masalah kita sekarang iaitu mempercepatkan perkahwinan anak gadis bila sahaja didatangi oleh jejak yang berhati baik dan berperangai mulia.

Untuk yang ketiga ini ditekankan khusus oleh Rasulullah s.a.w. dengan sabda tambahan, dengan erti:

“Kalau kamu tidak mempercepatkan pernikahan ini, nescaya berlakulah fitnah yang buruk dan keporak-perandaan yang ketara di muka bumi ini.”

Bila dipandang di sekeliling kita zaman sekarang di mana muda-mudi kita pada keseluruhannya terjerumus dalam hidup bebas yang tidak terkawal, mula dari zaman persekolahan rendah sampai ke peringkat tinggi, ditambah pula dengan mass media kita yang sebahagian besarnya telah hilang rasa cita yang mulia dan pandangan-pandangan nilai hidup Islam, maka isu kepastian meminta kebenaran dari pihak Kadi dan sebagainya mestilah difikir semula dengan penuh pertimbangan. Kalau boleh dihapuskan langsung kerana perundingan-perundingan yang sudah menjadi amalan

dalam Islam melalui sistem “al-khutbah” atau pinangan yang disunatkan oleh Islam itu sudah lebih dari cukup untuk menyelamatkan pasangan muda-mudi, di samping membolehkan satu sama lain kenal-mengenal dan menghubungkan silatulah yang baru.

Bagi saya sistem khutbah ini jauh lebih berkesan dari sistem meminta kebenaran Kadi yang langsung tak kenal-mengenal dan tak pernah bertemu mata sebelah menyebelah yang mahu tak mahu pihak Kadi juga terpaksa berhubung dengan keluarga masing-masing yang sudah tentu tidak akan terjalin kemesraan dan pendekatan sepertimana yang pasti wujud bila dilaksanakan sistem khutbah tadi.

Memandangkan di antara hikmat inilah agaknya, Tuan Yang di-Pertua, Islam telah memberi kuasa langsung dan mutlak kepada seorang bapa untuk menikahkan anaknya sendiri kerana bapa lebih faham dan lebih mesra dengan anaknya dan juga dengan bakal menantunya. Oleh itu, daripada kita mengadakan sistem meminta kebenaran yang maha menyusah ini, ada baiknya pihak Kementerian yang berkenaan ini berusaha untuk menghidupkan balik sistem khutbah cara Islam ini serta membersihkannya daripada segala khurafat dan sampah-sarap yang menyelaputi keseluruhan istiadat meminang ini dari bermacam-macam adat Hindu yang telah melenyapkan segala keanihan dan “simplicity” Islam. Bahkan selain daripada pembersihan dalam perkara meminang ini, Kementerian juga boleh membetulkan semula upacara perkahwinan secara Islam yang ringkas, ringan dan mampu dilakukan oleh semua golongan rakyat tanpa membebankan ekonomi sebelah-menyebelah kerana ketegih hendak jadi (“Raja Sehari” atau “Farhatulallah”).

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya pada himat saya Rang Undang-undang ini telah memberi ruang yang begitu besar kepada aspek pentadbiran dan sosio ekonomi hingga ruang yang satu lagi yang juga

penting, iaitu yang menyentuh dan mencuit kebatinan hampir-hampir tidak dapat dirasai. Besarlah harapan supaya Rang Undang-undang ini selepas diubahsuai semula akan menjadi contoh yang baik untuk semua negeri nanti.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu terdapat juga masalah penglibatan Tuan Mufti dalam penentuan kes untuk didakwa ke mahkamah. Soalnya, kalau seorang Mufti telah menentukan satu-satu kes untuk dibawa ke mahkamah, maka bererti kes itu telah sabit dan keputusan hukumnya juga pasti berlaku. Ketika itu mahkamah hanya menjadi "rubber stamp", tetapi kalau kes itu tidak sabit, ditolak atau sebagainya, maka bagaimana pula kedudukan dan nilai Sahibul Fadhillah Mufti. Sebab itu, bukankah lebih baik diserahkan sahaja penentuan pendakwaan itu kepada golongan lain, seperti Jabatan Pendakwaraya dan sebagainya supaya kerumitan tadi disebut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, seksyen apa itu yang menyekatkan

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat: Saya bercakap keseluruhan sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Sepatutnya kena tahu seksyen berapa yang katakan serah kuasa kepada Mufti hendak mendakwa siapa-siapa itu.

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat: Catatanya ada, tetapi saya tak bawa kerana saya tidak berminat untuk bercakap dalam peringkat Jawatankuasa. Jadi ucapan saya berhenti setakat itu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau tak betul macam dalam apa yang dikatakan itu?

Tuan Haji Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat: Tetapi saya sudah semak. Mengikut ingatan saya memang sudah dicatitkan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan Yang Berhormat dari Kuala Nerus.

4.16 petang.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus): Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ribuan terima kasih kerana dapat saya bersama-sama mengambil peluang untuk membahas dalam peruntukan Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan.

Apabila disebut ataupun diperkatakan sebagai undang-undang syarak, mestilah diperhaluskan dengan teliti sebelum daripada undang-undang itu dijadikan satu undang-undang yang akan disebar kepada seluruh rakyat. Memang sangat berlainan jika dibandingkan dengan undang-undang yang lain ataupun hukum-hukum yang lain selain daripada hukum syarak yang mana adalah hukum-hukum syarak mestilah berpandu kuat kepada ajaran Al-Quran dan Hadis sedaya-upaya yang dapat kita pegang atau dapat kita mematuhi.

Saya suka mengambil perhatian dalam seksyen 23. Dalam seksyen 23 berbunyi:

"Tiada seseorang lelaki boleh berkahwin dengan seorang lain dalam masa dia masih beristerikan isterinya yang sedia ada kecuali dengan terlebih dahulu mendapatkan kebenaran secara bertulis daripada Hakim Syariah, dan jika dia berkahwin sedemikian tanpa berkahwin sedemikian tanpa kebenaran tersebut maka perkahwinan itu tidak boleh didaftarkan di bawah Akta ini."

Dalam masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, rasa saya amat sulit sekali dan rasa saya adalah lari daripada apa yang dikehendaki oleh agama kita Islam yang maha suci, kerana dalam segi mendapat kebenaran si isteri-isterinya ini memang belum pernah dibuat oleh Rasulullah sendiri, sahabat-sahabatnya, nabii-nabii, mazhab-mazhab sama ada Shafie, Malikki, Hambali, Hanafi tidak ada sejarah lagi cara-cara yang seumpama ini dibuat.

Yang keduanya, garisan-garisan ini tidak langsung ada garisnya dalam panduan Hadis atau Quran, sebab memang mustahil sama sekali bahawa seseorang isteri tua ataupun isteri-isterinya akan memberi kebenaran kepada suaminya itu akan tetapi kenapakah hukum Allah diluluskan. Di dalam Al-Quaranulkarim dapat kita petik dalam segi makna dan tujuan. Allah s.w.t. berfirman: Wainkhiftum alataqdilu fawahidah. Wainkhiftum alataqdilu, ini khitab bertujuan kepada suami. Wainkhiftum alataqdilu, dan sekiranya kamu bimbang ataupun kamu takut, yakni suami itu, alataqdilu, bahawa kamu tidak boleh beri adil, fawahidah, maka satu cukuplah. Tetapi tak ada dilarang, tidak kata jangan, tak ada kalimah larang tetapi katanya satu cukuplah. Wainkhiftum ini maknanya perkara-perkara yang bersangkutan dengan suami bukan dengan orang lain. Tuhan tidak ada kata wainkhiftum. Itu beza kalau sekiranya wainkhiftum, itu tanggungjawab kepada Kadi ataupun kepada Kerajaan ambil tahu ataupun sebagainya sekiranya wainkhiftum. Tetapi ini wainkhiftum berertinya perkara masalah dinamakan "alwalshaksiah", masalah diri suami itu dengan isteri. Maka ini rasa saya garisan-garisan yang seumpama ini banyak dibuat oleh orang-orang ugama yang bukan dalam Ugama Islam. Sekiranya ini kita langsung atau kita luluskan seolah-olah dalam seksyen ini kita imbangkan atau kita raikan kepada aliran-aliran yang telah dibuat oleh ugama-ugama lain selain daripada Ugama Islam.

Allah s.w.t. menggariskan sesuatu perkara-perkara yang tidak boleh memberi mudarat kepada sesuatu yang lain memang diletaknya hukum-hukum kadang-kadang tanpa syarat. Ada di antara perkara-perkara yang boleh memudaratkan selalu Allahtaala letakkan hukum ada syaratnya seperti hendak rejam orang berzina, syarat mesti empat saksi yang adalah saksi itu adil betul-betul adil, tak pernah tinggal sembahyang, tak pernah cakap bohong dan tak pernah melakukan maksiat kerana rejam itu adalah perkara yang bersangkutan dengan perkara

jenayah ataupun perkara yang boleh melibatkan perkara-perkara yang banyak lagi. Begitu juga memotong tangan orang mencuri, ada syaratnya hendak potong tangan orang mencuri, ada terkandung sampai 36 syarat hendak potong tangan orang mencuri. Jadi selalunya hukum-hukum Allah, perkara-perkara yang mendatangkan mudarat maka terus diadakan syarat. Maka dalam perkara yang kita bahaskan ini kemudatan itu tidak ada.

Dalam seksyen yang serupa pemohon-pemohon untuk kebenaran hendaklah dikemukakan kepada mahkamah mengikut cara yang ditetapkan dan hendaklah disertai dengan sesuatu Akaun berkanun menyatakan alasan-alasan mengapa perkahwinan yang dicadangkan itu dikatakan patut dan perlu. Pendapatan pemohon pada masa itu ertinya Kadi terpaksa kena panggil orang yang memohon dan kena pula temuduga kenapa hendak kahwin lebih daripada satu. Berapa wang awak, berapa gaji awak dan sebagainya. Perkara yang seumpama ini tidak dikehendaki dalam Islam bertanya tentang perkara ini, kerana Rasulullah s.a.w. di satu masa—ini tercatat dalam Hadis Ibnu Majah dan Abi Daud Alnasai, datang seorang perempuan menawarkan diri di hadapan Rasulullah s.a.w. Ya Rasulullah, saya ingin menawarkan diri saya siapa-siapa yang ingin berkahwin. Ini berlakunya di dalam masjid. Rasulullah s.a.w. pun bertanya sahabat-sahabatnya siapa dalam ramai-ramai ini yang ingin berkahwin. Maka bangunlah seorang mengatakan ya Rasulullah, saya ingin berkahwin. Rasulullah s.a.w. panggil duduk di hadapannya dan Rasulullah tanya, apakah awak ada. Kata dia, saya tidak ada apa-apa Rasulullah. Duit satu sen pun tidak ada. Awak ada kain baju? Saya tidak ada kain baju, hanya baju yang saya pakai sahaja. Awak adakah tidak cincin daripada besi? Saya tidak ada cincin daripada besi. Jadi apa yang awak ada? Satu benda pun tak ada. Adakah awak ingat satu-satu daripada ayat Quran, adakah awak hafal? Ya, saya ada hafal. Baca ayat itu. Maka dia pun bacalah ayat, maka Rasulullah s.a.w. nikahkan perempuan

tadi dengan sahabatnya yang membaca ayat Quran, mas kahwinnya hanya ayat Quran sahaja. Ertinya Rasulullah s.a.w. tidak menanya tentang awak kerja apa, lembu ada berapa ekor, unta ada berapa ekor, duit ada berapa banyak; ini adalah pekerjaan rezeki yang disanggung oleh Allah s.w.t. kepada tiap-tiap manusia dan makhluk yang dijadikan oleh Allah

Tuan Yahya bin Haji Zakaria:
(Bangun).

Tuan Yang di-Pertua: Minta penjelasan? Sila.

Tuan Yahya bin Haji Zakaria:
Apa yang diterangkan oleh Yang Berhormat tadi sama ada perkahwinan yang dibenar oleh Rasulullah itu isteri yang kedua atau yang keempat atau macam mana. Minta penjelasan.

(Tuan Shamsuri bin Md. Saleh *mem-pengerusikan Mesyuarat*).

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:
Terima kasih. Orang yang dibenarkan oleh Rasulullah s.a.w. ini tidak ada disebut kahwinnya isteri yang ke berapa. Kemudian daripada perkara ini adalah memberi makna kepada kita dalam perkara soal kemampuan seseorang itu adalah bagi tanggungjawab suami dengan sepenuh-penuhnya.

Kemudian hari ini kita dapati banyak orang berkahwin lebih daripada satu. Kerjanya kayuh beca. Isteri-isterinya gemuk-gemuk, montel belaka, segar-segar belaka, tidak ada pertelingkahan apa-apa tetapi didapati ada orang-orang yang berpangkat, ada orang-orang kaya, isterinya hanya satu, lari isteri daripada rumahnya. Jadi ertinya tentang nafkah dan sebagainya itu adalah perkara yang tidak kita mesti menitikberatkan daripada awal permulaan. Adakah kita ingin jadikan isteri seseorang lain sebagaimana isteri kita? Kalau isteri kita, kita dapat beri dia pakai motokar, isteri orang lain pun mesti pakai motokar.

Kalau isteri kita, kita sanggup memberi pakaian-pakaian gelang sampai ke siku, jadi isteri orang lain pun mesti

begitu? Jadi, saya tengok dalam Akta-akta ini, dalam seksyen-seksyen ini ada perkara-perkara yang menyebutkan bahawa kesanggupankah kalau tidak seseorang itu memberi tanggungan kepada isteri-isterinya cukup sebagaimana isteri-isteri yang telah ada?

Ertinya kalau dia berkahwin lebih daripada satu, adakah menjadi satu kecacatan kepada isteri-isteri tua ataupun isteri-isteri yang sebelumnya itu. Maka perkara-perkara yang seumpama ini rasa saya lebih baik tidak usah kita ambil bicarakan pada awal-awal, atau dijadikan satu Akta ataupun Undang-undang, kerana ini merumitkan dan menyulitkan.

Dalam seksyen 23 juga mukasurat 20 ceraian 4, apabila menerima permohonan-permohonan itu Mahkamah hendaklah memanggil pemohon-pemohon dan isteri-isteri atau isteri-isterinya yang sedia ada supaya hadir apabila permohonan itu didengar, hendaklah dilakukan dalam Mahkamah tertutup dan Mahkamah boleh memberi kebenaran yang dipohon itu jika berpuas hati, jika Hakimnya sendiri puas hati. Maka kalau sudah ada tiga, empat di hadapan itu rasa saya yang semuanya yang hendak sanggupnya itu sama ada sudah putus-putus bulanan agak saya, ataupun yang sudah putus-putus asa, ataupun yang telah diugut oleh suami pada malam hari; besok engkau di hadapan Kadi kata ia, kalau tidak aku tembak engkau. Kalau tidak, tidak siapa yang akan menyerah diri seumpama itu.

Oleh yang demikian kalau kita buatlah Undang-undang ini iaitu kita adakan sekatan-sekatan seumpama ini misalannya, ini adalah cara-cara yang seumpama ini seolah-olah kita ialah semata-mata untuk menyekatikan supaya orang laki-laki jangan kahwin lebih daripada satu, itu tujuan matlamatnya. Matlamatnya ke situlah.

Oleh itu kita orang Islam ini hukum ini, hukum syarak, hukum syarak ini ialah terdiri daripada orang Islam yang membuatnya, orang Islam ialah orang beriman takut kepada Allah dan percaya kepada Allah.

Oleh itu dalam perkara nikah kahwin ini, perkara telah dicatat oleh Allah, tidak boleh berlaku sekiranya tidak ada tulisan daripada Allah daripada azali sebagaimana Firman Allah :

Maasyabamimmusibatimfilardh, walafiamfusikum, kullumfikitabi, mingqabliannabraaha, wazalika 'allahiyasir. Allah Subhanahu wa taala, firman.

Maasyabamimmusibatimfilardh, walafiamfusikum, apa sahaja yang berlaku di dalam muka bumi ini, walafiamfusikum, begitu juga pada diri-diri kamu.

Kullumfikitabi, kesemuanya telah kami atur. telah kami tulis.

Mingqabliannabraaha, sebelum daripada kami jadi kamu lagi. Belum dijadikan Abdullah, belum dijadikan Aishah, belum dijadikan Ali, belum dijadikan Fatimah, tulisan telah dicatat dan telah ditetapkan oleh Allah Subhanahu wa taala.

Wazalika 'alallahiyasir, begitulah peraturan-peraturan yang Allah Taala gariskan. Likailataksauma-fatakum, supaya mereka tidak sekali-kali merasa dukacita apa yang mereka tidak dapat. Walatafrahubimaatakum, dan begitu juga supaya jangan mereka sombong dan megah dengan apa yang mereka dapat.

Jadi, dalam pepatah Arab, kata: Almakhtulfiljadin, labuddaan, yarahul-'ain, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Apa-apa yang tertulis di dahi iaitu pada orang perempuan ada ditulis di dahi nama suaminya, labuddaan, yarahul-'ain, tidak dapat tidak mesti akan jumpa. Kalau tidak ada ditulis di dahi tindakan dapat. Sebab itulah berapa banyak orang-orang bercinta daripada kecil di bangku sekolah rendah, sampai ke peringkat universiti siang malam bersama-samanya, sampai masa hendak kahwin, tidak jadi. Langsung berkahwin dengan siapa, dengan seorang yang dia jumpa di dalam kapal terbang, di dalam keretapi disebabkan tersalah pijak kaki, entah macam mana berkenalan. Dalam minggu itu juga kahwin yang bercinta sudah 13, 14 tahun

tidak jadi kahwin. Kenapa? Inilah menunjukkan bahawa sanya asas telah ditetapkan oleh Allah Subhanahu wa taala.

Oleh yang demikian bagi wanita-wanita ataupun orang-orang muslimat Islam, tidak usahlah merasa kebimbangan tentang orang-orang lelaki hendak kahwin duakah, tigakah, empatkah, berapa. (*Tepuk*)

Jadi rasa saya tidak usahlah kita menyusah-nyusahkan hendak catatkan Akta-akta yang seumpama ini untuk menyebarkan Kadi-kadi bekerja. (*Tepuk*)

Dalam perkara

Tuan Daud bin Dato' Haji Taha: Minta penjelasan.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ya, ada yang minta jalan.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Silakan.

Tuan Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sama ada Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus menyokong atau membangkang Rang Undang-undang ini.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, saya belum boleh hendak katakan saya hendak menyokong atau tidak lagi sekarang ini. Saya hendak cuba meminta masa sedikit lagi hendak mengulas sedikit lagi selepas itu, saya akan lahirkan apakah yang patut saya lahirkan, menyokong, rasa saya sokonglah, tetapi pindaan-pindaan itu adalah sedikit. Bolehkah izinkan sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Sambung, sila sambung.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tentang meminta kebenaran berkahwin daripada satu qariah, ke qariah yang lain. Seseorang sebagaimana dalam begitu Akta 23 juga seseorang yang hendak berkahwin mesti mendapat kebenaran, surat bertulis daripada Kadhi dalam

kawasan mereka. Kalau sekiranya dia hendak kahwin misalannya kata di qariah lain umpamanya orang Terengganu hendak berkahwin di Wilayah Persekutuan, mestilah mengambil kebenaran surat bertulis daripada Kadhi di sana membenarkan kahwin.

Soal kebenaran kahwin ini adalah kuasa tulin bapa ataupun wali. Tentang ambil-ambil surat ini rasa saya pun hendak menyebokkan Kadhi juga. Sebab terutama sekali kita tidak boleh menyusun dengan lengkap siasatan kita untuk mendapat surat yang begitu benar.

Misalannya surat itu berkehendakkan mengatakan orang ini daripada kampung ini dan mereka tidak ada isteri. Itu satu daripadanya ataupun mereka ini isterinya kembali kerahmatullah dan dia bujang dan sebagainya. Kadi itupun setakat mana yang dia tahu sahaja, tetapi dia tidak ada isteri di kampung, boleh jadi ada di Thailand. Cuma yang Kadi tahu yang mengatakan tidak ada isteri itu di kampung dia. Maka alasan-alasan ini orang boleh buat.

Pada hari ini berapa banyak orang berkahwin di sana sini dengan tak ada membawa surat. Padahal perkara ini sudah ada dijalankan oleh Mahkamah Kadi dan berapa banyak orang-orang bercinta, berhajat sangat mahu kahwin dengan seorang gadis, gadis itu berhajat sangat, bercinta sangat kepada si lelaki itu. Pergi dengan Kadi itu, Kadi tak mahu nikahkan dengan sebab tak ada surat, pergi ke Kadi sanapun tak mahu nikahkan dengan sebab tak ada surat. Pergi ke Johor, Kadi tak mahu nikahkan, pergi ke Wilayah Kadi tak mahu nikahkan, pergi ke Terengganu Kadi tak mahu nikahkan. Akhirnya pergi ke negeri Thailand, nikah di sana. Nikah cara syarak sah dalam Islam dan mereka kedua-duanya rakyat Malaysia sedangkan kita tak boleh hendak masukkan dalam Akta ini. Kita tidak boleh hendak memberi surat nikah kepadanya. Maka anak itu sebagai anak apa? Adakah kita hendak katakan dia sebagai anak zina kerana dia tidak ada surat nikah? Oh, kita kata surat nikah boleh diberi

sesudah enam bulan dan sebagainya. Maka rasa saya ini adalah perkara yang sangat merumitkan kerana ada di antara mereka yang hendak nikah menjadi payah. Kita kembali kepada asas Islam, Allah swt. berfirman: Ertinya, Ugama Islam senang. Tetapi sekarang memayahkan. Allah swt. berfirman lagi: Ertinya, kami tidak menjadikan dalam Ugama Islam ini remeh-temeh. Undang-undang kita buat ini remeh-temah namanya. Jadi kepada alasan manakah yang mahu surat menyurat ini, sehingga kita tinggalkan firman Allah swt. yang mengatakan "Kami tidak menjadikan Ugama Islam remeh temeh". Maka kita buat remeh temeh, pegang kepada apa?

Adakah ini tidak menjadi kesulitan sedangkan Ugama Islam itu senang. Adakah kita hendak tiru orang-orang Kristian yang begitu payah hendak bernikah, apabila menikah dengan seseorang sampai matilah, jangan berbau-bau hendak menikah lain, jangan mimpi-mimpi hendak menikah lagi, tetapi betina-betina disimpannya banyak. Nikah secara Islam, secara yang dihalalkan oleh Allah tidak ada, tetapi secara "simpan" ada.

Maka Allah swt. memudahkan dalam perkahwinan ini berkhidmat berkhimah supaya jangan kiranya orang-orang Islam menyimpan "betina-betina". Itu hikmatnya.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Saya fikir perkataan "betina" itu kita tukar dengan "perempuan".

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Ya, perempuan.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Tak elok kita gunakan perkataan "betina".

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Ya, Maaf, Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya di sebelah Terengganu, kalau betina ini manjalah (*Ketawa*)—percakapan manja.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ini kita pakai perkataan standard.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Ya, kita pakai perkataan standard, terima kasih.

Islam ugama yang senang, kenapa-kah kita hendak menyusahkan. Kalau sudah Tuhan sendiri kata senang, kenapa kita hendak menyusahkan? Maka perkara remeh-temeh ini menyusahkan. Kemudian tentang ambil-ambil surat ini, saya sendiri telah tengok orang ambil-ambil surat hendak menikahkan, pergi jumpa Kadi. Kadi tak mahu beri, kemudian dia pergi di Mahkamah Tinggi. Sebelum sampai masuk jumpa Ketua Mahkamah, ada orang jual ini surat \$8.00 sehelai, tak payah bersumpah-sumpah, ambil surat itu bawa pergi jumpa kepada Kadi, Kadi pun ambil cop terus, di mana-manapun boleh menikahkan. Jadi benda-benda seumpama ini susah kita dan susah Kadi-kadi.

Misalnya, seorang berkahwin dengan tanpa surat tadi, kemudian didapati salah dan ditangkap dan dibawa ke mahkamah. Kadi pun bicarakan. Kalau si yang kena tangkap tadi bertanya Kadi: Tuan hendak bicarakan saya dalam kes ini tentang hukum mana? Hadis mana. Dalam perkara hukum ataupun hukum syarak ini sepatutnya tidak boleh lari daripada apa yang telah digariskan oleh Allah dan Rasul atau ijmak ulamak. Ini ijmak ulamak pun tidak, Hadis Rasulullah pun tidak dan dalam Mazhab pun tidak. Jadi Hakim ataupun Kadi hendak jawab macam mana kepada si yang kena tuduh tadi? Kalau sudah dikeluarkan ayat al-Quran mengatakan Ugama Islam senang kata dia. Tuan buat begini payah, Tuhan kata Ugama Islam senang, ini Tuan menyiksa saya. Susah ini. Rasa saya ditempelak oleh orang yang kena tuduh tadi kepada Kadi ataupun Hakim. Jadi macam mana dia hendak jawab? Ke mana hendak jawab?

Maka inilah rasa saya patut kita fikir semula dalam hal ini dan perkara-perkara seumpama ini.

Kemudian dalam segi umur, mengikut Undang-undang ini lelaki mesti tidak kurang dari 18 tahun dan perempuan tak kurang 16 tahun. Ini

garisan siapa buat? Garis Allah Taala buatlah, garis Nabi Muhammad s.a.w. buatlah, garis Mazhab Shafie, Hanafi buat Hambalikah, garis ijmak ulamak buatlah ataupun digariskan oleh mana-mana ugama selain daripada ugama Islam?

Rasulullah s.a.w. berkahwin dengan Siti Aishah, akad nikah umurnya 6 tahun, masuk pelamin umur 9 tahun. Kenapa? Sebenarnya, Rasulullah s.a.w. umurnya lebih tua, kenapa berkahwin budak kecil sangat itu, nikah yang umur 6 tahun, masuk pelamin umur 9 tahun.

Rasulullah s.a.w. kahwin bukanlah kerana nafsu. Rasulullah s.a.w. kahwin kerana mengajar umat. Tentang umur tidak boleh dibataskan. Hari ini ada di antara "perempuan", saya gunakan perkataan "perempuan umurnya 14 tahun, badan segar, besar sungguh dan berhajat hendak kahwin sangat, hendak baca bukupun tak terdaya dan ada perempuan yang kenit sangat, yang kecil sangat walaupun umurnya meningkat 25 tahun, tetapi badan kecil dan memang kurang hendak kahwin. Kemudian tujuan kita menghadkan umur ini apa tujuannya dan kenapa? Kemuskilan apa? Oh! barangkali kerana belajar. Berapa banyak orang-orang dalam bangku sekolah yang kahwin tetapi lulus, berjaya. Kenapa banyak yang tidak kahwin tidak berjaya. Ini bukan menjadi satu alasan.

Dalam segi nafkah pun tidak boleh menjadi alasan. Ini bukan kerja kita. Kerja kita ialah menjalankan keadilan apa yang telah berlaku, itu mahkamah. Tetapi bukan hendak menjalankan, hendak atur daripada dapur mereka, daripada periuk, daripada sudu mereka, daripada cawan mereka, Islam tidak suruh atur macam ini. Ini bererti kita hendak atur daripada mula bera-nak, mula dia menyusu sampai dia besar, sampai dia kahwin, sampai rumah-tangga, periuk belanga. Bukan begitu Islam suruh. Islam suruh buat sesuatu perkara yang kasar-kasar sebagai tanggungjawab Kerajaan atau pemerint-h ialah perkara yang kasar-kasar sahaja. Yang halus-halus, remeh-temeh tidak disuruh.

Oleh yang demikian rasa saya Seksyen ini pun patut dikaji semula. Dan saya mencadangkan tidak usah langsung di tulis ataupun diaktakan tentang umur kerana negara-negara Islam lain di dunia ini sangat jarang berbuat demikian. Apa yang telah kita garis ini memang 'nadi' sekali negara-negara Islam buat. Dan semoga hukum-hukum syarak ini adalah menjadi contoh tauladan yang murni kepada hukum-hukum dalam agama-agama yang lain. Jangan sekali-kali kita mahu seakan-akan mirup ataupun "muyul" kata orang Arab kepada keimbangan pentadbiran hukum-hukum syarak dalam agama lain daripada agama Islam. Kerana apa yang di dalam agama Islam adalah sangat kukuh dan kuat yang dapat kita pandu dengan selicin-licinnya.

Oleh itu pada akhirnya Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara ini saya mencadangkan supaya Seksyen 23 ini iaitu Ceraian (4) dikaji semula. Kemudian dalam ceraian (4) itu, paragraf (b) dikaji semula, (c) dikaji semula, (d) dikaji semula dan muka 21 paragraf (6) dikaji semula. Muka 16, Seksyen 16, ceraian (2) dikaji semula, ceraian (3) dikaji semula. Seksyen 17 dikaji semula. Dalam muka 17, Ceraian (2) dikaji semula, Seksyen 19 dikaji semula dan Seksyen 20 penting dikaji semula.

Maka setakat ini hanya saya berucapkan ribuan terima kasih dan saya rasa amat bangga di atas bentangan Akta ini tetapi pihak saya belum dapat memberi sokongan penuh setakat ini hinggalah paragraf-paragraf ini akan disemak semula.

4.55 ptg.

Tuan Alias bin Md. Ali (Ulu Terengganu): Tuan Yang di-Pertua, setelah mendengar ucapan daripada Yang Berhormat Ahli dari Kuala Nerus, saya menjadi serba salah. Saya menjadi serba salah oleh kerana tugas saya sebagai Ahli Parlimen hilang mengundi suatu yang dibentangkan di dalam Dewan ini. Saya menjadi serba salah oleh kerana saya ingin menyokong Akta ini pada mulanya tetapi setelah mendengar pendapat Ahli dari

Kuala Nerus yang saya ketahui mempunyai kepakaran yang mendalam dalam bidang hukum syarak dan dalam bidang agama Islam sebagai seorang yang telah bertahun-tahun belajar selok-belok Islam, lulus Darul Ulum di Mekah dan memperoleh ijazah di Azhar Universiti. Dan apabila dengar teguran-teguran di dalam beberapa Seksyen yang tertentu dalam Akta ini, saya menjadi serba salah oleh kerana kalau saya mengundi menyokong bererti saya mengundi menyetujui sesuatu yang tidak tepat dengan kehendak Allah, tidak tepat dengan kehendak Al-Quran dan tidak tepat dengan kehendak Hadis. Kalau saya tidak mengundi saya tidak pula menjalankan kewajipan saya sebagai seorang Ahli daripada sebuah parti Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, teguran daripada seorang yang pakar tentang Islam harsulah kita terima sebagai sesuatu yang serius dan kalau kita tahu bahawa provision-provision yang ada dalam Akta ini sudah terang-terang tidak menepati kehendak Islam seperti yang telah diperturunkannya di dalam Al-Quran dan tidak tepat dengan kehendak Rasul maka kewajipan kita ialah mengkaji semula provision-provision yang tidak tepat apa lagi provision-provision yang bercanggah dengan kehendak Al-Quran dan Habis.

Tuan Yang di-Pertua, soal agama tidak boleh dijadikan suatu isu. Soal kehendak Allah dan Rasul tidak boleh ditolakansurkan untuk, dengan izin, komodasi ataupun untuk hendak mengaccommodate kehendak-kehendak manusia baik orang wanita ataupun orang lelaki.

Apa yang telah ditentukan itulah yang mesti diikuti. Saya sedar bahawa beberapa provision yang ada di dalam Akta ini adalah dibuat untuk menyesuaikan dengan tuntutan-tuntutan daripada kaum wanita Islam. Tetapi tuntutan-tuntutan itu sendiri haruslah diperiksa dari segi hukum-hukum Islam, oleh kerana emosi tidak boleh dicampur dengan hukum Islam (*Tepuk*). Bahawa manusia perempuan tidak redha dipermadukan adalah

emosi. Tetapi bahawa Tuhan telah menentukan manusia lelaki Islam itu diberi kebenaran berkahwin sampai 4 tanpa perlu minta izin dan sebagainya adalah hukum Allah, tidak ada tolak ansur tentang hukum Allah, itu Utaz saya ajar di sekolah dahulu. Tidak ada tolak ansur tentang hukum Allah dan hukum-hukum Allah tidak boleh disesuaikan dengan convenient manusia. Kalau hukum Allah menentukan bahawa kita mesti sembahyang lima kali sehari semalam, kita tidak boleh mengurangkannya pada tiga kali kerana lima kali sembahyang satu hari semalam itu tidak convenient untuk manusia.

Maka oleh hal yang demikian, saya berharap perkara ini jangan ditinjau dari sudut keperluan convenient, dari sudut emosi manusia tetapi hendaklah ditinjau daripada kehendak Allah, kehendak Rasulnya. Sebagai seorang yang beragama Islam, saya tidak akan bersubahat untuk menyimpang daripada kehendak Rasul dan kehendak Allah walau bagaimanapun, keinginan saya untuk mengelak diri daripada apa yang telah ditetapkan di dalam Al-Quran dan Hadis.

Tuan Yang di-Pertua, saya bukanlah seorang lelaki yang suka berpoligami, saya bukan pro-poligami tetapi saya juga tidak suka orang berpoligami hanya semata-mata untuk menganiayai kaum wanita. Tetapi dalam hal kita membuat peraturan kita perlu rujuk kepada pangkal bahawa kita membuat sesuatu undang-undang syariah dan pangkal undang-undang syariah itu ialah Al-Quran dan Hadis, dan kalau kita tidak merujuk kepada Al-Quran dan Hadis maka undang-undang itu tidak boleh dan tidak tepat untuk dinamakan undang-undang syariah.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sebelum Rang Undang-undang ini dikemukakan di dalam Dewan ini. Adakah pendapat-pendapat Ulama, orang-orang yang pakar tentang undang-undang syariah telah diminta. Adakah pernah dibuat suatu mesyuarat atau perhimpunan para Ulama untuk memperhalusi setiap provision yang

ada di dalam Akta ini. Kalau tidak, maka pada pendapat saya ada meritnya, ada baiknya kita menghalusi semula Rang Undang-undang ini. Saya tidak menentang Rang Undang-undang ini tetapi kalau ada provision-provision yang bercanggah dengan semangat apa lagi dengan kehendak Islam, maka adalah menjadi kewajipan kita untuk memperhalusi semula provision-provision yang tertentu itu supaya kita tidak bersubahat membuat sesuatu yang terkeluar daripada ajaran Islam yang sebenarnya.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:
Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

5.05 ptg.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad (Pasir Puteh): Tuan Yang di-Pertua, setelah saya mendengar ucapan Ustaz dari Kuala Nerus dan juga Ustaz dari Ulu Trengganu saya dapat menentukan bahawa ada beberapa perkara di dalam Rang Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan, 1984 ini mempunyai sedikit sebanyak percanggahan dengan hukum syarat ataupun hukum agama Islam di dalam haf nikah kahwin ini. Dalam pada itu kita dapati bahawa undang-undang ini sudah dua kali dibawa ke Dewan ini dan ini merupakan kali yang kedua setelah ditarik kali pertama.

Sepatutnya keadaan yang menyalahi dan bercanggah dengan hukum syarak ini tidak sepatutnya Jikekalkan lagi di dalam peraturan, di dalam Undang-undang Keluarga Islam Wilayah Persekutuan ini. Kerana masalah hukum ataupun masalah dosa pahala yang kesemuanya kita ini tidak tahu akan berdoosa atau akan menerima pahalanya, sebesar mana dosa sebesar mana pahalanya, bukan sahaja itu tetapi dari segi politiknya juga amat teruk bagi kita orang-orang yang membentangkan Undang-undang Keluarga Islam ini terutama bagi pihak Kerajaan. Kerana kita tahu sudah tentulah orang-orang daripada PAS, daripada parti-parti lain akan mempergunakan perkara ini dan akan membaca ayat

demikian ayat akan mengeluarkan ber-puluh-puluh ayat Al-Quran yang kita sendiri pun tidak tahu tentang itu dan dipergunakan ini.

Kalau dipergunakan ini, satu sahaja, bagi bab 23 sudah cukup; belum lagi masuk bab 8, belum lagi masuk bahagian-bahagian lain. Bab 23 sudah cukup untuk dibawa ke kampung, tambahan kalau pak haji-pak haji sudah tentu dia menentang. Pak haji mana ada akaun? Pak haji akaunnya tidak ada, dia harapkan sedekah tetapi pak hajilah yang berkahwin dua, tiga atau empat. Tambah-tambah—lagi besar serbannya lagi banyak dia hendak kahwin tetapi akaun tidak ada, dia tidak pernah simpan akaun, dia tidak pernah simpan wang di bank-bank tetapi dia simpan wang dalam bantal, kadang-kadang orang sedekah sahaja anak dara kepadanya. Jadi, kalau keadaan inilah berlaku sudah tentulah akan merupakan isu politik yang paling besar kepada parti Barisan Nasional ataupun Kerajaan jika sekiranya undang-undang ini tidak dihalusi dan tidak dipinda sebagaimana yang disebutkan tadi.

Kita tahu matlamat dan hasrat sebenar di sebalik Undang-undang ini memang kita tahu, bahawa kita takut di Wilayah ini macam-macam berlaku, kadang-kadang perkahwinan dilakukan kerana untuk melacurkan isteri misalnya perkahwinan dilakukan walaupun mereka itu tidak mampu maka disuruh isteri bekerja dan sebagainya keadaan yang berlaku. Tetapi adakah keadaan yang berlaku ini boleh kita lakukan sesuatu yang bercanggah dengan undang-undang dan peraturan syarak, sebagaimana yang kita tahu sekarang kita hendak menerapkan nilai-nilai Islam. Kita hendak menerapkan hukum-hukum yang tidak akan bercanggah dengan hukum-hukum Islam.

Walau bagaimanapun, saya minta sekiranya Rang Undang-undang ini diluluskan bahawa perkara-perkara yang bercanggah dengan hukum syarak tidak akan dijalankan. Kita tahu sekiranya sesuatu perkara itu susah hendak berlaku, hendak dijalankan misalnya katalah sebagaimana wakil dari Kuala

Nerus tadi hendak menyebarkan Kadi-kadi, hendak membanyakkan kertas, hendak membanyakkan itu ini sudah tentulah membanyakkan belanja. Dan yang paling sedih sekali akan berlaku rasuah. Jangan kita ingat serban yang besar-besar, jubah yang labuh itu tidak akan melakukan rasuah. Kadang-kadang dia tidak sebut rasuah dia sebut "sedekah". Sedekah pun rasuah kalau dengan tujuan untuk mendapat sesuatu. "Tak apalah, saya sedekah kepada tok guru. Saya sedekah kepada tok Kadi". Kalau sedekah untuk mendapatkan surat ini adalah rasuah. Sedekah untuk minta sesuatu, rasuah.

Jadi, kalau kita tidak mahu menggalakkan sedekah dengan tujuan maksud rasuah ini maka undang-undang ini sepatutnya tidak dipersusahkan sebagaimana yang kata wakil dari Kuala Nerus tadi. Dan juga Ustaz dari Ulu Trengganu tadi, keadaan ini akan berlaku kesusahan kepada kita keluarga Islam walaupun ini dijalankan di Wilayah, walaupun kita tahu matlamat dan sebab sebenar undang-undang ini dibentangkan. Tetapi adakah matlamat dan undang-undang yang kita bentang itu berlawanan dengan kehendak-kehendak bukan Islam dan hukum syarak? Ini yang paling penting. Kalau berlawanan maka sudah tentu perkara ini akan dijadikan isu politik, akan dijadikan tampanan yang paling hebat kepada Parti Barisan Nasional jika sekiranya pilihanraya diadakan. Inipun sudah timbul, tambah-tambah lagi di Kelantan Undang-undang Keluarga Islam ini sudahpun timbul di dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan. Maka terpaksa Kerajaan menggunakan kakitangan sepenuhnya untuk menerangkan, kepada sayapun digunakan untuk menerangkan hasrat Kerajaan membuat undang-undang ini. Jadi perkara yang tidak patut kita membelanja dan menerangkan perkara ini, yang sepatutnya tok guru-tok guru yang menerangkan berdasarkan Quran dan Hadis maka kita yang tidak tok guru inipun terpaksa menerangkan dari segi politik dan dari segi hasrat Kerajaan.

Jadi inilah selain daripada hasrat kita yang baik ini maka kita akan menambahkan beban kepada Kerajaan dan menambahkan belanja kepada Kerajaan dan yang paling teruk ialah akan menimbulkan tamparan yang buruk yang akan dilakukan oleh parti-parti yang suka menangguk di air keruh, yang suka mencari sesuatu kesalahan terutama perkara yang boleh menjadi modal yang paling besar kepada mereka untuk menikam kita di dalam pilihanraya. Kita tidak takut modal-modal ini digunakan kalau benda itu demi untuk menegakkan hukum Syarak ataupun kehendak-kehendak Allah dan kehendak-kehendak Hadis tetapi yang paling kita takut kita akan menegakkan benang basah. Kalau kita hendak menegakkan benang basah sudah tentu kita tidak akan menang dan inilah yang mengeciwakan kita kalau sekiranya sesuatu undang-undang itu dibentangkan tanpa dihalusi. Dan kemungkinan pihak Kerajaan menjawab sudahpun dihalusi, tetapi kalau sudah dihalusi, kalau berkehendakkan butir-butir yang kita baca di sini kesemuanya adalah berkehendakkan keputusan, berkehendakkan kebenaran, berkehendakkan itu dan berkehendakkan ini sudah tentu senang dikatakan bahawa dalam Bab 23 ini tidak dibenarkan suami berpoligami—senang kata begitu; ataupun bab yang ini mengatakan bahawa tidak dibenarkan perempuan atau lelaki berkahwin sebelum dapat kebenaran Kadi, tidak kira umur—senang. Jadi kalau kita buat macam itu mungkin lebih tegas lagi dan lebih senang orang menentangnya tetapi setelah kita teliti hasrat sebenarnya, kalau hasrat sebenarnya itu berlawanan dengan kehendak agama dan kehendak Allah dan kehendak hukum Syarak, sudah tentu orang Islam akan berdosa mematuhiinya.

Sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang.

5.13 ptg.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed (Rantau Panjang): Bismillahir-rahmanir-rahim. Tuan Yang di-Pertua,

saya turut bangun untuk membahas mengenai Undang-undang Keluarga Islam yang dibentangkan dalam Dewan yang mulia pada hari ini.

Saya bangun ini bukan hendak menjadi Mufti mengeluarkan fatwa berkenaan dengan hal agama ataupun membahas berkenaan hukum agama kerana saya rasa bukan di sini tempatnya iaitu di Dewan yang mulia ini.

Walaupun saya daripada pihak parti Pembangkang, tetapi saya suka hendak menjelaskan dalam Dewan yang mulia ini di atas apa yang telah diucapkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Puteh yang meragui bahawa Undang-undang Keluarga Islam ini akan dijadikan bahan oleh pihak Pembangkang menghadapi pihak Barisan Nasional dalam pilihanraya yang akan datang, maka saya hendak memberitahu bahawa insya Allah, pihak Hizbul Mislimin (HAMIM) tidak akan menggunakan Undang-undang Keluarga Islam ini untuk menentang ataupun bahan politik dalam menentang Barisan Nasional. (*tepok*)

Masalahnya kerana pihak saya telah mengkaji sedikit sebanyak tentang hal Undang-undang Keluarga Islam yang dibentangkan di Dewan yang mulia ini. Undang-undang ini bukanlah sesuatu yang baru, undang-undang ini telah lama berjalan dan berkuatkuasa di seluruh Malaysia. Di Kelantan, di Johor, di Terengganu, di Kedah telah lama menjalankan undang-undang ini, cuma masalahnya mengemaskan lagi dan ini pada hemat saya, Undang-undang Keluarga Islam ini adalah untuk menyelaraskan penggunaan dan pemakaiannya bagi seluruh negeri-negeri dalam Malaysia ini.

Memang sudah wajar dengan langkah yang telah dikemukakan oleh pihak Kerajaan bukan sahaja Undang-undang Keluarga Islam untuk digunakan di Wilayah Persekutuan tetapi di negeri-negeri yang lain termasuk Kelantan telah pun diluluskan oleh pihak Dewan Undangan Negeri Kelantan. Perkara baru, memang akan menimbulkan banyak kurang senang daripada rakyat, daripada orang biasa

tetapi kalau atas hasrat untuk mengemas, untuk melengkapkan perjalanan; insya Allah lambat-laun akan diterima oleh masyarakat Islam kita asalkan kita menggunakannya dengan sebaiknya dan kita bersedia akan mengubahsuai lagi undang-undang ini kerana Undang-undang Keluarga Islam ini bukan berbentuk Quran yang tidak boleh dipinda yang saya rasa pada masa ke hadapan akan dipinda lebih lagi oleh pihak Kerajaan sesuai dengan kelemahan ataupun perkembangan yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, pada hemat saya Undang-undang Keluarga Islam yang dibentangkan ini amat sesuai dengan hasrat Kerajaan yang hendak menerapkan nilai-nilai Islam dalam masyarakat dan dalam pentadbiran negara dan kepada saya ini merupakan satu batu asas pertama, bata pertama dalam kita menyusun satu perundangan Islam bagi Malaysia yang lebih besar lagi pada masa ke hadapan, insya Allah, kerana mengikut hukum Islam, kita sudah menjalankan hukum ibadat dan sekarang kita memasuki hukum "munakahat", dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, cuma hukum "Muamalat" dan hukum "Jenayah" sahaja yang belum lagi kita laksanakan dalam negara Malaysia ini.

Menyentuh masalah ini, Tuan Yang di-Pertua, saya suka hendak memberitahu terutama rakan saya dari pihak parti Pembangkang DAP dan juga kepada rakyat yang tidak beragama Islam, jangan merasa khuatir, jangan merasa susah ataupun mencurigai langkah-langkah atau usaha-usaha yang akan dijalankan oleh pihak Kerajaan dalam melaksanakan perundangan Islam terutama Undang-undang Keluarga Islam, kerana dalam sejarah perkembangan Islam di Malaysia ini tidak pernah berlaku bahawa orang-orang yang bukan Islam dipaksa memeluk ataupun mengikut pengajaran Islam. Orang-orang Islam berpegang teguh kepada panduan daripada Al-Quranul-karim sendiri yang bermaksud, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, "La-ikrahafiddin"—Tidak ada paksaan dalam agama. Sebab itu orang-orang bukan Islam, saya harap

tidak akan menggunakan masalah pelaksanaan Undang-undang Keluarga Islam ini sebagai sesuatu yang akan mengancam kedudukan mereka pada masa hadapan terutama agama mereka.

Saya menyedari bahawa Undang-undang Keluarga Islam ini pada mulanya hendak dibentang lebih awal lagi tetapi ditarik balik. Sebab ditarik balik kerana hanya satu sahaja iaitu tentang pengertian Hukum Syarak, kerana pada mulanya pengertian hukum syarak dalam Undang-undang pertama yang ditarik balik itu ada kesamarannya. Tetapi nampaknya ada perubahan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, hukum syarak mengikut Undang-undang ini ertinya Undang-undang Islam dalam mana-mana mazhab yang sah. Kenyataan yang seperti ini adalah lebih sesuai dengan kehendak dan pemakai mazhab dalam negara kita dalam Malaysia.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:
Tuan Yang di-Pertua, saya minta jalan.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:
Boleh beri jalan Yang Berhormat?

Tuan Hassan bin Haji Mohamed:
Boleh.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Sila

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:
Saya ingin bertanya di antara mazhab-mazhab yang sesuai sebagaimana apa Yang Berhormat kata tadi, mazhab mana?

Tuan Hassan bin Haji Mohamed:
Tuan Yang di-Pertua, dalam Rang Undang-undang Keluarga Islam, yang pertama diakui bahawa hukum syarak itu ialah mazhab Jaafariah, salah satu daripada cabang mazhab Syiah.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan:
Tuan Yang di-Pertua, dalam soal agama rasa saya tidak harus seseorang Islam memberi pendapat-pendapat mengikut fikiran kerana ini adalah hukum Allah.

Tuan Hassan bin Haji Mohamed:
Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan ini sebagaimana saya kata, saya tidak

hendak menjadi Mufti. Hanya apa yang saya ulas ialah apa yang ada dalam Rang Undang-undang Keluarga Islam ini, juga saya amat mengharapkan supaya sempena dengan Undang-undang Keluarga Islam ini, maka Wilayah Persekutuan yang Kuala Lumpur menjadi ibukota Malaysia ini hendaklah dijadikan sebuah ibukota yang bersih bukan ibukota yang penuh dengan sarang maksiat—penuh dengan pelacuran, penuh dengan tempat perjudian, minum arak, dan bermacam-macam lagi maksiat yang dilarang oleh Allah subhanahu wa taala, yang dilarang oleh ugama kita yang menjadi ugama rasmi negara ini.

Saya juga menarik perhatian pihak Kementerian yang berkenaan supaya berusaha melahirkan satu etika Islam yang baik dalam kawasan Wilayah ini, kerana Wilayah sekarang telah menjadi simbol bagi negara Malaysia yang berazam hendak menerapkan nilai-nilai Islam dalam pentadbiran negara.

Saya minta dan menarik perhatian pihak Kementerian yang berkenaan supaya mengadakan sedikit sebanyak kawalan tentang pakaian pegawai-pegawai Kerajaan terutama terdiri daripada pegawai-pegawai wanitanya supaya berpakaian yang lebih sopan, tidak mendedahkan aurat yang haram ditonton oleh lelaki yang bukan muhrimnya. Begitu juga saya minta kepada Kementerian yang berkenaan supaya mengawasi gerakan pondan-pondan berkeliaran dalam ibukota Kuala Lumpur khususnya kerana kita tidak mahu sebagaimana saya katakan tadi ibukota Malaysia ini yang menjadi simbol bagi negara Malaysia menjadi kemegahan negara Malaysia jangan jadi medan “homo” yang besar kerana maksiat ini tidak kurang buruknya dengan maksiat-maksiat pelacuran yang lain. Pihak saya adalah bersedia memberi sokongan kepada Rang Undang-undang Keluarga Islam ini.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh:
Jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

5.25 ptg.

Puan Shariffah Dora binti Syed Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, Akta ini adalah merupakan Akta Undang-undang Keluarga Islam yang lengkap. Akta ini telah digubal dengan memberi perhatian khusus terhadap kehendak hukum Islam atau hukum syarak dan kerana ia adalah satu Akta yang bukan sahaja berhasrat memberi perlindungan kepada kalangan isteri dan anak-anak yang ditinggalkan tetapi adalah juga memberi keadilan kepada kalangan para suami.

Tujuan Akta ini ialah juga bermaksud supaya tidak ada pihak yang teraniaya, suami atau isteri dan tidak boleh ada pihak yang akan mengambil kesempatan bertindak sewenang-wenangnya dan mengeneipkan keadilan di dalam rumah tangga semata-mata disebabkan kekurangan dan kelemahan undang-undang.

Tuan Yang di-Pertua, tujuan undang-undang ini digubal bukanlah hendak favour sesiapa tetapi yang lebihnya ialah soal pentadbiran dan bukan masalah ini untuk kepentingan politik masing-masing. Tujuannya ialah untuk mengemas dan menyelaraskan dan untuk diimplementasikan di seluruh Malaysia termasuk Sabah dan Sarawak. Pada mula-mula kita hendak menerapkan sesuatu yang baik memanglah pada mulanya kita menerima tentangan yang hebat tetapi setelah dirasa nikmat dan kebaikan tentulah masing-masing akan memberi sokongan dan inilah juga usaha-usaha kita dalam mempercepatkan amalan-amalan menerapkan hukum syarak dan hukum-hukum Allah dan yang harus kita perkemas ialah jalan untuk memperkemas hukum-hukum itu haruslah disusun dan dikemaskinikan. Dengan kelulusan undang-undang ini keharmonian rumah tangga akan lebih mesra terjamin dan sehati, dengan demikian akan menjamin pula kemunculan jenerasi-jenerasi yang berkualiti, berdisiplin dan boleh dibebri kepercayaan dan dipertanggungjawabkan bagi mempusakai kekayaan dan menjalankan pentadbiran negara ini untuk menjamin keselamatan dunia dan akhirat

dan kiranya kita mempunyai rakyat yang berpengetahuan, tentulah mereka boleh berfikir dengan rasional dan tidak berfikir dengan secara sentimen yang melulu. Dengan itu saya merakamkan setinggi-tinggi terima kasih kepada mereka yang telah mengambil bahagian di dalam perbahasan dan mana-mana yang tidak dapat dijawab dengan secara terperinci, segala-galanya akan diambil perhatian dan diminikan.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, minta jalan.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat, ada yang minta jalan. Bolehkah beri jalan?

Puan Shariffah Dora binti Syed Mohamed: Boleh.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Penjelasan tentang sentimen yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu. Fikiran-fikiran sentimen itu apa ertinya dan apa maksud.

Puan Shariffah Dora binti Syed Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya nampak daripada apa-apa perbahasan yang diluahkan tadi bukanlah didorong atau disaingi oleh perasaan-perasaan yang rasional tetapi ada unsur-unsur sentimen di dalamnya.

Tuan Alias bin Md. Ali: Minta jalan.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Boleh beri jalan?

Puan Shariffah Dora binti Syed Mohamed: Boleh.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Sila.

Tuan Alias bin Md. Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya merasa tidak sedap bahawa apabila kami diperkatakan membawa satu-satu hujah atas dasar sentimen. Kalau dikatakan kami membawa hujah atas dasar sentimen ugama, ya, kami mengakui bahawa ugama itu terletak di atas kepala setiap orang dan apabila kita berbicara tentang sesuatu mengenai ugama, maka

sentimen ugama itu menjadi landasan kita. Jadi, saya harap pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak menganggap orang-orang yang bercakap tentang Bil ini sebagai orang yang mempunyai sentimen sempit. Sebab dalam Islam tiada sempit dan tiada luas. Apa yang ada itulah dia, tidak boleh diubah-ubah.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama (Tuan Bujang bin Haji Ulis): Tuan Yang di-Pertua, saya fikir apa yang disarankan dan disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ialah bukannya secara spesifik ditujukan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah bercakap. Yang dikatakan ialah jangan ada komen, sama ada di sini ataupun di luar mungkin yang mengikut sentimen. Yang diperlukan ialah komen-komen ataupun sampukan yang rasional, yang baik, yang akan dapat membawa kebaikan terhadap bukan hanya umat Islam tetapi seluruh umat manusia. Ini pandangan saya.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab. Teruskan..

Puan Shariffah Dora binti Syed Mohamed: Sekiranya kalimah atau perkataan sentimen itu menyinggung mana-mana pihak, saya menuntut maaf, dan saya bersyukurlah dengan perasaan sensitif-sensitif yang efektif berhubung dengan perkara-perkara keugamaan ini mudah-mudahan mendapat ganjaran yang baik daripada Allah s.w.a.

Dan dalam perkara ini mana-mana yang perlu pihak saya akan membawa kepada Kementerian Wilayah bagi diambil tindakan dan dibaiki.

Oleh sebab Rang Undang-undang ini telah cukup panjang maka saya tidak berhasrat untuk mengulas satu-persatu dengan secara terperinci. Jadi saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada semua yang telah mengambil bahagian dan kepada Ahli Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa tadi yang menyatakan bahawa dalam Rang Undang-undang ini ada hendak melambatkan-lambatkan perkahwinan. Sebenarnya, tidak ada peraturan ataupun

Rang Undang-undang ini satu seksyen yang mengatakan supaya diperlambat-lambatkan perkahwinan bahkan yang kita buat di sini ialah hendak melambatkan perceraian.

Maka dengan sebab itu, kita mengadakah beberapa undang-undang yang agak ketat supaya perkara-perkara perceraian ini dapat dielakkan dan dapat dijauhkan. Kerana kita semua tahu sabda Junjungan yang ertinya perkara yang halah yang amat dibenci oleh Tuhan ialah talaq.

Dan yang keduanya berhubung dengan penglibatan Mufti untuk dibawa ke mahkamah dan mengatakan Mufti jadi rubber stamp, sebenarnya penglibatan Mufti ialah tiap-tiap kes yang hendak dibawa ke mahkamah itu mestilah mendapat kebenaran yang bertulis daripada Mufti kerana Majlis Ugama Islam ini bersidang hanya selama 3 bulan sekali. Jadi makin lambat kes itu akan dibawa ke pengetahuan mahkamah bagi dibicarakan. Maka dengan sebab itu, Muftilah kita beri kuasa dia sebagai Legal Adviser dan memberi kebenaran bertulis supaya perbicaraan ini dapat dijalankan dengan lebih cepat dan tidak ada deadlock dalam kes-kes yang akan dijalankan.

Yang ketiganya saya juga berterima kasih kepada pandangan-pandangan dan ulasan-ulasan yang diberi oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Nerus yang telah bersungguh-sungguh membahaskan tentang masalah poligami dengan alasan-alasan ayat Quran dan lain-lain lagi dan perkara ini memanglah kaum wanita tidak ada siapa dan undang-undang ini tidak ada menghalang mana-mana pihak bagi orang itu berpoligami ataupun hendak beristeri lebih daripada satu. Cuma kita berpegang kepada Ayat Quran yang maksudnya "Kalau kamu bimbang dan takut tidak dapat berlaku keadilan maka hendaklah satu sahaja". Tetapi jika syarat-syarat itu cukup kepada orang yang hendak memohon itu maka kita tidak ada halangan bagi membenarkan pihak suami itu beristeri lebih daripada satu. Dan peraturan yang kita sediakan dalam

Undang-undang ini ialah supaya si lelaki yang akan beristeri keduanya itu, dia haruslah memohon borang daripada Pejabat Kadi, kemudian Kadi akan panggil kedua-dua suami isteri itu dan bertanya minta penyata kewangan dan pendapatan dia, kemudian pihak Kadi akan menentukan nafkah isteri pertama, nafkah isteri kedua, nafkah anak-anak dan juga untuk diri dia sendiri. Jangan nanti sampai dia tinggal tidak ada nafkah untuk dirinya, itu yang mendorongkan kepada berlakunya rasuah.

Jadi jika sekiranya telah ditengok itu semua cukup, kewangannya cukup, tenaganya cukup, serba-serbinya cukup, baterinya charge dan lain-lain, maka pada masa itu kita tidak ada halangan lagi untuk membenarkan dia supaya beristeri lebih daripada satu....

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Bateri itu apa dia? (*ketawa*)

Puan Shariffah Dora binti Syed Mohamed: Itu salah satu daripada sebab yang wanita boleh menuntut fasah, kalau bateri tidak charge.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Oh, saya ingat motokar sahaja ada bateri. (*ketawa*)

Puan Shariffah Dora binti Syed Mohamed: Tuan Yang Dipertua, dan tentang kita mengadakan peraturan-peraturan ini sebagaimana sabda Nabi kita Muhammad s.a.w. yang maksudnya "apa yang dilihat dan dinampak, dikaji oleh orang-orang Islam perkara itu baik maka di sisi Tuhan adalah ia juga baik" dan.....

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Tuan Yang di-Pertua, untuk penjelasan.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Boleh beri jalan Yang Berhormat?

Puan Shariffah Dora binti Syed Mohamed: Ya, jemput.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: "Apa yang ditengok oleh kebanyakan orang Islam baik; maka di sisi Allah

baik." Maka Allah tidak kata pula kebanyakan orang Islam di Malaysia ini tengok baik, Tuhan tidak kata di Malaysia ini. Tuhan kata kebanyakan orang-orang Islam tengok baik, maka di sisi Allah baik. Maka adakah cara dan peraturan yang kita buat ini elok di sini seluruh orang Islam se dunia.

Puan Shariffah Dora binti Syed Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya sekiranya Rang Undang-undang ini diluluskan bahkan beberapa buah negeri telahpun meluluskan, dan jika kita pergi ke tiap-tiap negeri itu dan membentangkan kepada mereka, saya percaya mereka akan menyambutnya dengan baik. Kerana banyak perkara-perkara yang kita buat di Malaysia ini bila kita pergi ke negeri-negeri luar, mereka semua menyambut apa yang kita usahakan ini dengan baik. Semuanya teratur, sistematik dan lengkap.

Dan lagi tentang hendak beristeri lebih daripada satu tadi, bila kita panggil itu tidak dapatlah lagi si suami menyorok-nyorok, sembunyi kerana benda yang macam itulah yang menyebarkan kaum wanita ini tidak boleh tolak-ansur dan tidak boleh tahan menghadapi perkara macam itu. Bahkan Nabi kita Muhammad s.a.w. pun telah juga bersabda yang maksudnya "iklankan nikah kamu." Beritahu, canang, pukul rebana, panggil main kompang. Ini sorok-sorok, bila sudah mati besok pagi bercokoh datang dekat kubur, berderet-deret dengan anak-anak, barulah si wanita itu tahu bahawa suaminya telah ada isteri yang kedua. Maka pada ketika itu jangan haraplah nesan didirikan di pusara suami itu. Dan bila setiap hari mereka ini ada di rumah. Bilakan yang dikatakan dia ini menunaikan keadilan? Time kerja ada, time makan ada, time tidur ada di sebelah, bila-bila masa ada; bila sudah mati baru dapat tahu yang dia ada anak dua tiga. Yang timbul masalah ialah harta pesaka dan juga pembahagian pencen yang hendak dibahagi dua itu. Dan juga bila disiasat bahawa perkara ini ialah dilakukan masa mereka jogging. Jadi bila suami pagi-pagi jogging itu kaum wanita hendaklah perhati sedikit.

Tuan Yang Dipertua, adanya orang beca tadi kahwin dua tiga empat yang berjaya itu, yang kita tahu mereka itu mengeksploitasikan ataupun makan hasil isteri itu, dijadikan isterinya itu pelacur. Dan dengan sebab itu adanya banyak perkahwinan ini adalah dengan tujuan enak semata-mata dan bukan tujuan anak, padahal tujuan asasi perkahwinan ialah supaya memperbanyakkan zuriat di mana Nabi kita akan berbangga dengan umatnya yang ramai yang berkualiti di hari akhirat nanti.

Tuan Yang di-Pertua, Alhamdulillah saya nampak ada pindaan-pindaan yang diminta untuk dibuat, sekiranya diminta haruslah dibuat secara bertulis dan pengesyoran-pengesyoran yang diberi oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tadi akan diberi perhatian dan dibawa ke pengetahuan Majlis Ugama Islam Wilayah Persekutuan.

Berhubungan dengan perkahwinan di Thailand, tidak ada siapa yang mengatakan tidak sah. Sebenarnya perkahwinan itu bukanlah dikatakan tidak sah—sah, tetapi kita akan menjalankan penyelidikan terhadap perkahwinan-perkahwinan itu kerana sering kejadian bahawa yang bernikah dan yang berkahwin di luar kawasan Wilayah itu kadang-kadang isteri orang. Jadi dengan sebab itulah kita mengadakan peraturan-peraturan ini dan mereka itu kalau berkahwin di luar Wilayah kita akan siasat dan akan dinikahkan semula, dan mereka ini diambil tindakan, Rasullullah s.a.w. selalu berpesan tentang memuliakan wanita dan apakala hampir wafat pun Rasullullah s.a.w. tidak pernah lupa berpesan tentang wanita dengan Sabdanya yang bermaksud, "hendaklah kamu selalu waspada dan ambil berat tentang wanita" dan lagi Sabdanya kalau tidak silap saya yang bermaksud, "Sebaik-baik kamu ialah orang yang memuliakan wanita, orang yang mulia adalah dia memuliakan wanita dan orang yang hina adalah mereka yang merendah dan menghinakan wanita", orang yang macam ini dia cari nahas.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi umur kalau hendak kahwin bawah daripada umur yang ditetapkan 15-18 tahun,

bukan peraturan ini tidak membenarkan, bahkan ada kaitannya di bawah itu bahawa dibenarkan dia dengan syarat dia mestilah minta kebenaran daripada Kadi tempat dia itu, jadi bukanlah tidak dibenarkan secara mutlak.

Ahli Yang Berhormat dari Hulu Terengganu mengatakan bahawa Rang Undang-undang ini tidak bertepatan dengan kehendak Allah, Quran dan Hadis. Dan suka saya memaklumkan bahawa mereka yang menggubal dan menyusun ini adalah mereka yang berpengalaman dan mereka adalah boleh dianggap sebagai para mujtahid, iaitu terdiri daripada Mufti.....

Tuan Alias bin Md. Ali: (*Bangun*).

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Boleh beri jalan?

Puan Shariffah Dora binti Syed Mohamed: Ya.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Sila.

Tuan Alias bin Md. Ali: Saya tidak mengatakan secara absolute bahawa undang-undang ini tidak tepat dengan kehendak Quran dan Hadis, saya kata kalau dapati ada provision-provision yang tidak tepat, saya ingat orang yang mencatatakan itu boleh tunjukkan, kalau ada provision-provision yang tepat dengan kehendak al-Quran dan Hadis hendaklah dipinda, itu sahaja.

Puan Shariffah Dora binti Syed Mohamed: Terima kasih, saya terima.

Tuan Yang di-Pertua, ingin saya memaklumkan pada Ahli Yang Berhormat mereka yang menyusun dan menggubal Rang Undang-undang ini, adalah terdiri daripada pakar-pakar yang berpengalaman, dan bolehlah kita anggapkan dia sebagai para-mujtahid kerana mereka terdiri daripada orang-orang Islam belaka dan lulus di bidang Undang-undang, terdiri di antara lain daripada Professor Ahmad Ibrahim, Mufti Wilayah dan Ahli-ahli Majlis Ugama Islam dan Rang Undang-undang ini telah digubal, dikaji dan dihalusi selama 10 tahun dan telahpun dihantar ke negeri-negeri.....

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: (*Bangun*)

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ada yang minta kebenaran lagi. Sila!

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Apabila sahaja undang-undang ini dibuat oleh pakar-pakar seperti Mufti-mufti ataupun Professor Ahmad Ibrahim dan sebagainya, jadi bererti-nya tidak boleh disentuh dan tidak boleh diungkit atau tidak boleh dipinda dan tidak boleh diperbaiki, kesemuanya betul, sebab rasa saya dalam Dewan ini adalah tempat yang benar-benar mencari kebenaran, tidak tempat mengada-ngada. Kalau saya tengok satu perkara yang mengada-ngada, walaupun Professor mana yang buat, saya rasa, saya terpaksa sebut. Inilah rasa saya hikmat pengudi-pengundi kawasan Kuala Nerus hantar saya ke Dewan ini, ataupun Dewan ini suka seorang yang bercakap dengan mengada-ngada, yang tidak betul pun, kelabu pun supaya mengatakan cerah. Jadi apabila sahaja perkara-perkara dibuat oleh seluruh alim-ulamak misal atau maknanya mesti betul.

Puan Shariffah Dora binti Syed Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak kata bahawa semua yang dibuat ini adalah betul, sebab itulah kita bentangkan dalam Dewan ini untuk dibahas, dibincang, dikaji dan diperbaiki. Maka sebab itulah kita mengadakan Dewan ini dan kita menjemput Ahli-ahli Yang Berhormat sebagai ahli-ahli mujtahid, ahli-ahli ijtihad yang berhempas-pulas, mengulas, memikir, mencari jalan serta membe-tulkan mana-mana perkara yang agak tidak kemas dan saya rasa ini juga bagi menjawab teguran Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh iaitu Rang Undang-undang ini telah kita edarkan kepada tiap-tiap negeri untuk dijadikan model dan masing-masing bolehlah mempersesuaikan pula dengan negeri masing-masing mana-mana yang difikirkan dalam peraturan itu tidak sesuai. Banyak negeri-negeri telah pun menerima Rang Undang-undang ini dan telah pun berjalan dengan baik dan

selepas ini memanglah menjadi kewajipan kita pergi menerangkan Rang Undang-undang ini supaya rakyat kita jadi lebih celik, lebih bijak

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: (*Bangun*).

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat, ada yang minta jalan.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Adakah Yang Berhormat tahu bahawa undang-undang ini telah berjalan dengan baik? Sebabnya undang-undang ini telahpun dibentang dalam Dewan Undangan Negeri Kelantan dan walaupun diluluskan, tetapi perjalanannya agak tidak baik, banyak tentangan-tentangan daripada orang Islam sendiri, bahkan menjadikan isu politik dan Kerajaan terpaksa mengeluarkan belanja untuk menerangkan benda ini. Jadi kalau dikatakan berjalan dengan baik, saya rasa tidak benar, kerana di Kelantan tidak berjalan dengan baik dan akan menjadi satu isu yang paling besar dan merupakan tamparan kepada kerajaan Barisan Nasional dengan kelulusan Rang Undang-undang Keluarga Islam sebagaimana yang dikatakan tadi ada sedikit sebanyak yang bertentangan dengan Hukum Syarak, bukan kita kata semua.

Puan Shariffah Dora binti Syed Mohamad: Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh dan pihak Majlis Ugama Islam bersetuju supaya mana-mana lagi yang kurang kemas, yang kurang sempurna dan kurang baik akan disemak semula dan untuk diperbaiki.

Mengenai kita pergi menerangkan Rang Undang-undang ini memanglah perlu supaya menjadikan rakyat kita lebih celik, lebih bijak dan tidak lagi boleh diperbodoh-bodohkan oleh mereka yang mengambil kesempatan seperti kata Yang Berhormat tadi orang boleh sedekah anak dara pada tokguru dengan sebab dia pakai jubah dan serban, pada hal anak gadis itu adalah menjadi mangsa.

Di zaman Rasullullah s.a.w. sendiri seorang anak gadis yang dikahwinkan kepada seorang lelaki yang tidak diminatinya, tidak disukainya, telah mengadu kepada Rasullullah s.a.w. dan Rasullullah s.a.w. memberitahu bahawa kalau dia tidak suka kepada lelaki itu dia ada hak boleh menjauhkan diri dari si lelaki itu. Jadi saya haraplah perkara macam ini tidak ada lagi berlaku dalam tanah air kita seperti di zaman-zaman yang lalu di mana orang menyerahkan anak-anak daranya kepada tokguru-tokguru sampai 3-4 orang duduk dalam sebuah rumah macam bela kucing.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Yang Berhormat bercakap ini deras sangat, tidak dapat hendak ditangkap. Perkara ini menjadi minat orang ramai begitu juga saya nampak ramai Ahli-ahli dalam Dewan ini, saya harap jawapan itu dapat diberi satu persatu supaya didengar dengan jelas. Saya jemput diteruskan.

Puan Shariffah Dora binti Syed Mohamad: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah berkata tadi iaitu selepas Rang Undang-undang ini diluluskan, kita haruslah pergi menerangkan dan menjelajah ke seluruh rakyat jelata supaya rakyat kita jadi lebih celik, lebih bijak dan tidak lagi dipermudahkan-mudahkan oleh mereka yang ingin mengambil kesempatan yang selama ini boleh bersedekah anak dara mereka pada tokguru, pada hal gadis-gadis itu adalah menjadi mangsa kepada tokguru-tokguru ini.

Di zaman Rasullullah seorang gadis

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: (*Bangun*)

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ada Yang Berhormat hendak minta jalan, boleh beri?

Puan Shariffah Dora binti Syed Mohamad: Boleh.

Tuan Ibrahim Azmi bin Hassan: Sedekah anak dara kepada tokguru-tokguru ini, rasa saya tidak payah

ditimbulkan dalam Dewan ini, kerana ini akan menyinggung perasaan tokguru-tokguru yang telah dapat hadiah itu.

Yang keduanya, hari ini sebagaimana apa Yang Berhormat sebut itu jarang sangat berlaku, dahulu-dahulu ya. Kemudian perkara ini bukanlah suatu perkara sindiran dan sebagainya. Ini kita hendak buat undang-undang. Rasa saya moleklah bercakap perkara yang kita mahu buat undang-undang.

Puan Shariffah Dora binti Syed Mohamad: Tuan Yang Dipertua, yang saya sebutkan tadi adalah saya mengulang balik apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Puteh.

Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad: Tuan Yang Dipertua, sebenarnya saya menyebut bahawa dahulu ada anak-anak dara diserahkan kepada tokguru dan kita tidak pernah minta akaun tokguru itu berapa banyak duit, tetapi kena ingat kalau orang sedekah pada tokguru ini, kalau orang nazar, kalau tokguru tidak kahwin—dosa tokguru itu, kalau nazar hendak kahwin—kahwinkan. Jadi maksud saya ini bukanlah kata sedekah anak-anak dara ini selalu berlaku. Tetapi kita tidak pernah minta akaun, kita tidak pernah tanya tokguru ini berapa banyak ada duit atau bertanya tokguru bolehkah kahwin empat—tidak pernah, tetapi sedekah, maknanya begitu senang perkahwinan dilakukan dengan tujuan supaya tokguru ini tidak kacau sangat, tokguru pun kadang-kadang lebih kuat daripada kita yang tidak tokguru ini. Jadi sebab itulah diberi sedekah, sedekahpun bukan maknanya tidak setuju, maknanya anak dara pun boleh pada orang alim, ini memang setuju-lah, jadi sebab itulah maksud saya bukan hendak menimbulkan, maknanya bahawa begitu senang perkahwinan dilakukan, mengapa kita harus susah-susahkan. Itu penjelasan saya.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Untuk penjelasan tadi Yang Berhormat dari Kuala Nerus membangkitkan

jangan disebut, Timbalan Menteri menyebut ada orang menyedekahkan anak dara kepada tokguru. Sebenarnya ditimbulkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Puteh. Itulah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab, bukan beliau sendiri yang menimbulkan. Sila teruskan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Puan Shariffah Dora binti Syed Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, saya juga berterima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Rantau Panjang iaitu dengan pandangan jauh dan tepat yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat dan memanglah kita dapati bahawa dengan adanya Rang Undang-undang Islam bagi Wilayah Persekutuan ini akan dapat mengemaskan perjalanan pentadbiran Undang-undang Keluarga Islam bagi faedah umat Islam sendiri.

Yang keduanya, Wilayah Persekutuan ini memanglah pintu masuk. Apakala orang datang ke Kuala Lumpur atau ke Wilayah Persekutuan ini maka rakyat Wilayah Persekutuan inilah menjadi model contoh rakyat Malaysia di negeri-negeri yang lain. Dan juga keadaan di Wilayah Persekutuan ini adalah dalam keadaan pergaulan dan sosial sangat hebat, maka dengan sebab itu memerlukan kepada satu Undang-undang yang lebihkemas. Dan juga dengan Undang-undang ini akan memberikan kemudahan kepada umat-umat Islam Wilayah Persekutuan atau yang bermastautin di luar Wilayah dalam pendaftaran nikah cerai dan juga rujuk kerana kita memberikan pendaftaran dan kuasa-kuasa kepada kedutaan-kedutaan kita di luar negeri untuk menguruskan perkara-perkara ini.

Dengan ini, Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada semua pihak yang telah mengambil bahagian dalam membahaskan Rang Undang-undang ini dan akan memberikan perhatian kepada semua pihak yang ingin memberikan pandangan-pandangan yang bernas dan baik. Mudah-mudahan Rang Undang-undang ini akan dapat berjalan dengan lancar dan memberi manafaat kepada seluruh umat Islam sendiri. Sekian terima kasih.

Tuan Shamsuri bin Md. Saleh: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada majlis bagi diputuskan: Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

Rang Undang-undang ditimbangkan dalam Jawatankuasa.

(Tuan Shamsuri bin Md. Saleh *mempergunakan Jawatankuasa*).

Fasal 1 hingga 135 diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Jadual diperintahkan menjadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan: dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

RANG UNDANG-UNDANG KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

5.56 ptg.

Timbalan Menteri Buruh (Datuk William Lye Chee Hien): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan supaya satu Rang Undang-undang yang dinamakan Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1984 dibacakan pada kali yang kedua

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana kita sedia maklum Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk meminda Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, supaya mengadakan faedah yang lebih baik bagi pekerja-pekerja di bawah liputan Skim Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO). Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 memperuntukan dua

skim, iaitu Skim Insuran Bencana Pekerjaan (Employment Injuries Scheme) yang dikuatkuasakan pada bulan Oktober, 1971 dan Skim Pencen Ilat (Invalidity Pension Scheme) yang dikuatkuasakan pada bulan Januari, 1974. Di bawah kedua-dua skim ini, berbagai jenis faedah tunai perubatan, termasuk peruntukan bagi alat-alat buatan dan kemudahan-kemudahan untuk pemulihan jasmani atau vokasional telah diperuntukan kepada orang-orang berinsuran terbencana yang malang. Dalam kes-kes kematian yang terbit daripada bencana pekerjaan, faedah-faedah tunai adalah diberi kepada orang-orang tanggungan kepada orang-orang berinsuran yang meninggal dunia itu.

Dalam kebanyakan negara, terutama sekali di negara-negara membangun, keadaan sosial dan ekonomi sentiasa berubah mengakibatkan perubahan yang relatif dalam keperluan-keperluan sosial dan ekonomi penduduknya. Oleh yang demikian, adalah perlu bagi skim-skim Keselamatan Sosial dikemaskinikan juga dari masa ke semasa untuk memenuhi perubahan keperluan-keperluan penduduk dan memberikan mereka faedah-faedah dan perlindungan Keselamatan Sosial yang lebih baik. Atas sebab inilah Akta Keselamatan Sosial Pekerja, 1969 telah dipinda buat pertama kalinya pada tahun 1979. Sejak pindaan yang pertama itu, keadaan sosial dan ekonomi telahpun berubah. Memandangkan kepada ini dan bersesuaian dengan peruntukan seksyen 82 Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, pihak Kerajaan telah membuat beberapa cadangan untuk mengemaskinikan beberapa faedah dan kemudahan di bawah kedua-dua skim PERKESO. Berlanjutan dengan perkembangan ini, satu kajian berhubungan dengan harta dan tanggungan Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja telahpun dijalankan sejak tahun 1982. Kajian ini telah mencadangkan beberapa faedah yang lebih tinggi dan kemudahan-kemudahan yang lebih realistik.

Tuan Yang di-Pertua, Rang Undang-undang yang dikemukakan dalam Dewan yang mulia ini mengandungi

pengesyoran-pengesyoran seperti yang dicadangkan dalam kajian yang saya sebutkan tadi. Pindaan kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja ini merupakan pindaan yang kedua kepada Akta.

Tuan Yang di-Pertua, saya mencadangkan untuk membuat pindaan-pindaan tertentu kepada Akta Keselamatan Sosial Pekerja berasaskan kepada tujuan-tujuan utama untuk menaikkan kadar faedah-faedah yang ada sekarang di bawah kedua-dua Skim Keselamatan Sosial yang sedia ada iaitu:

- (a) Skim Insuran Bencana Pekerjaan (Employment Injury Scheme); dan
- (b) Skim Pencen Ilat (Invalidity Pension Scheme).

Kenaikan-kenaikan faedah yang dicadangkan itu termasuk faedah harian minima yang ditetapkan, faedah pengurusan mayat dan faedah orang tanggungan yang ditetapkan.

Selain daripada tujuan itu, PERKESO juga mencadangkan untuk memperkenalkan satu faedah baru yang dikenali sebagai "Pencen Penakat" (Survivors' Pension). Di bawah peruntukan-peruntukan yang dikuatkuasakan pada masa ini, seseorang pekerja yang berinsuran di bawah Skim Keselamatan Sosial tidak akan menerima sebarang faedah sekiranya pekerja itu meninggal dunia di luar tempat dan di luar waktu kerjanya. Di bawah faedah baru yang akan dikenal-kan, tanggungan seseorang pekerja yang layak dan meninggal dunia sebelum umur 55 tahun akan menerima pembayaran pencen tidak kira sama ada kematian pekerja itu berlaku di dalam atau di luar tempat dan waktu kerja. Ini merupakan satu peruntukan baru yang akan memberi manfaat kepada balu, anak-anak yatim ataupun lain-lain tanggungan supaya mengurangkan kesulitan-kesulitan mereka akibat daripada kematian pencari nafkah utama. Di bawah peruntukan baru ini seseorang balu akan menerima faedah ini seumur hidup atau sehingga beliau berkahwin semula. Lain-lain

syarat di bawah faedah "Pencen Penakat" adalah dijelaskan di dalam jadual Kelapan Rang Undang-undang tersebut.

Tujuan ketiga, Tuan Yang di-Pertua, ialah untuk mengemaskinikan peruntukan-peruntukan tertentu di dalam Akta, khasnya untuk memperluaskan liputan-liputan perlindungan pekerja-pekerja supaya melindungi mereka yang bergaji \$1,000 sebulan dan ke bawah. Peruntukan-peruntukan yang dikuatkuasakan pada masa ini hanya melindungi pekerja-pekerja yang bergaji \$500 sebulan dan ke bawah. Pindaan ini adalah dicadangkan selaras dengan tujuan-tujuan pindaan yang lain memandangkan bahawa keadaan sosial dan ekonomi negara telahpun berubah misalnya perubahan dalam aliran gaji beberapa tahun kebelakangan ini.

Ingin saya menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa sungguhpun faedah-faedah yang ditawarkan di bawah Skim Keselamatan Sosial akan meningkat, namun kadar caruman majikan dan pekerja bagi kedua-dua skim di bawah Skim Keselamatan Sosial tetap tidak akan berubah. Kadar caruman sekarang masih dikekalkan iaitu sebanyak 1.25% daripada gaji bulanan seseorang pekerja bagi Skim Insuran Bencana Pekerjaan yang mana ditanggung sepenuhnya oleh pihak majikan dan di bawah Skim Pencen Ilat pula, kedua-dua pihak majikan dan pekerja, masing-masing mencarum sebanyak 0.5%

Tuan Yang di-Pertua, di bawah cadangan pindaan ini, faedah wang tunai minima yang sekarang ini sebanyak \$2.50 sehari adalah dicadangkan untuk dinaikkan kepada \$8.00 sehari. Kenaikan ini merupakan pertambahan sebanyak 220%. Kadar minima yang baru ini akan dipakai untuk pengiraan faedah-faedah tunai bagi hilang upaya sementara, hilang upaya kekal, faedah tanggungan, pencen, ilat dan pencen penakat. Kadar minima ini akan juga dipanjangkan kepada semua kes yang sedia ada. Dalam perkataan lain, seseorang pekerja yang menerima kadar pembayaran

sebanyak \$2.50 sehari sekarang akan menerima \$8.00 sehari mulai dari tarikh pindaan Rang Undang-undang ini dikuatkuasakan kelak. Kadar baru yang dicadangkan ini adalah bersamaan dengan gaji purata \$342 sebulan. Ini bermakna bahawa semua pekerja yang bergaji kurang daripada \$300 sebulan akan dibayar atas kadar minima iaitu sebanyak \$8.00 sehari. Dengan bayaran ini, beliau seolah-olahnya menerima pendapatan sebanyak \$342 sebulan. Saya ingin menegaskan bahawa kadar harian ini merupakan bayaran yang minima sekali dibayar oleh PERKESO dan ianya akan bertambah baik mengikut pendapatan bulanan seorang pekerja. Misalnya jika sekiranya seseorang pekerja berpendapatan \$850 sebulan pada puratanya, kadar harian beliau adalah sebanyak \$19.83 sen sehari selama tempoh hilang upaya sementara.

Tuan Yang di-Pertua, dengan cadangan pindaan-pindaan ini perbelanjaan PERKESO dianggarkan bertambah 5 kali ganda iaitu kepada paras sebanyak \$88 juta pada tahun permulaannya. Anggaran pembayaran faedah wang tunai ini adalah berdasarkan kepada \$49 juta di bawah Skim Bencana Pekerjaan, \$1 juta di bawah Skim Pencen Ilat dan sebanyak \$39 juta di bawah faedah Pencen Penakat.

Untuk memberi satu gambaran yang lagi. Tuan Yang di-Pertua, ingin saya menyampaikan satu misalan kes kemalangan sebagai contoh. Katakanlah seorang yang berusia 19 tahun diambil kerja untuk kali pertama dengan dibayar gaji sebanyak \$8.00 sehari. Malangnya beliau ditimpa kemalangan pada hari pertama bekerja dan telah hilang empat jari tangannya. Cuti sakit selama 60 hari telah diberikan kepada pekerja tersebut dan anggaplah pihak Jemaah Perubatan PERKESO membuat keputusan bahawa hilang upaya mencari nafakahnya adalah sebanyak 60%. Walaupun pada hari kejadian itu pihak majikan dan pekerja berkenaan masih belum lagi mula mencarum, namun pihak PERKESO akan membayar dan menanggung perbelanjaan seperti berikut dalam kes seumpama ini. Kadar hilang upaya

sementara adalah kadar harian minima iaitu sebanyak \$8.00 sehari dan oleh itu jumlah wang tunai yang dibayar kepada si bencana bagi tempoh cuti sakit adalah sebanyak \$480. Dengan kadar minima sebanyak \$8.00 sehari, kadar hilang upaya kekal yang dihitung atas 60% kali 8 iaitu \$4.80 sehari. Kadar ini akan dibayar seumur hidup pekerja ini tidak kira sama ada pekerja itu bekerja selanjutnya atau tidak.

Jika dianggap bahawa pekerja ini hidup sehingga 50 tahun sahaja, maka jumlah faedah hilang upaya kekal yang akan dibayar adalah sebanyak \$54,312. Selain daripada itu, faedah pengurusan mayat atau faedah kebumian sebanyak \$1,000 akan juga dibayar apabila beliau meninggal dunia. Adalah juga dianggarkan sebanyak \$1,000 akan dibelanjakan untuk membiayai segala perbelanjaan perubatan termasuk rawatan pakar dan alat-alat tiruan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam kes contoh ini pihak PERKESO akan membayar wang tunai sejumlah \$56,792. Selain daripada faedah-faedah wang tunai seperti yang tersebut di atas, pihak PERKESO akan juga memberi perkhidmatan pemulihan dan latihan supaya pekerja berkenaan dapat bekerja semula dalam apa-apa juga bidang yang sesuai kelak. Perkhidmatan ini adalah sukar diberi anggaran kewangan. Adalah juga diperhatikan bahawa jumlah wang tunai sebanyak seperti yang tersebut akan bertambah lagi apabila PERKESO membuat kajian dari masa ke semasa untuk menyelaraskan kadar pembayaran dengan kos kehidupan pada masa hadapan kelak.

Selain daripada ciri-ciri yang telah saya terangkan ini, terdapat juga beberapa percubaan yang dicadangkan. Perubahan-perubahan seperti yang terkandung dalam Rang Undang-undang ini khasnya bermaksud untuk memberi kemudahan dan faedah yang lebih tinggi kepada pekerja. Ini adalah selaras dengan semangat Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969, iaitu supaya memberi perlindungan yang bermakna kepada pekerja-pekerja dan

tanggungan-tanggungan mereka. Atas sebab inilah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 memperuntukkan Seksyen 82 yang memerlukan skim-skim di bawah Akta ini dikaji dari masa ke semasa dan sekurang-kurangnya sekali dalam tempoh lima tahun. Ingin saya menegaskan di Dewan yang mulia ini bahawa Kementerian saya pada amnya dan PERKESO pada khususnya akan terus berusaha untuk menjadikan skim-skim di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 sebagai skim-skim yang lebih bermakna dan yang dapat membantu pekerja-pekerja serta tanggungan-tanggungan mereka dalam masa kesusahan.

Tuan Mohd. Kassim bin Ahmed: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya di hadapan Majlis ialah suatu Akta untuk meminda Akta Keselamatan Sosial yang lebih bermakna dan yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas.

6.14 ptg.

Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk mengambil bahagian dalam perbahasan atas Rang Undang-undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) tahun 1984 yang tadi telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan

Dalam ucapan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri itu tadi nampaknya apa yang telah dipinda dalam Rang Undang-undang ini adalah yang memberi lebih banyak kebaikan dan faedah untuk para pekerja di negara ini. Dan tadi saya pun telah mendengar bahawa mengikut apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan kelulusan yang dapat diberi kepada Rang Undang-undang ini, maka perbelanjaan PERKESO akan ditambah lima kali ganda.

Tuan Yang di-Pertua, tetapi pada pandangan saya, apabila saya telah mengkaji berbagai peruntukan baharu

dalam Rang Undang-undang ini, saya mesti melahirkan perasaan dukacita saya ke atas Rang Undang-undang ini yang nampaknya lebih banyak berfaedah kepada Badan SOCSO daripada para pekerja yang diperlindungi oleh Pertubuhan ini. Kita tidak boleh lari dari hakikat bahawa dengan terlulusnya pindaan-pindaan baharu ini terutamanya tentang Fasal 13 yang bertujuan meminda Jadual Pertama dari Akta Induk, untuk melanjutkan pemakaian Akta kepada orang-orang yang berpendapatan \$1,000 sebulan dan kurang Pertubuhan sendiri akan terus memperolehi hasil yang lebih banyak daripada apa yang boleh disumbangkan untuk faedah pada pekerja yang diperlindungi oleh Akta ini.

Sebagai contohnya cadangan untuk menaikkan paras pendapatan dari \$500 ke \$1,000, tidak dapat dinafikan akan menghasilkan pertambahan hasil kepada SOCSO oleh kerana caruman yang dibayar berhubung dengan pekerja-pekerja yang berpendapatan lebih \$500 tetapi di bawah \$1,000 sebulan dan ini dijangka membawa satu pertambahan sebanyak 400,000 pekerja lagi kepada jumlah lebih kurang 2.3 juta ahli yang ada sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, Pertubuhan Keselamatan Sosial akan menikmati hasil keeuntungan yang sangat tinggi pada setiap tahun kerana hanya jumlah kecil faedah yang dibayar kepada pekerja-pekerja yang diperlindungi oleh skim ini.

Disebabkan dengan keuntungan ini, ianya juga berupaya mengumpulkan harta daripada 0 pada tahun 1971 kepada jumlah yang menakjubkan sebanyak lebih kurang \$360 juta pada akhir tahun 1981.

Anggaran yang didasarkan kepada laporan tahunannya menunjukkan bahawa kurang daripada 10% wang caruman yang diterima oleh SOCSO dibayar balik kepada pekerja sebagai pampasan akibat kecederaan atau penyakit yang berkaitan dengan kerja.

Dalam 10 tahun pertama operasinya, sebagai satu contoh, saya ingin menyebutkan di sini—dari tahun 1971

kepada tahun 1980 Perkeso telah mengumpulkan sebanyak \$243 juta caruman daripada pekerja-pekerja dan majikan mereka. Sebaliknya Perkeso telah membayar faedah bernilai hanya lebih kurang \$17 juta kepada pekerja-pekerja yang tercedera dalam kemalangan perusahaan. Ia juga telah membayar perbelanjaan perubatan yang dianggarkan lebih kurang \$6.5 juta. Dengan itu daripada \$243 juta yang dikutip oleh SOCSO hanya \$23.5 juta atau kurang daripada 10% sahaja yang diterima balik oleh pekerja sebagai faedah tetapi, bakinya \$219.5 juta atau lebih 90% berakhir sebagai keuntungan kepada SOCSO dan merupakan suatu sumbangan kepada hartanya terkumpul dengan begitu cepat.

Tuan Yang di-Pertua, malahan kos pentadbiran sendiri jumlahnya lebih tinggi daripada apa yang dibayar sebagai faedah kepada pekerja. Sebagai satu contoh, jumlah kos pentadbiran daripada tahun 1971 hingga tahun 1980 berjumlah \$28.8 juta. Jumlah ini lebih besar daripada jumlah \$23.5 juta yang dibayar sebagai faedah pampasan kecacatan dan perbelanjaan perubatan kepada pekerja-pekerja pada masa yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, semasa membentangkan Rang Undang-undang ini, Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menekankan bahawa kenaikan paras atau ceiling gaji akan menghasilkan satu cara mengira faedah-faedah tunai yang lebih saksama akan tetapi pada pendapat saya ianya tidak sedemikian memandangkan kepada prinsip bahawa seseorang pekerja yang pendapatannya bertambah kepada \$1,000 ke atas dan yang masih membayar caruman dan menerima faedah SOCSO, yang akan hanya menerima faedah sedemikian pada kadar yang dianggap bersamaan dengan ceiling gaji \$1,000 dan tidak berasaskan yang sebenar. Oleh itu, bagaimanakah boleh dikatakan bahawa kenaikan ceiling gaji akan menghasilkan cara yang lebih adil untuk menerima faedah tunai seperti yang disebutkan dalam Rang Undang-undang (Pindaan) ini?

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi peruntukan dalam Rang Undang-undang (Pindaan) ini yang pada fikiran saya amatlah tidak adil kepada pekerja ialah Fasal 15 yang bertujuan untuk meminda Jadual Keempat bagi mengadakan peruntukan, di antara lain, menaikkan kadar harian jumlah faedah hilang upaya langsung yang kekal dari 60% kepada 70%.

Tuan Yang di-Pertua, tidak ada yang boleh benar-benar dibangunkan dalam pindaan baru ini berhubung dengan kenaikan faedah yang di bawah skim insuran kecederaan pekerjaan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan, kalau tak silap saya, ada mengatakan bahawa kenaikan kadar minima bayaran tunai dari \$2.50 kepada \$8.00 sehari pada kadar 70% daripada gaji bulanan, pada pandangan saya adalah tidak mencukupi apabila dibandingkan dengan keadaan yang ada sekarang.

Sebenarnya, Tuan Yang di-Pertua, keputusan menaikkan kadar faedah dari 60% kepada 70% telah dibuat dalam bulan Julai, tahun 1980. Sejak itu hasil pendapatan Perkeso (SOCSO) telah meningkat dengan cepatnya. Adalah menjadi pandangan saya bahawa kadar faedah hendaklah dinaikkan kepada 100%, bukan setakat 70% peratus sahaja. Inipun masih kurang daripada gaji sebenar pekerja oleh kerana kadar faedah dikira berasaskan gaji bulan anggapan yang kurang daripada gaji yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri berkenaan semasa membentangkan Rang Undang-undang ini ada memperkenalkan juga tentang Fasal 3 yang bertujuan untuk meminda Seksyen 15 dengan mengadakan faedah penakat baru bagi orang-orang tanggungan yang berinsuran yang mati semasa menerima pencen ilat. Adalah jelas kepada saya bahawa syarat kelayakan utama untuk mendapatkan pencen ilat ialah bahawa mengikut apa yang disebutkan dalam Rang Undang-undang ini bahawa orang yang berinsuran mestilah mengalami ilat sebagaimana yang diterangkan dalam Seksyen 17 Akta induk.

Pada anggapan saya ini bahawa cadangan pencen penekak akan dihadkan kepada orang-orang tanggungan yang berinsuran yang mati selepas mengalami ilat di dalam konteks makna Akta ini. Bagaimanapun ini sebenarnya satu faedah tanggungan untuk orang-orang tanggungan yang ilat dan ini merupakan sebenarnya satu lanjutan skim pencen ilat yang ada sekarang.

Pada anggapan saya ini bukanlah satu skim baru yang direka untuk melindungi penakat secara am, misalnya, orang tanggungan yang berinsuran mati dengan tiba-tiba berikutan sakit jantung misalnya atau kemalangan motor di luar skop pekerjaan mereka. Istilah pencen penekak nampak saya adalah sedikit mengelirukan. Dan ia hendaklah satu bentuk skim yang baru dan berasingan untuk memberi perlindungan kepada semua penakat tidak kira bagaimana orang yang berinsuran menemui kematian.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun Rang Undang-undang bercadang untuk mengurangkan tempoh kelayakan berhubung dengan faedah hilang upaya sementara dan 14 hari ke 15 hari sebagaimana yang dicadangkan di bawah Fasal 6 Rang Undang-undang ini, saya mendapati bahawa tempoh menunggu atau dengan izin dalam bahasa Inggeris waiting period selama empat hari masih dikekalkan. Ini bermakna bahawa jika seorang pekerja hilang upaya selama empat hari maka beliau tidak akan menerima apa-apa pampasan. Jika hilang upaya selama lima hari, beliau akan dibayar untuk kesemua lima hari itu. Jika ianya mungkin dilakukan untuk membayar faedah lima hari, tidak ada sebab mengapa tidak boleh dibuat kepada empat hari itu. Jika seseorang pekerja boleh buat pura-pura sakit selama empat hari, ia juga boleh berbuat begitu untuk sehari lagi. Nampaknya tidak ada keperluan atau justifikasi untuk tempoh menunggu itu. Seorang yang tercedera mesti dibayar pampasan sejak hari pertama hilang upayanya.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang yang sentiasa bergaul rapat dengan kelas pekerja adalah menjadi

pandangan saya bahawa Kerajaan hendaklah mengambil langkah-langkah untuk menyusun semula atau dibaik pulih atau dalam bahasa Inggeris to revamp sepenuhnya SOCSO dengan tujuan untuk memastikan pentadbiran yang cekap diberikan untuk insurans sosial di negara ini. Membuat pindaan-pindaan ini sungguhpun ada bahagian yang baik, malah jika di antaranya sangat berfaedah masih belum pada pandangan saya mencukupi. Ini hanya satu langkah yang sementara ataupun satu *ad-hoc* measure, dengan izin, yang tidak berupaya memberi faedah yang lebih baik kepada para pekerja. Selaras dengan seruan saya untuk disusun semula Badan SOCSO, saya suka membuat cadangan-cadangan yang berikut:

Cadangan yang pertama yang saya ingin menyampaikan di sini ialah bahawa masa telah tiba bagi menukarkan PERKESO ini menjadi sebuah badan berkanun. Saya merasa dukacita mendapati bahawa hanya beberapa bahagian atau Seksyen tertentu dalam Akta Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 1979 yang diluluskan oleh Parlimen dalam bulan Februari tahun 1979 dan dikuatkuasakan mulai 1-1-1980 tetapi peruntukan-peruntukan yang berkaitan dengan pentadbiran PERKESO dan penukarannya untuk menjadi sebuah badan berkanun masih belum dikuatkuasa lagi. Jika SOCSO dikehendaki berfungsi dengan lebih efficient, dengan lebih cekap dengan kuasa autonomi yang cukup dan penyertaan yang bermakna daripada majikan dan para pekerja yang menyumbangkan tabung wang itu maka mestilah ianya ditukarkan menjadi sebuah badan berkanun tanpa di-lengah-lengahkan lagi.

Tuan Yang di-Pertua, laporan Ambo ada merecomen Skim Keselamatan Sosial yang dicadangkan itu ditadbirkan menerusi satu pertubuhan oleh Kerajaan sehingga satu masa yang mana PERKESO boleh berjalan sendiri. Lebih daripada 10 tahun telah berlalu dan PERKESO masih belum

menjadi badan autonomi lagi walaupun peruntukan untuk menjadikannya satu badan autonomi telah pun diluluskan dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan yang kedua yang saya ingin menyampaikan di sini ialah bahawa PERKESO mestilah menyediakan perlindungan yang menyeluruh ataupun comprehensive. Perlindungan PERKESO pada masa kini masih terhad kepada perindustrian atau syarikat-syarikat perniagaan yang mempunyai pekerja serami 15 orang atau lebih walaupun ianya telah beroperasi selama lebih 13 tahun. Pekerja-pekerja dalam perindustrian kecil juga memerlukan keselamatan sosial yang besar kerana mereka tidak ada peluang untuk menyusun ataupun mengorganise kesatuan yang menjaga hal ehwal kebajikan mereka. Adalah tidak bersebab jika perlindungan PERKESO tidak boleh dilanjutkan untuk meliputi setiap pekerja dalam negara ini.

Satu lagi cadangan yang saya ingin menyatakan di sini ialah menyeru Kerajaan mengembalikan semula hak pekerja untuk mendakwa majikan mereka kerana kecederaan pekerjaan jika ianya boleh dibuktikan bahawa sesuatu kecederaan itu berpunca dari kelalaian majikannya. Apa yang saya rasa tidak adil ialah Seksyen 13 (1) Akta Keselamatan Sosial yang terdapat sekarang yang menegah seseorang pekerja yang tercedera daripada mendakwa majikannya di mahkamah bagi menuntut ganti rugi kerosakan kerana kecederaan pekerjaan. Pekerja terpaksa menerima faedah-faedah SOCSO dan tidak boleh mengambil tindakan mahkamah malah jika ianya sedar bahawa terdapat faktor kelalaian di pihak majikan dan jika beliau fikir bayaran PERKESO adalah tidak adil. Saya mengambil contoh di sini dan ialah misalnya seorang pekerja yang berpendapatan sebanyak \$200 sebulan yang sudah lumpuh disebabkan kecederaan pekerjaan dan mengalami hilang upayanya penuh yang kekal di bawah SOCSO beliau akan dibayar sebanyak \$140 iaitu 70% daripada jumlah pendapatannya tetapi jika

beliau mengambil tindakan mahkamah beliau akan dibayar ganti rugi yang penuh untuk kehilangan pendapatan. Tambahan lagi beliau juga akan dibayar antara \$70,000 - \$80,000 pampasan kesakitan dan penderitaan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah Ordinan Pampasan Pekerja, pekerja boleh sama ada untuk mendakwa majikan di bawah ganti rugi kerosakan Common Law, dengan izin, atau tuntutan pampasan di bawah Akta yang ada. Akan tetapi hal ini telah diketepikan di bawah Akta Keselamatan Sosial kan di bawah Akta Keselamatan Sosial. Oleh kerana jumlah yang boleh didapati sebagai ganti rugi kerosakan adalah jauh lebih besar daripada faedah SOCSO maka hak untuk mendakwa majikan hendaklah diberikan semula.

Pada akhirnya, Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi pandangan saya juga bahawa kita mesti mempunyai satu Skim Keselamatan Sosial Pekerja yang benar-benar comprehensive bagi melindungi para pekerja di negara kita. Saya rasa bahawa PERKESO oleh kerana sudah mempunyai harta ataupun assets yang bertambah seharusnya sekarang sudah matang dan mempunyai kedudukan kewangan yang teguh dan maju dukan kewangan yang teguh dan mampu memperkenalkan satu skim sosial yang lebih comprehensive yang boleh dilanjutkan untuk melindungi bencana-bencana baharu seperti bersalin, kesakitan, pencen panakat dan pencen umur tua. Masanya juga telah sampai bagi melanjutkan perlindungan insuran sosial kepada orang perseorangan ataupun self employed yang bekerja sendiri seperti petani, peladang dan nelayan.

Persoalan untuk memberi perlindungan kepada mereka yang bekerja sendiri telah dibangkitkan pada awal tahun 70an dan Kerajaan sendiri pun telah menugaskan seorang pakar dari Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) bagi mengkajinya tetapi sehingga hari ini tidak sesiapa pun yang tahu apa yang telah berlaku sejak itu. Saya berharap bahawa dalam masa menggulung

perbahasan ini Yang Berhormat Timbalan Menteri dapat memberi tahu kedudukan yang sebenar tentang kajian yang telah dijalankan oleh pakar ILO ini tentang syor-syor yang telah disampaikan tadi. Sekian, terima kasih.

6.43 ptg.

Dr Tan Seng Giaw (Kepong): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun menyokong cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh rakan saya Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar, kerana kemajuan bagi skim PERKESO adalah sangat perlahan dan pekerja-pekerja telah dinafikan keperluan-keperluan mereka. Apa yang dikandungkan di dalam Rang Undang-undang ini adalah sebahagiannya yang merupakan langkah ke arah yang betul tetapi tidak mencukupi. Fasal 13 adalah satu contoh ke arah yang betul walaupun tidak memadai.

Tuan Yang di-Pertua, masanya sudah sampai untuk mengkaji semula peranan, fungsi dan keupayaan, keupayaan pelaksanaan skim PERKESO untuk memenuhi keperluan-keperluan kalangan pekerja serta keluarga-keluarganya di negara kita. Kajian semula ini adalah perlu untuk mewujudkan Skim Insuran Institusi bagi Pekerja-pekerja yang lebih adil dan lebih sempurna.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa tahun lalu pada lewat tahun 70an, Kerajaan telah dinasihatkan oleh sekumpulan pakar-pakar Pertubuhan Buruh Antarabangsa untuk membuat perubahan-perubahan yang besar kepada Skim Keselamatan Sosial Pekerja. Cadangan-cadangan telah dilupakan sehingga pembentangan Rang Undang-undang di hadapan kita sekarang. Kelemahan PERKESO yang paling besar ialah hakikat yang telahpun disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar iaitu ianya telah mengumpulkan begitu banyak wang tetapi mengeluarkan hanya sebahagian yang begitu kecil sekali atas nama kebajikan. PERKESO telah mengumpulkan caruman berjumlah yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar sebanyak

\$243 juta daripada pekerja-pekerja dan majikan-majikan dari tahun 1971 hingga tahun 1980 tetapi mengeluarkan hanya berjumlah \$23.5 juta kepada 335,900 pekerja yang terlibat di dalam kemalangan industri dalam jangka masa 10 tahun ini. Sebagai purata ini hanya merupakan sebanyak \$66 seorang atau kurang daripada 2 sen sehari bagi setahun.

Tuan Yang di-Pertua, di dalam Skim Pencen Keilapan PERKESO di dalam operasi-operasi dari tahun 1974 hingga tahun 1978 berjumlah pungutan adalah \$60 juta dan mengeluarkan hanya \$3,867 kepada 12 orang. Ini bermakna kadar keuntungan adalah 99.9% berbanding dengan caruman-caruman yang diterima. Ianya merupakan satu kadar keuntungan yang paling tinggi di sejarah insuran dunia, satu catatan rekod dunia, mungkin untuk menyertai Olympic di Los Angeles.

Tuan Yang di-Pertua, kos-kos pentadbiran PERKESO bagi tempoh 10 tahun tersebut telah melebihi faedah-faedah yang telah dikeluarkan. Di manakah letaknya berjuta-juta ringgit yang dipungut dan mengapakah PERKESO nampaknya keberatan menggunakan wang ini. Adakah dipercayai bahawa 96.5% daripada harta milik PERKESO dalam tahun 1980 telah dilaburkan dalam bentuk saham-saham Kerajaan jangka panjang. Menurut Utusan Consumer keluaran Julai 1982 adalah ironi bahawa pelaburan PERKESO sendiri melebihi faedah-faedah hilang supaya yang dikeluarkan Harta molinya dalam tahun 1981 dikatakan sebanyak \$360 juta. Tuan Yang di-Pertua, kini wang dari caruman-caruman pekerja-pekerja dan majikan-majikan yang diterima oleh PERKESO menjadi salah satu unsur sumber kewangan dengan faedah yang murah. Dari konsep kebajikan yang difahamkan oleh PERKESO adalah anih sekali kerana ia nampaknya tidak menilai penderitaan serta kesengsaraan emosi serta kesakitan fizikal yang dialami oleh pekerja-pekerja yang malang. Memang benar bahawa ia adalah terdiri daripada dua skim iaitu Skim Insuran, Bencana Pekerjaan dan

Skim Pencen Keilangan. Dan pekerja mencarumkan sebanyak dalam sebulan mencarumkan sebanyak sebelum dipindahkan .5% daripada upahnya manakala majikan pula 1.75% daripada upahan-upahan pekerja. Akan tetapi seperti yang telah saya nyatakan ia tidak meletakkan perhatian ke atas penderitaan yang di alami, hanya mengira pencen yang patut dibayar.

Misalnya, sebelum ia dipindahkan, bagi seorang yang memperolehi \$200 sebulan PERKESO hanya membayar \$84 bagi kehilangan satu tangan atau \$28 bagi dua jari dan \$50 jika kehilangan satu mata. Jika seseorang pekerja mengalami hilangnya kekal, ia layak menerima 70% dari upahnya sebagai pencen. Ini bermakna bahawa seorang yang menerima gaji sebanyak \$200 sebulan yang menjadi pekak atau buta langsung atau kekal, kehilangan kedua-dua tangan atau satu tangan bersama satu kaki akan hanya menerima \$140 sebulan bagi seumur hidup.

Baru-baru ini seorang pekerja wanita India telah kehilangan tiga jari dalam satu kemalangan industri, hanya diberi kadar yang begitu rendah oleh PERKESO. Jadi, di manakah letaknya keadilan-keadilan khususnya memandangkan bahawa kebanyakan daripada pekerja ini adalah kehilangan rezeki. Nampaknya dalam pindaan ini ada baik sedikit memandangkan itulah tahun 1977 lagi dua perubahan utama telah dicadangkan oleh peguam-peguam, kumpulan-kumpulan kepentingan dan pekerja-pekerja sendiri yang pasti dapat mendatangkan manfaat yang lebih kepada pekerja-pekerja.

Yang pertama adalah untuk memansuhkan pembayaran faedah-faedah kemalangan melalui pencen kepada bayaran-bayaran sepenuh dengan sekali gus seperti yang dibayar dahulu di bawah Ordinan Pampasan Pekerja yang lama. Daripada menerima bayaran pencen yang amat sedikit mungkin bayaran sekali gus dapat membolehkan pekerja-pekerja melaburnya atau memulakan perniagaan. Paling kurang pekerja-pekerja patut diberikan pilihan antara kedua-duanya. Akan tetapi

Fasal 15 Rang Undang-undang ini hanya membuat peruntukan untuk meninggikan kadar pencen hilangnya kekal dari 60% kepada 70%. Ini bukan merupakan suatu perkara baru tetapi telah dilaksanakan sejak tahun 1980 lagi seperti yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat sendiri. Ia juga telah menentukan suatu cara mengira faedah tunai yang baru tetapi ia masih tidak menumpukan kepada kehendak dan keperluan ramai pekerja bahawa seperti di bawah banyak Skim Insuran yang lain, mereka mahu dibayar sejumlah wang yang berkenaan dengan sekali gus.

Yang kedua dan yang mendesak adalah untuk meminda Seksyen 31 Akta itu. Di sinilah letaknya suatu ketidakadilan yang besar yang masih tidak diubah oleh Rang Undang-undang ini. Majlis Peguam telah merayu bagi seksyen ini supaya ianya dipinda sejak tahun 1977 lagi. Di bawahnya seseorang yang diupah tidak mempunyai hak mendakwa majikan kerana kecuaiannya walaupun beliau layak di bawah undang-undang biasa, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, Common Law, seperti yang disebutkan oleh Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar. Ini adalah satu keadaan yang mundur kerana ia menafikan hak si pekerja memperolehi wang pampasan yang jauh lebih seperti di bawah Ordinan Pampasan Pekerja.

Misalnya di dalam kes pekerja yang memperolehi gaji \$200 sebulan yang telah saya nyatakan, yang mengalami kehilangan upaya langsung yang kekal, di bawah undang-undang biasa beliau dapat memperolehi pampasan bagi kehilangan pendapatannya sekali gus selain daripada di antara \$70,000 dan \$80,000 kerana penderitaan, kesulitan dan kehilangan kemudahan-kemudahan yang dialaminya.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah PERKESO pula, seperti yang telah saya sebutkan tadi, si pekerja hanya memperolehi \$140 sebulan. Inilah maksud saya bahawa PERKESO tidak menilai kesengsaraan yang dialami walaupun dapat dibuktikan bahawa si majikan benar-benar adalah lalai.

Tuan Yang di-Pertua, untuk menambahkan kepada ketidakadilan ini, hak mendakwa pihak majikan adalah diberikan kepada pihak PERKESO yang sudahpun kaya itu di bawah Seksyen 47 Akta itu. Ini bermakna bahawa manakah PERKESO boleh mendakwa pihak majikan dimahkamah kerana kelalaian, si pekerja tidak boleh berbuat demikian melainkan mendakwa pihak ketiga yang terlibat, kononnya ini adalah kerana PERKESO-lah yang memberi sumbangan kepada mangsa-mangsa yang terlibat. Ini adalah suatu alasan yang paling lemah kerana sumbangan mereka hanya merupakan 1.75% daripada upah si pekerja. Ini bermakna bahawa bagi seorang pekerja yang gajinya melebihi \$900 pun kini PERKESO hanya membayar \$16.65 sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengemukakan cadangan untuk melibatkan mereka yang memperolehi gaji di antara \$500 hingga \$1,000 sebulan di dalam Skim PERKESO tetapi ingin menegaskan bahawa selagi kedua-dua sungutan utama yang telah saya sampaikan tidak diadakan Perkhidmatan Sosial yang sepatutnya diberikan, akan hanya merupakan suatu impian sahaja. Ketidakadilannya . . .

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi?
Dr Tan Seng Giaw: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Sambung hari Isnin. Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ditangguhkan sehingga hari Isnin, jam 2.30 petang.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.00 malam.